



**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEBELAS
PENGKAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA**

K A N D U N G A N

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN
BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 2006

(Halaman 16)

USUL:

Usul Anggaran Pembangunan 2006

(Halaman 16)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib,
PSM., SPCM., AMN., JP. (Pasir Salak) - UMNO

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, PJN., PIS. (Kulai) - MCA

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob, PGDK., ADK.
(Sipitang) - UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) - MCA
4. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC
5. “ Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN
6. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) - UPKO
7. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO
8. “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO
9. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO
10. “ Menteri Penerangan, Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.H.M.S., P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu) – UMNO
11. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA
12. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO
13. “ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Seri Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO
14. “ Menteri Pelajaran, Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) - UMNO

15. Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jejebu) - UMNO
16. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato’ Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) - UMNO
17. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO
18. “ Menteri Pengangkutan, Dato’ Sri Chan Kong Choy, S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S., (Selayang) – MCA.
19. “ Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop
20. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Dato’ Seri Utama Mohd. Isa bin Abdul Samad, P.S.M., S.P.N.S., D.S.N.S., P.M.C. (Jempol) – UMNO
21. “ Menteri Pelancongan, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah) - PBB
22. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
23. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO
24. “ Menteri Pengajian Tinggi, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat) – UMNO
25. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato’ Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M., D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO
26. “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato’ Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) - UMNO
27. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Mustapa bin Mohamed (Jeli) - UMNO
28. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) - UMNO
29. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato’ Sri Adenan bin Satem (Batang Sadong) – PBB
30. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS
31. “ Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA
32. “ Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina binti Othman Said (Pengerang) - UMNO
33. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato’ Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) – GERAKAN
2. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB
3. “ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA
4. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC
5. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA
6. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO
7. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO
8. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO
9. “ Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) - UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
14. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15. “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA
16. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Fu Ah Kiow (Kuantan) – MCA
17. “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin (Merbok) – UMNO
18. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO
19. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) – UMNO
20. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN
21. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC

22. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Tapah) - MIC
23. “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato' Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA
24. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO
25. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO
26. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
27. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP
28. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato' Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS
29. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Kong Cho Ha (Lumut) - MCA
30. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Mah Siew Keong, (Telok Intan) - GERAKAN
31. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO
32. “ Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO
33. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Setiawangsa) - UMNO
34. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO
35. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO
36. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) – UMNO
37. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS
38. “ Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) – UMNO

SETIAUSAHA PARLIMEN

1. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Mohd Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO
2. “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO
3. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO
4. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO

5. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC
6. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato’ Yong Khoon Seng (Stampin) - SUPP
7. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA
8. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Dato’ Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO
9. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupa) - PBB
10. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO
11. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato’ Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO
12. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC
13. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA
14. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO
15. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA
16. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA
17. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat (Batu) - GERAKAN
18. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO
19. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO
20. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO
21. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN
22. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) - MIC

AHLI-AHLI

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS
2. “ Brig. Jen. (B) Dato’ Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO
3. “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS

4. Yang Berhormat Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO
5. " Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) - PAS
6. " Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
7. " Dato' Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO
8. " Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB
9. " Dato' Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO
10. " Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) - UMNO
11. " Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB
12. " Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titiwangsa) - UMNO
13. " Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai) - UMNO
14. " Tuan Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO
15. " Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRS
16. " Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS
17. " Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO
18. " Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) – UMNO
19. " Dato Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) - PAS
20. " Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP
21. " Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP
22. " Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS
23. " Dato' Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA
24. " Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP
25. " Dato' Chua Jui Meng (Bakri) – MCA
26. " Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC
27. " Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) – UPKO
28. " Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS
29. " Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP
30. " Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB
31. " Dato' Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO
32. " Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP
33. " Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
34. " Dato' Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
35. " Dato' Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
36. " Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
37. " Datuk Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
38. " Tuan Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
39. " Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO
40. " Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB

41. Yang Berhormat Tan Sri Dato' Hew See Tong (Kampar) - MCA
42. " Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
43. " Tuan Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO
44. " Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO
45. " Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
46. " Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) - PAS
47. " Datuk Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
48. " Dato' Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
49. " Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
50. " Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
51. " Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
52. " Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS
53. " Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS
54. " Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO
55. " Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO
56. " Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar (Subang) - MIC
57. " Dato' Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS
58. " Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) - DAP
59. " Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN
60. " Tan Sri Law Hieng Ding (Sarikei) - SUPP
61. " Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) - MCA
62. " Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP
63. " Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP
64. " Dato' Liow Tiong Lai (Bentong) - MCA
65. " Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA
66. " Dato' Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) - MCA
67. " Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP
68. " Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO
69. " Tuan Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO
70. " Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO
71. " Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Ketereh) – UMNO
72. " Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
73. " Tuan Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) - UMNO
74. " Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO
75. " Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO
76. " Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO
77. " Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS

-
78. Yang Berhormat Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO
 79. “ Dato’ Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) - UMNO
 80. “ Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO
 81. “ Tuan Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO
 82. “ Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
 83. “ Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
 84. “ Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO
 85. “ Dato’ Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
 86. “ Tan Sri Dato’ Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib (Pasir Salak) - UMNO
 87. “ Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
 88. “ Dato’ Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
 89. “ Datuk Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
 90. “ Datuk Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO
 91. “ Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO
 92. “ Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
 93. “ Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO
 94. “ Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS
 95. “ Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO
 96. “ Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO
 97. “ Dato’ Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
 98. “ Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP
 99. “ Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO
 100. “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO
 101. “ Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulung) – UMNO
 102. “ Dato’ Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO
 103. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA
 104. “ Dato’ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN
 105. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP
 106. “ Cik Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN
 107. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP
 108. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA
 109. “ Datuk Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO
 110. “ Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang) – UMNO
 111. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP
 112. “ Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA
 113. “ Dato’ Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP

114. Yang Berhormat Tuan Tiong Thai King (Lanang) - SUPP
115. “ Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB
116. “ Dato’ Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO
117. “ Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) - KEADILAN
118. “ Dato’ Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO
119. “ Dato’ Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO
120. “ Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB
121. “ Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA
122. “ Tuan Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO
123. “ Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) - MCA
124. “ Dato’ Yap Pian Hon (Serdang) - MCA
125. “ Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

1. Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN****Setiausaha Dewan Rakyat**

Dato' Abdullah bin Abdul Wahab

Ketua Penolong Setiausaha

Roosme binti Hamzah

Ruhana binti Abdullah

Riduan bin Rahmat

Pegawai Undang-Undang

Muzalni bin Soid

Penolong Setiausaha

Muhd Sujairi bin Abdullah

Lavinia a/p Vyveganathan

Bazlinda binti Bahrin

Farah Nurdiana binti Azhar

PETUGAS-PETUGAS**PENERBITAN PENYATA RASMI (HANSARD)**

Azhari bin Hamzah

Hajah Paizah binti Haji Salehuddin

Hajah Supiah binti Dewak

Mohamed bin Osman

Kamisah binti Sayuti

Abd. Talip bin Hasim

Hadzirah binti Ibrahim

Saadiyah binti Jamaludin

Jamilah Intan binti Haji Bohari

Hairan bin Mohtar

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Marzila binti Muslim

Habibunisah binti Mohd. Azir

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Nurul Asma binti Zulkepli

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Isnin, 3 Oktober 2005****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA****[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh] minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan menyatakan tentang persediaan kementerian dalam menghadapi dunia baru dan pemikiran rakyat yang sudah tidak lagi meletakkan nilai-nilai seni dan warisan ke suatu tahap yang boleh dipelihara dan yang boleh dihargai, tempat-tempat sejarah dan kesan-kesan warisan lama yang pupus dan terhakis.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan telah mengklasifikasikan strategi jangka pendek dan jangka panjang bagi menyediakan bangsa Malaysia yang berbudaya untuk menghadapi dunia alaf baru. Strategi tersebut antaranya adalah seperti berikut:

- (i) merakytakan seni yang menggunakan pendekatan membawa seni kepada rakyat, merangkumi persembahan dan pembangunan aktiviti seni persembahan, permainan tradisi, bahasa dan persuratan, nilai dan norma serta adat resam;
- (ii) kempen budi bahasa dan amalan nilai-nilai murni yang dilancarkan bagi membudayakan sikap mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian. Kempen peringkat pertama akan dilaksanakan untuk tempoh lima tahun; dan
- (iii) menggubal dan menguatkuasakan undang-undang warisan negara bagi menjamin perlindungan pemuliharaan dan memperkasa khazanah warisan negara sama ada yang berbentuk ketara atau *tangible*, dengan izin, mahu pun yang tak ketara *intangible*.

Dengan adanya rang undang-undang yang khusus mengenai warisan akan membolehkan kerajaan melindungi tempat-tempat bersejarah di negara kita dari pupus atau terhakis. Sementara itu menanam semangat dan nilai-nilai murni serta perjuangan yang dituntut oleh bangsa dan negara. Di samping itu kementerian juga telah dan akan mempergiat program membimbing serta melaksanakan aktiviti kesedaran melalui berbagai-bagai kegiatan seminar dan bengkel serta pengedaran bahan-bahan penerbitan bagi memberi kefahaman dan membentuk minat rakyat terhadap usaha untuk pemuliharaan.

Antara program yang telah dan akan terus dilaksanakan untuk jangka panjang, ialah Program Tunas Budaya, memfokus latihan seni persembahan untuk pelajar-pelajar sekolah terpilih di seluruh tanah air. Manakala kelab kesenian sekolah ialah kelab yang ada di setiap sekolah di tanah air dan kementerian ini membantu dari segi khidmat latihan kejurulatihan, penyediaan pakaian dan peralatan.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Menteri. Sebelum saya tanya soalan tambahan saya, ingin merakam ucapan terima kasih

saya kepada Yang Berhormat Menteri kerana telah datang sendiri untuk menjawab soalan ini, dan datang pagi-pagi lagi. *[Tepuk]*

Sebenarnya saya rasa terhormat dan inilah yang sebenarnya semangat yang kita mahukan daripada pemimpin-pemimpin kita, Menteri sendiri datang jawab, jangan asik dok jalan luar negara sahaja. *[Tepuk]*.

Soalan tambahan saya ialah, Yang Berhormat Menteri menyatakan, bahawa kita sedang menghidupkan kembali seni, tradisi, adat resam Melayu kita supaya ianya dipraktikkan - zaman sekarang ini. Tetapi, apakah Yang Berhormat Menteri bersedia untuk menyatakan dan memberi jaminan di sini, bahawa kebanyakan daripada permainan amalan tradisi dan adat resam kita ini sebenarnya banyak bercanggah dengan ajaran Islam yang maha suci. So, apakah kementerian bersedia untuk memperbetulkan perkara-perkara yang keluar daripada undang-undang Islam ini, ataupun bercanggah dengan Islam ini supaya diperbetulkan sesuai dengan kita sekarang ini sedang bercakap mengenai soal pengamalan Islam Hadhari? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas komen tersebut. Saya tidak terjumlah kepada orang yang suka keluar negara ataupun kalau keluar negara pun, buat kerja juga. Insya-Allah kita akan perbetulkan konsep serta amalan seperti yang diharapkan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan unjuran tentang percanggahan amalan budaya dengan mana-mana agama termasuklah Islam bukanlah sesuatu yang baru, tinggal lagi sekiranya ada pihak-pihak autoritatif, yang menyatakan bahawa sesuatu nas Al-Quran atau Al-Hadis bertentangan dengan mana-mana amalan budaya, maka kerajaan akan menimbang dengan sedalam mungkin teguran tersebut. Tetapi, jika teguran itu hanya menyatakan secara rambang bahawa amalan-amalan berkenaan adalah bertentangan, maka kementerian tidak dapat mengambil spesifik atau perkara tertentu itu untuk dikaji dan dihalusi dengan sama ada badan fatwa atau pun mereka yang mempunyai kuasa untuk menentukan amalan sesuatu budaya itu bercanggah.

Namun, misalnya mandi *Safar* telah ditentukan lama dahulu bercanggah dengan amalan Islam, maka Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan pada masa itu telah mengetepikan amalan tersebut. Jadi, dari masa ke semasa hendaklah kita tentukan apakah amalan yang dikatakan sesungguhnya bercanggah. Ada dua aspek yang mungkin kita halusi. Pertama, yang dianggap bercanggah, tetapi sebenarnya tidak bercanggah. Sebaliknya pula, yang bercanggah apabila dilihat, sesungguhnya bercanggah. Jadi, kedua-dua konsep tersebut harus dikemukakan dan kementerian bersedia untuk menelitinya untuk mendapatkan pemerhatian, spesifik dan *specialist*.

Tuan Fong Kui Lun: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri, memandangkan bangunan-bangunan bersejarah di Kuala Lumpur khususnya di Jalan Petaling, Jalan Sultan dan Jalan Tun H.S. Lee, banyak bangunan yang bertingkat adalah bersejarah dan berusia 100 tahun. Memandangkan pembangunan di Kuala Lumpur, banyak bangunan akan di roboh dan digantikan dengan bangunan baru.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, apakah langkah yang sepatutnya diambil oleh kementerian untuk memastikan pihak berkuasa tempatan khususnya DBKL, *preserve*, dengan izinnya, bangunan-bangunan ini untuk generasi yang akan datang, memandangkan Kuala Lumpur ialah salah satu tempat pintu masuk pelancong yang ramai. Mereka minat mengunjungi tempat-tempat yang seperti ini, oleh itu saya haraplah kementerian boleh mengambil tindakan yang sewajarnya untuk merizabkan bangunan-bangunan ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas soalan itu, boleh saya nyatakan bahawa pertanyaan ini adalah berkaitan dengan Akta Benda Purba dan di bawahnya khususnya Seksyen 15, kerajaan berkuasa untuk memulihara, mengazetkan sesuatu bangunan sekiranya bangunan itu memenuhi beberapa

syarat, salah satu daripada syaratnya ialah bahawa hendaklah lebih kurang 100 tahun usianya. Namun, demikian kerajaan telah mengambil sikap iaitu walau pun sesuatu bangunan itu tidak berusia 100 tahun, jika nilai warisannya tinggi dan penentuan yang dibuat oleh Jabatan Antikuiti sama dengan apa yang dizahirkan menerusi kehendak tuan punya bangunan maka bangunan itu boleh diwartakan. Masalahnya ialah kewangan.

Apabila sesuatu bangunan itu dimiliki oleh seseorang individu, maka tidak wajar bagi kerajaan membelanjakan wang sedemikian banyak hanya untuk memulihara bangunan tersebut, sedangkan pemiliknya tidak menjalankan tanggungjawab. Sebab *lacuna*, dengan izin, lantaran kekosongan peruntukan inilah maka undang-undang baru warisan kita sedang kita gubal dan insya-Allah akan kita bentangkan di Dewan di mana kerjasama antara tuan punya harta dengan kerajaan dapat diadun agar warisan tersebut dapat kita kekalkan mengikut nisbah dan juga rumusan yang terbaik.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Yang di-Pertua, boleh minta satu soalan, penting soalan ini.

Tuan M. Kula Segaran: Laluan telah diberi, dia *call*, lagi apa soalan, lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Lepas ini, saya bagi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Tan Seng Giaw: Lepas ini, baik, baik. Ya. Tuan Yang di-Pertua..

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya gembiralah itu Yang Berhormat Menteri mengadakan satu [*Ketawa*]..

Seorang Ahli: Senyum!

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya sangat gembiralah dengan itu Yang Berhormat Menteri yang mempunyai satu rancangan, yang mempunyai satu rancangan untuk itu khazanah seni negara, kita. Ada persembahan ada kurniannya dan

Tuan Yang di-Pertua: Terus, terus Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Memang teruskan. Di dalam rancangan ini saya nampak Ketereh hanya menumpu perhatian kepada..

Seorang Ahli: [*Menyampuk*].

Dr. Tan Seng Giaw:saya tanya juga tu. Saya tanya adakah itu soalan, itu soalan Ketereh, kalau Sri Gading tak mengerti soalan, itu tak susahlah mungkin dia boleh dihantar kepada kementerian itu..

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat teruskan.

Dr. Tan Seng Giaw: Kebudayaan untuk diasahkan...

Tuan Yang di-Pertua: Ya, teruskan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, adakah di dalam rancangan ini untuk budaya-budaya selain daripada budaya Melayu tetapi budaya lain di dalam masyarakat majmuk ini dan juga saya nampak dua malam yang lepas itu kita ada Deklamasi Angkasapuri 2005. Adakah dasar pihak kementerian untuk menghantar orang pergi ke peristiwa-peristiwa seumpama ini untuk menyaksikan bagaimana wadah seni kita dikembangkan.

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kepong. Sebenarnya semua pelaksanaan program seni budaya dan warisan, kita asaskan kepada Dasar Kebudayaan Kebangsaan dan di bawah Dasar Kebudayaan Kebangsaan selain dari budaya Melayu ataupun budaya kebangsaan, budaya kaum-kaum lain pun diberi ruang untuk digalakkan dan ini telah pun kita laksanakan secara adil dan saksama.

Untuk menjawab segmen kedua soalan itu, kementerian memang ada program untuk menghantar wakil, malah kumpulan-kumpulan budaya keluar negara ataupun kepada mana-mana pihak yang mempunyai nilai intelek, budaya seni dan warisan untuk dirumuskan dalam dasar pelaksanaan kementerian. Program-program budaya di tanah air sedang rancak kita jalankan dan semua segmen wilayah kita akan beroleh tumpuan seperti di Sabah, Sarawak, Semenanjung dan juga kandungan-kandungan budaya dalam etnik yang mengikut perhitungan kementerian mempunyai nisbah yang menarik dan mengekalkan nilai harmoni kaum di antara kita.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, selamat pagi, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Negara kita ini, Tuan Yang di-Pertua, ada lambang-lambang yang tidak boleh diremehkan, tidak boleh diambil sebagai perkara yang tidak penting. Lambang negara seperti Yang di-Pertuan Agong, bendera, lagu Negaraku dan lambang-lambang kedaulatan negara yang tidak boleh dihina.

Saya rasa terhina, Tuan Yang di-Pertua, apabila pertandingan akhir bola sepak Piala Malaysia antara Perlis dan Selangor, penyanyi rock, Hattan, menyanyikan lagu Negaraku dengan versi yang salah di hadapan 100,000 penonton, siaran langsung dilihat oleh berjuta penduduk rakyat Malaysia, lagu Negaraku dibuat begitu rupa, diubah. Versi apa yang dibawa?

Saya ambil contoh versi yang betul di akhirnya, Yang Berhormat Menteri, "Raja kita selamat bertakhta". *[Tepuk]* Hattan nyanyi, yang akhirnya, "Raja kita selamat bertakhta" *[Menyanyi dengan melodi yang berlainan]*

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Yang di-Pertua, penyanyi yang sebegini rupa mengkhianati negara dan bangsa harus dihukum, dicampak ke laut. *[Dsampuk]* *[Ketawa]* Tidak tahulah FAM, di hadapan Yang di-Pertuan Agong. Ini penghinaan kepada negara, jangan main-main! Kalau ini contoh yang dibuat oleh penyanyi dan dinyanyikan di hadapan khalayak yang begitu ramai dan kalau diikuti oleh...

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Soalnya, Tuan Yang di-Pertua, versi apa yang hendak dipakai sebagai rasmi?

Tuan Yang di-Pertua: Menteri faham.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Soalnya, sudahlah Selangor menang apa yang hendak dibanggakan? Semua pemain import. *[Ketawa]* *[Dewan riuh]* Syabaslah Perlis. *[Disampuk]* Orang Indonesia bawa bendera Selangor, apa yang hendak dibanggakan? FAM harus agaknya kena kaji balik. Bangga apa? Malulah saya walaupun Johor tidak masuk *final* pun, saya redalah. Perlis, terima kekalahan, tidak apa. Itu satu, yang kedua..

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, import itu dibenarkan, ya.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Yalah, menang memang menang. Ini macam AP juga, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Ini AP dalam FAMlah. *[Disampuk]* AP dalam FAM.

Satu lagi, ini menteri datang, saya hendak tanya beliau. Apa maksud beliau dalam surat khabar minggu lalu, hendak menghilangkan *stress*, berjogetlah suami isteri. *[Ketawa]* Saya ingat kalau suami isteri, bukan *stress*, memang makin lembiklah, Tuan Yang di-Pertua *[Ketawa]* Agak sayalah, tidak tahulah, Yang Berhormat jawablah.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah, silakan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading di atas pandangan yang tajam, terus kepada peristiwa-peristiwa berikut. Saya akan bekerjasama dengan rakan saya, Yang Berhormat Menteri Penerangan untuk mendapatkan *footage*, dengan izin, lagu tersebut dan sekiranya pihak tersebut memang menyanyikan atau menggurausendakannya, maka kami akan bertindak di bawah Akta Lagu Kebangsaan. *[Disampuk] [Tepuk]* Saya serta Yang Berhormat Menteri Penerangan, insya-Allah, dengan kerjasama beliau akan memaklumkan balik tindakan yang akan kami ambil.

Kedua tentang siaran mengenai menggalakkan berjoget dengan isteri, walaupun tidak begitu tepat kepada soalan ini. Jika dengan bukan isteri kita berjoget utama, dengan siapa lagi? Itu satu soalan daripada kemasyarakatan. Kita selalu menyatakan inti sari budaya kita kian lama kian mati, inti sari tarian kita kian lama kian hilang. Jadi kementerian menggalakkan supaya kita mengamalkan joget kembali iaitu joget Malaysia, bukan joget lambak. Joget Malaysia itu mengandungi beberapa inti sari dan nisbah budayanya yang sangat cantik. Justeru, digalakkan bagi pemimpin-pemimpin menari dengan isteri dan menggalakkan masyarakat supaya ini adalah budaya lama yang tidak semestinya pupus. Itulah maksudnya.

Tinggal lagi bagaimana media melaporkan, itu barangkali menurut selera mereka agak menonjol sedikit tetapi kita maafkanlah. Terima kasih.

2. Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi] minta Menteri Pelancongan menyatakan berapakah jumlah kedatangan pelancong ke Langkawi bagi sektor antarabangsa dan domestik dan nyatakan pecahan mengikut negara sejak lima tahun kebelakangan ini.

Timbalan Menteri Pelancongan [Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengalu-alukan kehadiran rakan-rakan MIC dari Klang ke Dewan yang mulia ini. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, data ketibaan pelancong ke Langkawi adalah berdasarkan kepada jumlah penginap hotel di pulau tersebut. Oleh kerana datanya terlalu panjang kerana permohonan jawapan ini memerlukan pecahan mengikut tahunan, maka saya mohon kepada Tuan Yang di-Pertua untuk saya meringkaskan jawapan ini dan *details*nya saya akan serahkan kepada Yang Berhormat bagi Langkawi.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Bagi penginap domestik atau pelancong domestik, pada tahun 2000, yang datang ke Langkawi adalah seramai 566,000 orang. Tetapi pada tahun 2004, meningkat kepada 1.6 juta orang. Ini memperlihatkan peningkatan sebanyak 1.08 juta orang atau 191%. Manakala penginap hotel terdiri daripada pelancong antarabangsa, bagi tahun 2000, kehadiran seramai 512,000 orang tetapi pada tahun 2004, meningkat kepada 1.26 juta orang iaitu peningkatan sebanyak 743,000 orang atau meningkat sebanyak 145%.

Manakala pasaran utama penginap hotel antarabangsa di Langkawi dari tahun 2000 hingga 2004 memperlihatkan pelancong-pelancong Asia Barat telah menyumbang peningkatan yang cukup ketara. Pada tahun 2000 hanya seramai 15,376 orang yang datang ke Langkawi tetapi pada tahun 2004, meningkat kepada 123,584 orang iaitu peningkatan sebanyak 703%.

Negara yang kedua yang memberikan peningkatan peratusan yang banyak ialah Jerman. Pada tahun 2000, 31,184 orang yang datang dari Jerman tetapi pada tahun 2004 meningkat kepada 71,679 iaitu peningkatan sebanyak 130%. Manakala Taiwan, 69,412 yang hadir pada tahun 2000 tetapi pada tahun 2004, 124,078 orang iaitu peningkatan sebanyak 79%. Manakala Hong Kong, pada tahun 2000, 25,863 orang yang datang tetapi pada tahun 2004 meningkat kepada 44,201 orang ataupun 70% peningkatan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucap tahniah dan terima kasih kepada pihak Kementerian Pelancongan yang telah bekerja keras pergi ke merata negara untuk menentukan pelancong datang dengan banyaknya datang ke Malaysia dan juga ke Langkawi. Saya juga ucap terima kasih dan tahniah kepada timbalan menteri yang telah begitu gigih sekali menjalankan tugasnya sebagai Timbalan Menteri Pelancongan. Saya harapkan Yang Berhormat akan terus meningkat dari segi perjawatan.

Walau bagaimanapun, saya masih lagi rasa takut bukan apa, di sesetengah tempat, budaya untuk *maintenance* ataupun penyelenggaraan kemudahan yang asas yang ada di Langkawi. Misalnya di Datai terdapat *highest man made waterfall* in Malaysia, satu tempat air terjun yang begitu tinggi yang merentangi jalan ke Datai. Dan Pulau Singa Besar ke Pulau Dayang Bunting, keadaannya adalah begitu tidak menggembirakan sekali, malahan saya dari dahulu lagi telah meminta Yang Berhormat Menteri Pelancongan untuk datang ke Langkawi untuk melihatnya sendiri kerana Pulau Singa Besar, Pulau Dayang Bunting dan Datai tidak ada penyelenggaraan yang begitu baik.

Datai misalnya, Tuan Yang di-Pertua, ia *waterfall* tetapi ia dilakukan oleh Yang Berhormat Berbahagia Dato' Syed Jalil yang telah membelanjakan lebih kurang RM5 juta untuk mengadakan *waterfall* itu. Selepas itu diserahkan kepada pihak Majlis Perbadanan Langkawi dan tidak ada penjagaan yang telah dilakukan dan hanya beroperasi mungkin 5 bulan, lepas itu tidak beroperasi sampai sekarang ini. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya mintalah, apakah yang kementerian perlukan untuk menentukan perkara ini dapat dilakukan dengan baik? Terima kasih.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, memang terlalu banyak produk pelancongan yang telah ditingkatkan tarafnya di Langkawi. Begitu juga banyak produk baru yang telah dicipta, manakala kelemahan orang ramai dan juga kelemahan pihak kerajaan pihak berkuasa tempatan (PBT) ialah dari segi penyelenggaraan. Saya ingin merujuk kepada apa Yang Berhormat sebutkan tentang *waterfall* ataupun air terjun di Datai.

Memang kita maklum bahawa selama lima atau enam bulan tidak ada air yang terjun [*Ketawa*] walaupun itu namanya air terjun. Namanya air terjun kering. Kami telah mengadakan perbincangan dengan pihak LADA dan juga dengan pihak majlis daerah supaya peruntukan yang kami berikan itu dipergunakan sebaiknya untuk membaik pulih dan juga menyelenggarakannya.

Tetapi yang lebih penting sekali ialah dari segi sikap masyarakat tempatan. Memang banyak peruntukan yang telah diberikan sejak zaman kepimpinan Tun Dr. Mahathir hingga sekarang ini, tetapi masyarakat tempatan harus menerima bahawa pelancong-pelancong itu adalah penyumbang utama kepada ekonomi Langkawi. Bukan setiap kali menteri datang, memorandum demi memorandum dihantar yang menyebabkan Ahli Parlimen Langkawi sendiri semakin "kurus" menerima memorandum setiap kali kami datang.

Oleh yang demikian, dengan kerjasama Yang Berhormat bagi Langkawi, kita harapkan masyarakat Langkawi itu berubah sikap sebagaimana berubah sikapnya beberapa penduduk tempatan yang menjadikan pulau-pulau sebagai destinasi pelancongan, bukan *complaint* setiap kali apabila produk-produk baru dibuat, atau acara (*event*) baru dibuat.

Saya harap dengan adanya soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Langkawi ini, masyarakat Langkawi akan bersikap lebih proaktif dan positif. Di Dewan yang mulia ini saya bukan menyatakan sesuatu yang negatif terhadap orang Langkawi tetapi sesuatu yang bersifat kebenaran harus diterima hakikat bahawa pendapatan utama orang-orang Langkawi adalah pelancongan dan sikap orang Langkawi harus berubah menerima pelancong-pelancong ini sebagai pendapatan utama untuk mereka. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasihlah Yang Berhormat bagi Sri Gading, dia tidak minat bola pun dia tengok juga bola.

Soalan tambahan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, berdasarkan kepada statistik yang diberikan tadi, ramai pelancong yang datang melawat Pulau Langkawi termasuklah daripada negara Jerman dan pelbagai lagi. Saya hendak bertanya apakah yang menyebabkan mereka tertarik dengan Pulau Langkawi ini, adakah kerana pulau yang semula jadi ini termasuk Pulau Dayang Bunting, legenda Mahsuri ataupun kerana bebas cukai yang disediakan di sana, yang terdapat di Pulau Langkawi ini dan apakah langkah-langkah kementerian walaupun tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan sikap penduduk-penduduk tempatan di Langkawi perlu diubah. Apakah tindakan seterusnya Kementerian Pelancongan memandangkan banjir pelancong datang ke Pulau Langkawi ini untuk dipertingkatkan lagi. Saya tidak nampak adanya persembahan-persembahan budaya tempatan untuk meningkatkan lagi kekayaan budaya tempatan ini, apakah usaha kementerian dalam bidang ini? Terima kasih.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya produk pelancongan ada di setiap tempat termasuk Larut dan juga Pasir Salak, ianya banyak bergantung pada promosi. Kalau Pasir Salak atau Lumut atau Larut, Sri Gading sekali pun, kalau ada usaha untuk mempromosikannya banyak, maka tempat itu akan terdedah di peringkat antarabangsa dan ramailah datang pelancong.

Begitulah juga apa yang berlaku di Langkawi, usaha untuk *physical development* dengan izin, memang telah banyak dilakukan. Tetapi yang lebih penting ialah dari segi promosi dan meletakkan Langkawi di peta antarabangsa dari acara yang diadakan sama ada acara berbasikal di peringkat antarabangsa, *La Tour de Langkawi* ataupun acara LIMA itu telah meletakkan Langkawi di peta dunia dalam bidang pelancongan.

Faktor yang kedua ialah dari segi kemudahan sampaian (*accessibility*) pelancong-pelancong secara terus ke Langkawi, umpamanya ada penerbangan terus daripada London ke Langkawi, penerbangan daripada Frankfurt ke Langkawi dan penerbangan daripada beberapa buah negara lain ke Langkawi.

Jadi kalau Yang Berhormat bagi Larut berhajat untuk menjadikan Larut sebagaimana hebatnya Langkawi boleh memohon dalam Rancangan Malaysia Kesebelas nanti untuk adanya lapangan antarabangsa agaknya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Boleh dapatkah? Takut tak boleh dapat.

3. Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan unjuran bilangan warga emas, bilangan warga emas miskin yakni termasuk pesara yang tidak mempunyai pendapatan bulanan atau "*social security*". Adakah kementerian sanggup meminta peruntukan sekurang-kurangnya RM500 juta dengan menetapkan syarat-syarat bagi membolehkan warga emas miskin tersebut menerima bantuan.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil]: Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Yang Berhormat, Malaysia seperti juga negara-negara anggota ASEAN yang lain telah mengguna pakai had umur 60 tahun sebagai had umur bagi golongan yang dikategorikan warga emas. Untuk jangka masa 15 tahun yang akan datang, bilangan warga emas di Malaysia dijangka akan meningkat kepada 11.3% iaitu 3.21 juta orang daripada jumlah penduduk seramai 33.7 juta.

Jangkaan peningkatan ini adalah berdasarkan unjuran yang sedia ada iaitu pada tahun 1991 bilangan penduduk warga emas ialah seramai 1 juta atau 5.9% dan pada tahun 2000 seramai 1.42 juta atau 6.1%. Pada pertengahan tahun ini bilangan warga emas turut meningkat kepada 6.5% iaitu seramai 1.69 juta dan 52% daripada jumlah tersebut adalah wanita.

Tuan Yang di-Pertua, dasar kerajaan berkaitan dengan kebajikan warga emas amat jelas di mana kita akan sentiasa memastikan golongan ini tidak diabaikan kebajikan mereka atau dibiarkan tanpa penjagaan terutama yang menghadapi sakit melarat sejajar dengan amalan masyarakat penyayang. Di samping itu, kerajaan juga menggalakkan anak-anak dan ahli keluarga yang berupaya dan mempunyai kemampuan kewangan agar dapat menjaga kedua orang tua mereka. Dengan ini ia akan dapat mengeratkan hubungan kekeluargaan, menikmati kehidupan yang lebih sempurna dan mereka mendapat kasih sayang dan penjagaan yang terbaik.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat ada menyediakan bantuan yang dinamakan bantuan orang tua bagi meringankan beban warga emas yang memerlukan. Terdapat sebanyak 23,334 penerima bantuan dengan kadar RM135 sebulan seorang di mana kerajaan perlu membelanjakan RM37.8 juta setahun. Alhamdulillah, atas permintaan kementerian, maka kadar bantuan untuk warga emas telah dinaikkan sedikit dari RM135 ke RM200 sebulan seorang.

Sementara itu bagi warga emas yang tidak mempunyai saudara mara atau tidak mampu untuk meneruskan kehidupan mereka bersama komuniti, Jabatan Kebajikan Masyarakat ada menyediakan perkhidmatan institusi bagi penjagaan warga emas. Kini terdapat 1,995 warga emas yang diberi penjagaan di rumah-rumah Sri Kenangan dan rumah-rumah Ehsan di seluruh negara. Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Syabas kepada menteri. Selain daripada Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi dan Menteri Kerja Raya ada hadir. Memang syabas kepada semuanya. Saya nampak Yang Berhormat Menteri ada berikhtiar untuk wanita, keluarga dan masyarakat tetapi usahanya kurang ketara mengenai pelantikan Hakim Syariah Wanita.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Soalan, soalan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tunggulah sekejap, Yang Berhormat bagi Larut. Jangan berlarutan seumpama ini. Adakah Yang Berhormat sanggup membuat kajian yang teliti bilangan warga emas yang tidak ...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Peraturan Mesyuarat. Yang Berhormat bagi Kepong, Peraturan mesyuarat. Buat tanya teruslah soalan itu, jangan nak merewang sahaja. Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw: Adakah Yang Berhormat sanggup membuat kajian yang teliti untuk warga emas yang tidak mempunyai pendapatan dan unjuran bilangan dari sekarang hingga 15 atau 20 tahun akan datang kerana kita nampak orang muda perlu menampung warga emas.

Semua ini telah atau menjadi warga emas dah. Saya pun bagi pihak semualah termasuk Yang Berhormat bagi Jerai dan Yang Berhormat bagi Larut...

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dr. Tan Seng Giaw: Yang Berhormat bagi Arau pun begitu jugalah. Dia sekarang ini muram sedikit kerana Perlis sudah kecundang. [Ketawa] Tunggu sekejaplah, saya bagi pihak semua orang di sini dan yang telah menjadi warga emas. Kita hendak kementerian membuat persiapan supaya semua warga emas terutamanya yang tidak berkemampuan dijaga dengan baik. [Disampuk] Kita tidak buang masa. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Ahli Yang Berhormat, pihak kementerian, kita *no problem*. Insya-Allah, kalau diberi peruntukan yang secukupnya untuk mengadakan kajian ini ia tidak jadi masalah, malah kita dari masa ke semasa atas inisiatif sendiri telah membuat kajian kependudukan dan hasil dari kajian ini digunakan untuk kita mengutarakan polisi-polisi yang terkini dan proaktif.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Tangga Batu.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron : Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya merujuk kepada kenyataan Yang Berhormat Menteri

sebentar tadi di mana Kementerian menggalakkan anak-anak untuk memberikan perhatian kepada orang-orang tua mereka yang telah mencapai umur usia warga emas.

Saya juga ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri apakah sikap Kementerian, apakah anggapan Kementerian kepada anak-anak yang menghantar orang tua mereka ke rumah-rumah Seri Kenangan ini, anak-anak yang menghantar orang tua mereka ke rumah orang-orang tua ini.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak memaklumkan bahawa pertamanya dari segi budaya dan cara hidup kita di Malaysia, saya berdoa bahawa tidak akan datangnya masa di mana generasi muda kita dengan begitu mudah sekali menghantar ibu bapa atau pun kaum keluarga mereka yang telah berusia lanjut ke mana-mana institusi untuk warga emas.

Saya berdoa bahawa Malaysia akan sentiasa berkat di mana kita akan mampu untuk menjaga orang tua kita semua. Alhamdulillah, sebenarnya Yang Berhormat, di Malaysia saya nampak bahawa nilai dan budaya ini - Yang Berhormat Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim saya rasa gembira mendengar ini bahawa setakat ini secara umum kita masih mempertahankan budaya di mana kaum keluarga kita masih menyayangi orang-orang tua kita. Namun begitu Yang Berhormat, saya telah pun membuat lawatan ke beberapa institusi yang ada di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat termasuklah rumah-rumah Seri Kenangan sama ada warga emas kita yang duduk di situ ataupun jagaan harian.

Saya hendak memaklumkan bahawa saya lihat mereka yang menghantar orang tua mereka ke rumah-rumah seperti ini adalah kerana mereka betul-betul tidak mampu untuk menjaga mereka. Pertama, kerana warga emas di situ ada yang sakit terlalu melarat di mana memerlukan bimbingan dan jagaan profesional. Sebab di rumah-rumah ini kita tentukan ada doktor yang datang, ada jururawat dan kaunselor. Rawatannya saya tengok cukup hebat. Saya lihat setakat ini, boleh dikatakan semua penghuni warga emas yang ada di institusi Jabatan Kebajikan Masyarakat dihantar kerana ahli keluarga mereka memang tidak mampu sama ada dari segi bantuan kewangan - tetapi saya lihat yang lebih mustahak ialah daripada keupayaan mereka sebab hendak *handle*, dengan izin, orang tua ini, terutamanya mereka yang terlalu sakit, usia emas mereka memerlukan jagaan profesional, alhamdulillah. Tetapi saya harap bahawa ini tidak akan menjadi kebiasaan sebab *waiting list* di rumah-rumah Seri Kenangan dan rumah Ehsan memang *long list*.

Jadi, saya harap dengan adanya usaha gigih daripada Menteri Kesenian, Kebudayaan dan Warisan, kita rakyat Malaysia terutama generasi muda, kaum keluarga akan menentukan bahawa orang tua-tua kita tidak disia-siakan.

4. Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai] minta Menteri Sumber Manusia menyatakan apakah fungsi Tabung Sumber Manusia (HRDF) dan apakah jenis industri-industri yang dimestikan untuk menabung dan berapakah jumlah sebenarnya wang yang telah dikumpulkan oleh (HRDF) setakat ini dan berapakah telah dibelanjakan dan apakah manfaatnya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Chew Mei Fun]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bagi pihak Kementerian Sumber Manusia atas sebab Menteri berada di London atas urusan rasmi dan Yang Berhormat Timbalan Menteri berada di Kuala Terengganu atas urusan rasmi Kementerian.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Puan Chew Mei Fun: Tuan Yang di-Pertua, Skim Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia bertujuan untuk membantu pembangunan negara selaras dengan matlamat negara untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju menjelang tahun 2020 melalui latihan kepada mereka yang sudah pun bekerja.

KWPSM telah ditubuhkan pada tahun 1993 untuk menggalakkan majikan di sektor swasta supaya lebih berusaha melatih semula dan meningkatkan kemahiran pekerja-

pekerja mereka bagi memenuhi keperluan pelan strategik peniaga mereka selaras dengan pembangunan negara. Secara khususnya penubuhan KWPSM adalah seperti berikut:

- (i) meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pekerja,
- (ii) melengkapkan pekerja dengan kemahiran yang khusus dan terkini,
- (iii) membantu untuk mempercepatkan pemindahan teknologi dan operasi industri,
- (iv) meningkatkan produktiviti dan operasi yang memberi nilai ditambah,
- (v) mencegah kemahiran pekerja daripada menjadi usang dalam persekitaran teknologi yang sentiasa berubah-ubah,
- (vi) mewujudkan kemahiran pelbagai sesuai dagangan pekerjaan yang fleksibel dan tetap, dan
- (vii) memupuk budaya latihan di kalangan majikan.

Tuan Yang di-Pertua, majikan-majikan yang dimestikan menabung kepada KWPSM adalah seperti diperuntukkan di Jadual I Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001 seperti berikut:

- (i) sektor perkilangan:
 - (a) majikan yang mempunyai 50 pekerja dan ke atas;
 - (b) majikan yang mempunyai 10 hingga 49 pekerja dengan modal berbayar sebanyak RM2.5 juta dan ke atas; dan
 - (c) majikan yang mempunyai 10 hingga 49 pekerja dengan modal berbayar kurang daripada RM2.5 juta pula mempunyai pilihan sama ada mendaftar ataupun tidak dengan KWPSM.

- (ii) sektor perkhidmatan:

Di bawah sektor perkhidmatan, majikan dari industri-industri berikut dan mempunyai 10 pekerja warganegara Malaysia adalah wajib untuk mendaftar dengan KWPSM iaitu:

- (a) tenaga,
- (b) perhotelan,
- (c) penghantaran,
- (d) *freight*,
- (e) perkapalan,
- (f) pengangkutan udara,
- (g) ejen pengembaraan,
- (h) pos dan *courier*,
- (i) telekomunikasi,
- (j) komputer,
- (k) pengiklanan,
- (l) institut pengajian tinggi swasta,
- (m) penyelia latihan,

- (n) jualan langsung,
- (o) perkhidmatan pelabuhan,
- (p) khidmat penyelenggaraan dan sokongan kejuruteraan,
- (q) penyelidikan dan pembangunan,
- (r) gudang awam berlesen,
- (s) firma kawalan keselamatan,
- (t) hospital swasta,
- (u) pasar raya besar,
- (v) pasar raya, dan
- (w) gedung serbaneka.

Walau bagaimanapun, pengecualian adalah diberikan kepada majikan-majikan dalam perkhidmatan pasar raya besar, pasar raya dan gedung serbaneka di mana jumlah pekerja adalah 50 orang dan lebih.

Tuan Yang di-Pertua, majikan yang telah berdaftar dengan membayar levi pembangunan sumber manusia layak mendapat bantuan kewangan di bawah KWPSM untuk melatih semula dan meningkatkan kemahiran pekerja. Jumlah levi pembangunan sumber manusia yang telah dibayar oleh majikan dari tahun 1993 sehingga 31 Ogos 2005 adalah sebanyak RM1.737 bilion. Dalam tempoh yang sama, sebanyak 4,749,492 tempat latihan yang melibatkan bantuan kewangan sebanyak RM1.730 bilion telah diluluskan kepada majikan bagi melatih semula dan meningkatkan kemahiran pekerja.

Dari jumlah RM1.730 bilion yang diluluskan, sebanyak RM1.238 bilion telah dibayar kepada majikan. Sehubungan itu, hasil daripada kajian keberkesanan latihan yang dijalankan menunjukkan bahawa hampir 98.1% majikan tanpa mengira saiz telah menikmati pelbagai faedah daripada skim KWPSM yang dilaksanakan oleh PSMB.

Lima faedah utama yang diperolehi oleh majikan adalah seperti berikut:

- (i) peningkatan dalam prestasi kerja,
- (ii) peningkatan kualiti produk,
- (iii) peningkatan produktiviti,
- (iv) peningkatan kepuasan majikan, dan
- (v) pengurangan dalam aduan majikan peningkatan dalam tahap kepuasan pelanggan.

Pelaksanaan pelbagai skim KWPSM telah menunjukkan pengaruh yang positif dan impak yang baik terhadap budaya latihan di kalangan majikan. Sekian, terima kasih. .

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan, daripada RM1.2 bilion yang telah dibelanjakan untuk memberi latihan kepada pekerja-pekerja kerana kita sedia maklum *human capital* ataupun *human resource* adalah penting dari segi membangunkan ekonomi negara kita ini.

Adakah dengan program IKS yang akan kita perbesarkan di dalam negara kita ini, syarikat-syarikat yang melibatkan diri dalam bidang perdagangan ini diwajibkan kerana saya difahamkan ada setengah-setengah syarikat itu dia tidak mahu. Kalau kita ambil orang kita ini nanti, pengeluarannya terganggu dan tergugat. Apakah ini ada peraturan-peraturan yang memestikan bahawa syarikat-syarikat yang tidak menghantar pekerja mereka untuk dilatih akan diambil tindakan sewajarnya.

Lagi satu, apakah kita tidak mengalami kerugian kerana kita melatih pendaatang-pendatang asing yang bekerja dengan syarikat kita di Malaysia dan kemahiran-kemahiran ini akan dapat kepada mereka dan rakyat kita akan rugi sedangkan duit yang kita dapat sebanyak RM1.7 bilion ini adalah untuk diberikan latihan. Di samping itu juga saya, Tuan

Yang di-Pertua, ingin tahu berapa banyakkah syarikat-syarikat yang telah diberi untuk menganjurkan program-program latihan ini. Bolehkah *classified*kan saya berapa syarikat bumiputera dan berapa syarikat bukan bumiputera.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, apakah tindakan kerajaan kerana saya dapati bahawa modul yang dibuat oleh syarikat-syarikat latihan ini tidak berubah mengikut kehendak syarikat-syarikat ataupun pengeluaran-pengeluaran ataupun jenis-jenis perdagangan syarikat-syarikat tersebut.

Yang Berhormat, walaupun saya tahu Menteri tidak ada, Timbalan Menteri pun tidak ada, bukan kerana hendak kacau Yang Berhormat tetapi hendak Yang Berhormat bagi *clearance*, mungkin pegawai ada. Terima kasih.

Puan Chew Mei Fun: Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Jerai. Walau pun saya telah membuat persediaan yang begitu sempurna tetapi soalan-soalan yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat tadi, saya tidak dapat memberikan jawapan yang tepat. Oleh itu, izinkan saya minta jawab soalan ini secara bertulis. Terima kasih.

5. Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] minta Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi menyatakan sama ada Stesen Radio Swasta WA FM (97.6) yang dikendalikan oleh Natseven TV Sdn Bhd akan diberhentikan operasinya disebabkan masalah pembaharuan lesen siaran radio dan apakah rasionalnya.

Menteri Tenaga, Air Dan Komunikasi [Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, stesen radio WA FM masih lagi beroperasi sehingga kini. Namun kementerian telah menerima permohonan daripada stesen radio berkenaan untuk menghentikan siaran selama satu tahun mulai 15 Oktober tahun ini sehingga 15 Oktober 2006 bagi membolehkan usaha penyusunan semula kedudukan kewangan syarikat.

Stesen radio beroperasi dalam persekitaran industri yang mencabar dan tindakan memberhentikan siaran secara sementara pernah juga diambil oleh stesen penyiaran lain untuk tujuan penstrukturan semula operasi. WA FM adalah dikendalikan oleh Syarikat Synchronsound Studio Sendirian Berhad yang memiliki lesen individual pemberi perkhidmatan aplikasi gantungan atau CASPI yang sah bagi tempoh 10 tahun mulai 1 Julai 2000 sehingga 30 Jun 2010.

Tindakan memberhentikan siaran adalah keputusan peniaga atau *business decision*, dengan izin, pemegang lesen sendiri dan bukan kerana masalah pembaharuan lesen.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sebenarnya perkara ini adalah perkara yang sama juga pernah berlaku kepada NTV7 di mana berita Bahasa Mandarin suatu ketika dahulu hendak dihentikan tetapi Timbalan Menteri kementerian Yang Berhormat telah menyelamatkan. Saya yakin kementerian boleh melakukan sesuatu.

Kita sedar bahawa kini ramai pendengar seramai 10,209 sehingga malam tadi telah menghantar petisyen kepada Yang Berhormat Menteri kerana stesen radio ini berperanan untuk menyampaikan atau menyebarkan maklumat dan informasi kepada pendengar. Ia mempunyai tanggungjawab sosial, bukan sahaja suatu komoditi yang boleh diperdagangkan.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, sedarkah Yang Berhormat kini sudah tidak ada spektrum yang baru di mana telah ada 56 stesen dan 24 untuk swasta dan hanya empat untuk Bahasa Mandarin. Itulah cara kita menyampaikan maklumat kepada masyarakat.

Apa yang Yang Berhormat sebut iaitu Synchronsound Studio, baru-baru ini suatu mesyuarat telah diadakan di mana Media Prima yang dikatakan akan mengambil alih Natseven TV itu tidak termasuk Synchronsound. Ini bermakna kedudukan apa yang disebut

iaitu *rebranding* ataupun *restructuring* mungkin tidak wujud. Saya minta pandangan Yang Berhormat apakah cara untuk menyelesaikan kekusutan ini atas kepentingan orang ramai.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Seperti yang telah saya jelaskan, Tuan Yang di-Pertua, dia diberhentikan atas sebab perniagaan (*business decision*). Kalau ada orang hendak beli stesen itu, pergilah cari orang. Dia beli, dia boleh sambung. Saya sudah bagi dia satu tahun untuk penstrukturan semula dia punya *equity* yang mana dia ada kewangan atau duit untuk menjalankan. Kalau tidak ada, macam mana? Orang tidak mahu buat, *you* mahu buat, *you* pergi buatlah. [Disampuk]

Tetapi kalau mohon lesen untuk lain-lain stesen, ini bergantung ada *bank whip* yang boleh dikeluarkan. Tetapi ada banyak orang mahukan stesen-stesen lain. Ada radio Kuala Lumpur, ada radio sukan, ada radio wanita, ada radio Kadazan, ada radio Iban. Saya baru cakap dengan Yang Berhormat Dato' Seri S. Samy Vellu, ada radio Tamilkah? Dia cakap tidak ada. Sebab apa *you* tidak mahu buat radio Tamil? Kalau ada duitlah, tidak ada duit *you* jangan cakap sebab ini adalah stesen siaran swasta.

Saya tahu *you* boleh pergi ambil tandatangan sejuta, saya pun tidak boleh buat apa, Yang Berhormat [Dewan riuh] Sejuta ringgit barangkali bolehlah. [Ketawa] Tetapi sejuta tandatangan, tidak payah, tidak boleh. So, tolonglah. Ini adalah satu masalah perniagaan. *This is a business problem. Not a siaran problem* atau siaran Mandarin, siaran Melayu atau siaran Tamil. *You* mahu, pergilah hidupkan siaran itu.

Tuan Lim Kit Siang: Memandangkan isu ini bukan sahaja satu perkara perniagaan tetapi kepentingan orang ramai. Oleh kerana WA FM ini sangat popular dan jikalau ada penutupan sungguhpun sementara akan merupakan satu *set back culture diversity* yang merupakan satu lambang aset negara kita, khasnya era globalisasi, akankah Yang Berhormat mengambil perhatian persendirian untuk mencari jalan supaya tidak mengalami gangguan atau penutupan oleh kerana selepas satu tahun pun tidak ada jaminan bahawa ia boleh dibuka semula dan bahawa dia sebagai menteri yang berkenaan boleh memainkan peranan supaya WA FM ini boleh terus beroperasi dengan apa-apa cara sekalipun.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Tuan Yang di-Pertua, saya dengar ada orang yang agak minat, saya mengarahkan mereka pergi berbincang dan cuba macam mana mengambil alih stesen itu yang dengan kewangan yang mencukupi mereka boleh menyambung lagi. Untuk makluman Yang Berhormat dalam masa yang singkat, satu tahun setengah saya menjadi Menteri, saya dengar ramai minta lesen penyiaran radio. Mula-mula dia minta, dia akan mengikut semua syarat selepas dia dapat lesen, apa syarat dia sudah lupa. Dia jalankan sendiri.

Sebenarnya radio Wah FM dimulakan sebagai Wow FM, W.O.W. FM adalah satu stesen untuk pelancong dengan syarat, yang mana 50% penyiarannya dalam bahasa Malaysia dan 50% di dalam bahasa Cina. Dia patut berjalan 24 jam, tidak ikut 24 jam, dia patut berikan berapa kali siaran berita, tetapi dia tidak ikut berapa kali siaran berita. Syarat ini sudah tidak dipatuhi. Kementerian saya atau Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM), sudah sabar dan minta mereka tolong mematuhi syarat-syarat. Tetapi ini sudah jadi *interest*!

Saya tengoklah siapa akan mohon, saya ingat bukan lesen baru, saya ingat dia mahu hidupkan balik lesen ini, tolonglah. Selepas itu, dengan izin, *business arrangement*, mereka ada. Mereka boleh mohon dan SKMM akan mengkaji atas syarat-syarat tertentu.

6. Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Said [Kota Belud] minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan di manakah kawasan yang akan dijadikan kawasan jelapang padi dan apakah langkah yang sedang dilaksanakan untuk merealisasikan hasrat tersebut.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pewartaan sesuatu kawasan sebagai jelapang padi adalah tertakluk kepada perancangan dan keputusan kerajaan negeri. Dalam hubungan ini, kerajaan mengambil maklum hasrat

Kerajaan Negeri Sabah untuk menjadikan kawasan Kota Belud sebagai jelapang padi Sabah.

Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, kerajaan sedang mempertimbangkan sejumlah peruntukan untuk pembangunan infrastruktur asas tanaman padi bagi negeri Sabah.

Dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan, sebanyak RM9 juta diperuntukkan bagi projek di negeri Sabah yang meliputi Kajian Pelan Pembangunan Pertanian Komersial berasaskan padi dan pembangunan infrastruktur asas bagi tanaman padi di kawasan Kota Belud. Walau bagaimanapun, peruntukan tersebut tidak dapat dibelanjakan sepenuhnya memandangkan kajian tersebut hanya akan dapat diselesaikan dalam pertengahan tahun 2006 dan pembangunan infrastruktur asas hanya boleh dilaksanakan sesudah itu.

Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Said: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pertama, saya ingin tahu apakah ada layanan yang istimewa kepada kawasan yang telah diisytiharkan sebagai jelapang padi, bererti berbeza dengan kawasan yang tidak diisytiharkan dengan jelapang padi.

Kedua, saya ingin tahu bilakah idea untuk mewujudkan jelapang padi ini diutarakan? Adakah ia masih sesuai lagi? Adakah kerajaan tidak mengkaji kerana pada masa kini, pada pendapat saya tumpuan seharusnya bukan bergantung kepada keluasan kawasan, tetapi kepada peningkatan hasil padi. Apakah ia tidak ada perancangan kerajaan untuk mengkaji pendekatan jelapang padi ini?

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kita ada lapan kawasan jelapang padi di seluruh negara. Jadi, kerajaan tidak bercadang untuk mewujudkan kawasan jelapang padi yang baru. Bagi kawasan padi di Kota Belud, kita telah pun berbincang dengan kerajaan negeri. Di antara perkara-perkara yang disentuh bagi menjadikan Kota Belud sebagai model kawasan jelapang padi di Sabah:

- (i) penglibatan pihak swasta adalah digalakkan;
- (ii) Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani akan membantu dalam rundingan dengan agensi pusat untuk mendapatkan peruntukan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan bagi tujuan tersebut; dan
- (iii) dalam Rancangan Malaysia Kesembilan telah diperakukan sebanyak RM60 juta bagi pembangunan projek tanaman padi secara komersial di Sabah.

Dato' Jacob Dungau Sagan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kita sedar bahawa kebanyakan jelapang padi yang luas dan sesuai diusahakan oleh pekebun-pekebun kecil kita di negara ini, termasuk negeri Sarawak. Jika kita ingin mengkomersialkan penanaman padi ini, kita perlukan tanah yang luas. Jadi, memandangkan banyak tanah yang luas dan sesuai ini adalah kepunyaan pekebun-pekebun kecil ini, apakah cadangan kementerian untuk bersama-sama dengan tuan punya tanah untuk membangunkan kawasan seperti ini supaya kawasan pekebun-pekebun kecil ini boleh dijadikan jelapang padi yang luas dan boleh dikomersialisasikan. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat. Untuk menjadikan satu kawasan sebagai kawasan jelapang padi, ia memerlukan pelbagai kemudahan baru boleh kawasan ini diisytiharkan sebagai kawasan jelapang padi dari segi infrastrukturnya, dari segi saiz kawasannya, dia punya lokasinya.

Untuk makluman Yang Berhormat, untuk menjadikan Muda sebagai kawasan jelapang padi, kita mengambil masa tiga rancangan Malaysia bagi menjadikan sesuatu kawasan itu sebagai kawasan jelapang padi, sebagai contoh untuk menjadikan MADA sebagai satu kawasan jelapang padi kerajaan telah mengambil masa di bawah tiga rancangan Malaysia.

Jadi, seperti mana saya sebutkan tadi, untuk mengkaji sama ada kawasan itu bersesuaian dijadikan kawasan jelapang padi, kita perlu adakan kajian dan kajian itu memakan masa. Sebagai contoh di Kota Belud, walaupun telah dikenal pasti sebagai kawasan yang sesuai dijadikan kawasan tanaman padi secara komersial, tetapi proses untuk mengkaji memakan masa dan akan berakhir dalam pertengahan tahun 2006.

7. Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang] minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah kementerian bercadang untuk lebih tegas ataupun menggubal akta jika perlu, dalam mengawal selia profesion, produk, praktis, peralatan dan premis pengamal kecantikan (*beautician*) bagi memastikan perkhidmatan mereka mengikut piawaian yang sepatutnya.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih soalan dari Yang Berhormat Ampang yang cantik. [Disorak]

Kementerian Kesihatan sedang mengkaji perkara-perkara berkaitan dengan amalan kecantikan dan industri kosmetik negara. Pada masa ini langkah-langkah kawalan yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- (i) ubat-ubatan perlu didaftar di bawah Akta Racun 1952 di bawah kuasa Kementerian Kesihatan Malaysia;
- (ii) semua produk kosmetik perlu didaftarkan dengan Kementerian Kesihatan di bawah, dengan izin, *Control Drugs And Cosmetic Regulation 1984*;
- (iii) Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan di bawah Kementerian Sumber Manusia telah melakukan pentauliahan Pusat Latihan Vokasional melalui proses akreditasi secara sukarela; dan
- (iv) melalui kerajaan tempatan yang mempunyai undang-undang kecil yang melesenkan premis kecantikan dan premis yang memberikan khidmat kesihatan.

Memandangkan pesatnya perkembangan industri ini, kementerian bercadang untuk mengawal semua pengamal kosmetik dan aktiviti *cosmetology* melalui proses undang-undang di bawah satu rang undang-undang yang kita katakan Rang Undang-undang Kosmetik. Rang undang-undang ini bertujuan untuk mengawal premis kecantikan, produk, prosedur, peralatan kosmetik serta mendaftar pengamal kosmetik.

Rang undang-undang ini dicadangkan kerana kementerian menyedari akan pulangan kegiatan ekonomi yang tinggi serta peningkatan permintaan daripada pengguna terhadap aktiviti kosmetik. Kementerian juga amat prihatin terhadap salah guna amalan akibat daripada aktiviti kosmetik yang tidak terkawal.

Dr. Rozaidah binti Talib: Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin ucapkan tahniah kepada Kementerian Kesihatan kerana baru-baru ini telah mengadakan satu rampasan yang begitu besar di Pulau Pinang yang kebanyakannya merupakan ubat perangsang seks dari negara China. Selama ini kita dapati bahawa serbuan dan rampasan dibuat di gudang-gudang ataupun stor ubat dan juga di klinik-klinik, tetapi kita tidak pernah dengar ada rampasan yang dibuat di pusat-pusat kecantikan.

Tuan Yang di-Pertua, industri perkhidmatan kecantikan ini merupakan industri yang begitu pesat membangun, di mana dilaporkan pada sepanjang tahun 2004 pendapatannya dilaporkan sebanyak RM6 bilion. Oleh itu, ia merupakan satu sumber ekonomi yang penting, tetapi terdapat mereka yang menyalahgunakan perkhidmatan ini terutamanya pakar-pakar kecantikan yang menjual ubat yang tidak berdaftar dengan bahagian farmasi Kementerian kesihatan seperti *injection* vitamin C, *collagen*, *botox* dan sebagainya. Jadi, apakah tindakan yang dirancang untuk diambil oleh pihak kementerian? Terima kasih.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Terima kasih, soalan tambahan dari Yang Berhormat bagi Ampang. Yang Berhormat bagi Ampang memang arif tentang hal-hal yang

melibatkan industri kosmetik dan kecantikan. Kita sedar industri tersebut melibatkan *turnover*, dengan izin, RM6 bilion satu industri yang berkembang dengan pesat dan kita lihat ia adalah satu peluang untuk kita kembangkan. Sambil kita hendak kembang tetapi kita kena kawal juga ekor dari aktiviti-aktiviti yang tidak sihat, yang dilakukan oleh pengamal-pengamal dalam industri tersebut.

Bagi mereka yang mengamalkan dalam industri kosmetik yang profesional seperti doktor, mereka boleh kita rujuk kepada MMC, tetapi kalau mereka pengamal bukan perubatan yang menggunakan ubat-ubat yang tidak berdaftar, mereka boleh dibawa ke mahkamah mengikut Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984. Saya pun hairan bagaimana ramai wanita begitu tertarik dengan *injection vitamin C* ini, sebenarnya vitamin C ini lebih baik kita makan daripada kita suntik dan tidak ada, dengan izin, *clinical evidence*, yang menyatakan bahawa kalau dapat suntikan vitamin C lebih kerap, kulitnya lebih cantik, lebih putih, lebih gebu, tidak ada lagi.

Tetapi oleh sebab aktiviti-aktiviti ini dijalankan dengan secara sulit, diamalkan oleh mereka yang datang sekejap sahaja di hotel-hotel tertentu dan cara iklan mereka juga, diiklankan dari mulut ke mulut dan mereka ini selepas dia selesai beri suntikan, dia pun cabut. Mereka ini bukan di kalangan rakyat Malaysia. Ekor dari itu, kita susah juga hendak tangkap mereka. Tetapi Bahagian Penguat Kuasa Farmasi telah pun menjalankan pelbagai aktiviti. Pada tahun 2004, umpamanya sebanyak 161 premis pengamal kecantikan telah diperiksa dan 4 premis didapati memiliki jualan ataupun bekalan ubat vitamin C yang tidak berdaftar, dan mereka ini kita bawa ke mahkamah dan kita bergantung kepada mahkamah.

Tetapi biasanya maksimum boleh didenda RM25,000 atau tiga tahun penjara untuk kesalahan pertama. Terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Soalan baik, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Habis sudah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Cukup baik punya.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah habis Yang Berhormat. Sekian sahajalah sesi soal jawab untuk pagi ini. Setiausaha!

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2006

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 2006

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah "Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2006 dibacakan kali yang kedua sekarang" dan "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis."

"Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada tiga puluh bilion lima ratus dua juta empat puluh empat ribu enam ratus ringgit (RM35,502,044,600) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2006, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai

Bajet Persekutuan 2006, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 21 Tahun 2005, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut hendaklah disahkan.” [30 September 2005]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Ipoh Timor.

11.17 pagi

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mahu memulakan ucapan saya dengan satu *e-mail* yang saya terima lewat semalam daripada seorang ahli politik veteran yang disanjung ramai di Malaysia yang pernah menjadi Ahli Parlimen selama lima penggal dan bekas pengerusi DAP iaitu Dr. Chen Man Hin. Walaupun beliau berusia 81 tahun, namun beliau masih sangat cergas melakukan HHH run setiap minggu di Seremban dan masih mengambil berat dengan intimnya mengenai perkembangan semasa di peringkat nasional. Inilah apa yang diperkatakan oleh Dr. Chen dalam *e-mail*nya mengenai Bajet 2006 yang dibentangkan di Parlimen Jumaat yang lepas dan petik:

“Bajet 2006 bertemakan ‘Membina Ketahanan Menghadapi Cabaran’ namun bertentangannya ia adalah lemah dan tidak bertenaga dan tidak mempunyai tujuan.

- (i) Tidak menyedari masalah yang dihadapi oleh rakyat yang menghadapi kadar inflasi yang semakin meningkat dan kenaikan kos hidup tanpa kenaikan gaji atau mengurangkan cukai. Pengurangan cukai pendapatan individu sepatutnya dikurangkan bersama rebat cukai sebanyak RM100 setiap keluarga setiap bulan. Majikan sepatutnya digalakkan untuk memberi elaun bantuan sara hidup untuk membayar kos makanan dan perbelanjaan pengangkutan yang semakin meningkat”.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Yang di-Pertua, minta sedikit laluan Yang Berhormat Ipoh Timor.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Timor. Apakah Dr. Chen *e-mail*nya itu hanya hendak melahirkan rasa dendam kesumatnya yang lama? Untuk apa dibacakan *e-mail* seorang yang hanya hendak melahirkan rasa dendam. Bajet ini sebenarnya bajet yang memberikan kebaikan kepada rakyat terutama rakyat yang lemah dan yang miskin. Tetapi kalau itulah yang hendak dibacakan, saya tahu Ketua Pembangkang akan bertolak daripada *e-mail* ini untuk menggambarkan bahawa bajet ini gagal. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Lim Kit Siang: Sebuah negara demokrasi yang pokok ialah kita perlu menghormati pandangan-pandangan yang berbeza. Sekurang-kurangnya *diversity of opinion* dan kalau kita tidak rela buat begitu apa demokrasi yang kita ada? Dan dalam Dewan yang mulia ini kita perlu mendengar semua pandangan daripada semua rakyat dan saya rasa itulah Yang Berhormat Sri Gading perlu sabar.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan mesyuarat**]

Bukan hanya sabar tetapi perlu dengar apa yang baik diterima. Bukanlah orang-orang dalam Barisan Nasional ada pandangan yang baik dan bernas bahawa orang-orang yang lain tidak. Saya percaya Yang Berhormat Sri Gading pun bersetuju. Saya sambung.

- (ii) untuk menangani kekurangan daya saing dengan jatuhnya *ranking* dunia daripada kedudukan 16 ke 28. Cukai syarikat perlu dikurangkan daripada 28% sekarang ke tahap seperti Hong Kong 18% atau ke tahap Singapura. Langkah lain mesti diambil

sekarang untuk meningkatkan kuasa bersaing industri kita untuk menghadapi cabaran daripada gergasi China dan India. Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan nampaknya tidak sedar dengan kemungkinan Malaysia akan menjadi sebuah kilang hamba dan bukannya menjadi pemain utama ataupun bersaing dengan pasaran ASEAN. Satu suruhanjaya peringkat tertinggi perlu menyiasat segera faktor-faktor yang menyebabkan daya saing Malaysia jatuh dengan begitu drastik dan mengambil langkah-langkah untuk membetulkan keadaan dengan serta-merta.

- (iii) FDI adalah bertahap perlahan dan rendah. Hanya USD2 bilion untuk separuh tahun pertama pada tahun ini berbanding dengan USD1 bilion pada tahun lepas. Kita tidak boleh hanya menyalahkan faktor negara China. Apa yang salah di sini, rasuah, Dasar Ekonomi Baru?
- (iv) *Multimedia Super Corridor* sepatutnya menjadi *Silicon Valley* Malaysia yang mampu menarik syarikat software dan IT bertaraf dunia. Ini tidak berlaku, mengapa? Ia sepatutnya melancarkan negara ke era teknologi maklumat. Sekiranya kita tidak mempunyai pekerja dan jurutera IT dan *software* yang mencukupi bagaimana MSC boleh berjaya.
- (v) Adakah Malaysia berdaya saing untuk teknologi maklumat? Adakah negara mempunyai infrastruktur *broadband*, tidak. Sekiranya *broadband* tidak terdapat di kebanyakan kawasan di seluruh negara, di manakah daya saing dan kuasa untuk menghadapi cabaran. Satu peruntukan khas perlu dilakukan untuk memperkenalkan *broadband* ke seluruh negara untuk membantu seluruh rakyat Malaysia menjadi IT *literate*.
- (vi) Dengan sebuah negara yang berdawai atau *wired* seluruh negara mempunyai lebih daripada satu MSC atau *Silicon Valley*. Korea Selatan merupakan contoh klasik sebuah negara yang berdawai penuh dan telah menjadi sebuah gergasi teknologi dan industri Malaysia boleh mencapai juga. Perdana Menteri perlu mengambil langkah untuk mendawaikan seluruh negara dan rakyat barulah boleh mempunyai daya saing dan bersedia untuk menghadapi cabaran.

Tuan Yang di-Pertua, *e-mail* daripada Dr. Chen telah membayangkan dalam satu *nutshell* betapa rasa tidak tenang hati beliau tetapi juga di kalangan rakyat Malaysia yang semakin meningkat terhadap penyakit nasional atau *national malaise* yang dibayangkan bukan sahaja dalam Bajet 2006 tetapi juga kekurangan hala tuju secara keseluruhannya dan kepimpinan nasional hampir dua tahun selepas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengambil alih tampuk pemerintahan dengan janjinya untuk sebuah pentadbiran yang bersih, tidak mengamalkan rasuah, berkesan, beramanah dan berorientasikan rakyat untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang adil, makmur dan progresif dan memenangi 92% majoriti Parlimen satu *unprecedented landslide* dengan janji tersebut.

Lima bulan lepas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merasakan adalah perlu untuk mempertahankan kepimpinan 18 bulan beliau. Dalam satu ucapan di majlis Makan Malam *Harvard Club*, beliau mengakui bahawa walaupun bukan semua perkara berjalan mengikut perancangan dengan penyakit atau *malaise* dan kelembapan masih merupakan satu masalah di sektor tertentu. Beliau mengulangi bahawa beliau adalah komited untuk merealisasikan janji-janji serius yang dibuat dalam manifesto Barisan Nasional semasa pilihan raya umum pada tahun lepas. Bukan dibuat dalam bahan kempen pilihan raya tetapi adalah selepas difikirkan dengan mendalam mengenai apa yang perlu dilakukan untuk Malaysia.

Ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tersebut diagung-agungkan oleh *New Straits Times* sebagai salah satu ucapan paling penting beliau selepas menjadi Perdana Menteri pada November 2003 dan pada masa yang sama *The Star* memaparkan dengan tajuk "*Pak Lah comes out fighting*" dalam komen pengarangnya. Sanjungan yang tidak difikirkan dengan mendalam tersebut terhadap ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kepimpinan 18 bulan beliau bagaimana pun ternampak perbezaan yang ketara dengan pandangan-pandangan rendah di ruangan khasnya ruangan Dunia *Blog*. Malaysia dengan banyak *bloggacy* dan melihat apa-apa harapan retorik tersebut dapat menjadi kenyataan. Ia perlu dikatakan bahawa pandangan-pandangan *bloggers* tersebut bukanlah satu yang asing daripada mewakili pandangan umum

Saya mengambil pendirian tengah dengan tidak mengampu dan juga tidak memandang terhadapnya dengan harapan bahawa walaupun dengan kekecewaan saya dengan kegagalan 18 bulan pertama tempoh kepimpinannya beliau masih mampu mengerjakan angin kedua atau *second wind* sebagai satu komitmen yang baru untuk memenuhi janji-janjinya. Saya pernah berharap bahawa angin kedua ini masih boleh dapat dijumpai akhirnya dalam Bajet 2006 itu iaitu bajet yang kedua beliau kerana dia masih belum dapat menyentuh perasaan yang kian dirasai oleh rakyat Malaysia yang semakin ramai berpendapat bahawa terdapat sesuatu yang amat tidak betul dengan negara dan pentadbiran kita.

Semakin banyak perkara berlaku di sebuah negara yang dikatakan perlu memisahkan diri daripada infrastruktur dunia pertama mentaliti dunia ketiga menunjukkan bahawa dalam banyak aspek kehidupan rakyat kita sebenarnya mundur ke belakang walaupun kita sepatutnya menuju ke hadapan. Bagaimanakah kita hendak menjelaskan kemalangan-kemalangan, tragedi-tragedi dan skandal-skandal berikut:

- kelemasan seorang budak berusia 5 tahun bernama Norlili Mohd. Yusof pada Februari tahun ini apabila dia jatuh dari sebuah jambatan usang ke dalam tali air di Kampung Pasir di Kelantan;
- kematian seorang guru bernama Chan Boon Heng 42 tahun di SJK(C) Keat Hwa, Alor Setar bulan lepas apabila beliau jatuh dan meninggal dunia akibat terpijak lantai yang dimakan anai-anai;
- angka kematian denggi yang telah menjangkau 68 kes tahun lepas dengan mana terdapat tiga bulan sebelum mengakhiri tahun ini;
- pembunuhan yang kejam terhadap seorang remaja China Xu Jiang Huang berusia 14 tahun pada bulan Oktober tahun lepas menjadikan satu lagi kes jenayah tanpa penjenayah, jenayah jijik tanpa penjenayah atau *a heinous crime without criminals* di Malaysia;
- pembinaan lebuh raya Kuala Lumpur-Putrajaya yang hanya 2.3 meter daripada rumah kediaman di Bandar Baru Sri Petaling;
- kebocoran yang masih berlaku di Parlimen setelah menjalani pengubahsuaian yang memakan belanja RM99 juta yang mana sehingga sekarang masih tiada sebarang penjelasan penuh terhadapnya;
- krisis pengajian di universiti-universiti;
- kejatuhan berterusan kedudukan Malaysia tahun lepas dalam Indeks Persepsi Korupsi dan *Transparency International*, kedudukan ke-39 berbanding dengan kedudukan ke-37 pada tahun 2003;
- skandal AP dan Yang Berhormat Menteri MITI yang berpanjangan memperlihatkan betapa kurangnya komitmen terhadap *accountability*, ketelusan dan pentadbiran baik dengan seorang Menteri yang kehadirannya di Parlimen mencatatkan rekod hanya 20 hari daripada 390 hari persidangan Parlimen dalam 6 tahun yang lepas;

- penamatan Wa FM tidak lama lagi, sebuah stesen radio yang popular dan satu daripada empat saluran radio bahasa Cina di negara kita untuk mengembangkan aset paling penting negara dalam era globalisasi, kepelbagaian linguistik dan budaya kita; dan
- kejatuhan 12 mata Malaysia dan daya persaingan antarabangsa.

Apabila kedudukan daya saing dunia Malaysia meningkat dengan lima tempat pada tahun lepas dan menduduki tempat ke 16 berbanding dengan kedudukan 21 pada tahun 2003 dalam *International Institute of Management Development (IMD) - World Competitiveness Year Book 2004* yang berpusat di Swiss, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan serta-merta memetik kedudukan tersebut sebagai *authority* sebagai bukti dalam ucapannya dalam *keynote address* beliau, *Malaysia-China Business Dialogue* di Beijing pada 23 Mei 2004 semasa lawatan rasmi pertama beliau ke China selaku Perdana Menteri dan mengatakan ini adalah bukti terbaik mengapa Malaysia merupakan tempat yang baik untuk menjalankan perniagaan.

Intan edit

Namun, apabila kedudukan daya saing dunia Malaysia jatuh mendadak 12 tempat daripada kedudukan ke 16, kedudukan ke 28 dalam *World Competitiveness Year Book (IMD)* pada Mei tahun ini, ia diselubungi dengan satu konspirasi untuk mendiamkan atau *conspiracy of silence*, dan sindrom penafian atau *denial syndrome* yang hanya dipecahkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada permulaan bulan September.

Empat bulan selepas itu, berucap pada Ke-10 – *Civil Service Conference on Development with a Human Touch: Maximizing Human Capital in Kuala Lumpur*, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengatakan bahawa kejatuhan mendadak 12 tempat dalam *ranking* IMD tersebut. Berkenaan dengan daya saing negara di peringkat antarabangsa telah menyebabkan kerajaan merasakan bimbang dan resah. Ia mengatakan, "...apa yang lebih teruk dan dari segi keberkesanan kerajaan, kami ke belakang ke tempat 16 sehingga tempat 26 yang mengecewakan. Senario ini telah menunjukkan keadaan yang baik tentang pencapaian dan kemajuan kita dalam beberapa tahun kebelakangan ini."

Apa yang perlu dibimbangkan oleh rakyat Malaysia ialah bahawa kerajaan telah mengambil masa yang panjang, selama empat bulan untuk menamatkan sindrom penafian dan *conspiracy of silence* tersebut. Untuk mula membimbangkan tentang kejatuhan mendadak 12 tempat dalam daya saingan antarabangsa kita. Ini tidak menjanakan keyakinan bahawa kerajaan mempunyai syarat yang diperlukan untuk membawa kepada hasil janji yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa Malaysia akan mengalami perkembangan ekonomi yang pesat serta bom, selama 15 tahun hingga 2020 kepada pengurus dana tertinggi di London dan New York dalam *Malaysia Global Road Show*, awal bulan lepas.

Bukan suruhanjaya BERNAMA tidak melaporkan kejatuhan mendadak 12 tempat dalam daya saing dunia tersebut. Agensi berita nasional tersebut memberikan suatu *spin* atau putaran kepada IMD, *World Competitiveness Year Book 2005* semasa diumumkan pada bulan Mei lepas. Bernama melaporkan berita baik bahawa pencapaian ekonomi domestik Malaysia telah meningkat lapan tempat daripada kedudukan ke 16 tahun lalu dan ia juga dilaporkan oleh Media Arus Perdana.

Apa yang tidak diindahkan langsung oleh Media Arus Perdana ialah kejatuhan mendadak 12 tempat dalam daya saing dunia tersebut. Dan, yang lebih membimbangkan dalam pertemuan IMD tersebut bahawa untuk kali pertama Malaysia telah ketinggalan dalam daya persaingan dunia berbanding dengan negara Thai yang menduduki tangga ke-27 sebelum Malaysia. Perbezaan kedudukan IMD di antara Malaysia dengan Thailand dan ekonomi Asia yang lain untuk tiga tahun kebelakangan ini seperti yang dinyatakan seterusnya, sepatutnya menyebabkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan beliau merasa bimbang sejurus selepas ia diumumkan pada bulan Mei dan bukan selepas empat bulan laporan kajian tersebut dikeluarkan.

Dan, kedudukan daya saing dunia IMD untuk negara-negara Asia ini;

2003	
Negara	Kedudukan
Malaysia	21
Thailand	30
Singapura	4
Hong Kong	10
Taiwan	17
Japan	25

2004	
Negara	Kedudukan
Malaysia	16
Thailand	9
Singapura	2
Hong Kong	6
Taiwan	12
Japan	23

2005	
Negara	Kedudukan
Malaysia	28
Thailand	27
Singapura	3
Hong Kong	2
Taiwan	11
Japan	21

Dalam lima bulan yang lepas, adakah kerajaan telah mendapatkan sebab-sebab mengapa Malaysia terkandas dalam daya persaingan dunia sehingga jatuh ke 12 dalam kedudukan daya saingan dunia IMD? Apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkali-kali telah menyatakan bahawa keutamaan beliau adalah untuk mengejar kecemerlangan dan pengukuhan daya persaingan negara untuk menjenamakan semula Malaysia dalam pasaran global. Apabila Parlimen bersidang dalam bulan Jun, saya telah memasukkan satu soalan untuk menanyakan sebab-sebab mengapa Malaysia telah susut 12 tempat, iaitu dari tempat ke 16, ke tempat ke 28 dalam IMD *World Competitiveness Year 2005*, tewas kepada Thailand buat kali pertama dan segi daya saing dunia serta respons kerajaan terhadap perkembangan terbaru ini.

Jawapan bertulis oleh Yang Berhormat Perdagangan Antarabangsa dan Industri adalah begitu, dengan izin, *upgrades* dan tidak boleh diterima sekali, sehingga saya perlu

membawa satu usul khas untuk cuba membahaskan sebagai satu perkara tertentu yang berkehendak disegerakan dan berkepentingan orang ramai di Parlimen pada 5 Julai 2005. Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri dalam jawapan bertulisnya kepada saya antara lain menunjukkan sindrom penafian atau *denial syndrome* yang sedang menjangkiti kementeriannya.

Apabila beliau cuba menyembunyikan krisis daya persaingan negara kita dengan memberi jawapan yang lemah dan tidak boleh diterima, dengan mencabar keputusan IMD *World Competitiveness Year Book 2005* ini dan menyatakan daya persaingan Malaysia ini masih lagi kukuh apabila dilihat daripada satu konteks yang spesifik dan lebih luas dan bukan sahaja difokuskan kepada satu penunjuk. Dalam keengganannya untuk mengakui kemerosotan daya persaingan antarabangsa Malaysia, Yang Berhormat Menteri telah membuat sesuatu yang tidak mendatangkan manfaat kepada kementeriannya dan negara, kerana Malaysia tidak akan mendapat kembali daya persaingannya dan merealisasikan hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk memberi keutamaan kepada kecemerlangan dan pengukuhan daya persaingan negara untuk menjenamakan semula Malaysia dalam pasaran global sekiranya kerajaan terus di belenggu dengan sindrom penafian ini dan enggan mengakui krisis daya persaingan yang sedang dihadapi oleh Malaysia.

Pada masa sekarang, kerajaan mempunyai alasan untuk tidak mengindahkan laporan *World Competitiveness Report* kerana kedudukan Malaysia yang lebih baik dalam *World Economic Forum Global Competitiveness Report 2005/2006* dengan Malaysia memanjat 7 tempat ke atas, iaitu daripada tempat ke-13 ke tempat 24 antara 117 negara seluruh dunia.

Pada tahun lepas, kerajaan memilih untuk menggunakan *World Competitiveness Year Book 2004* disebabkan kedudukan Malaysia pada tempat ke 16 berbanding kepada kedudukan ke-13 oleh *Global Competitiveness Report*. Pada tahun ini, kerajaan pula memilih *Global Competitiveness Report* disebabkan kedudukan ke-24, yang merupakan satu peningkatan berbanding dengan kedudukan ke-28 oleh *World Competitiveness Report* yang merupakan satu kejatuhan. Kerajaan tidak boleh '*pick and choose*', memilih laporan yang hanya memberi kedudukan yang baik tetapi menolak laporan yang di mana tidak ada kedudukan yang baik.

Kerajaan mestilah memberi penjelasan berkenaan dengan kejatuhan tempat kita dalam daya persaingan antarabangsa, sama ada *World Competitiveness Year Book* atau *Global Competitiveness Report*. Pada hakikatnya, kedudukan *Global Competitiveness Report Malaysia 2005* pada tempat yang ke 24 bukanlah sesuatu yang boleh dibanggakan dengan mengambil kira bahawa Malaysia berkedudukan ke-16 pada tahun 1999, jatuh ke tempat ke-25 pada tahun 2000, tempat ke-30 pada 2001, tempat 27 tahun 2002, tempat 29 pada tahun 2003, tempat 31 pada tahun 2004 dan tempat 24 pada tahun 2005

Tuan Yang di Pertua, Yang Berhormat Menteri MITI telah berjanji menerusi Yang Berhormat Timbalan Menterinya bahawa beliau akan menghadirkan diri di Dewan yang mulia ini pada keesokan hari untuk menjawab pertanyaan-pertanyaan yang berkaitan dengan skandal AP yang telah berlanjutan sekian lama. Bekas *boss*nya serta bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir telah menasihatkan beliau supaya menangani isu AP di Parlimen dan biarkan kakitangannya yang menangani perkara-perkara kurang penting di dalam kementeriannya. Adalah amat kesal sekali kerana Yang Berhormat Menteri tidak mengambil peluang pertama yang ada padanya untuk menghadiri diri di Parlimen demi memberi penjelasan yang sepenuhnya dan memuaskan mengenai skandal AP ini.

Beliau sepatutnya hadir di Parlimen Isnin lepas sebelum beliau berangkat ke *Vientiane* untuk menghadiri Mesyuarat Menteri-Menteri Ekonomi Asean pada 27 dan 28 hari bulan September 2005 dan beliau sepatutnya menghadiri diri pada hari ini untuk menebus kesilapannya yang menghilangkan diri sekian lama dari Parlimen ini, iaitu hanya menghadiri sejumlah 20 hari mesyuarat Parlimen sepanjang 6 tahun kebelakangan ini, yang telah bermesyuarat sebanyak 390 hari.

Saya telah mengeluarkan jemputan kepada Yang Berhormat Menteri supaya mengadakan satu sesi *accountability session* yang sepenuhnya, *no whole parts* atas

skandal AP di Parlimen hari ini. Bukankah kita begitu kesal sekali, bila kita sanggup turun dari tangga 'stratosphere' dan datang memberi penjelasan sepenuhnya kepada Dewan yang mulia ini. Hari ini memang tidak wujud pertanyaan yang tersenarai di urusan mesyuarat mengenai kontroversi AP tetapi esok ada satu pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Ahli Parlimen bagi Grik mengenai usaha kerajaan dalam melindungi industri automotif, kemerosotan dan kerugian yang berterusan hasil dari pengimportan kereta-kereta asing yang tidak di kawal sebaik-baiknya.

Dengan wujudnya pertanyaan-pertanyaan yang bertimbun-timbun sejak empat bulan yang lepas mengenai skandal AP ini, adalah jelas sekali bahawa satu pertanyaan Parlimen tidak akan dapat memuaskan hati semua Ahli Parlimen mengenai begitu banyak persoalan tentang isu AP, biar pun amalan luar biasa iaitu mengizinkan empat soalan tambahan ditanya diamlkan. Apa yang diperlukan adalah satu sesi berterus terang yang sepenuhnya di Parlimen mengenai skandal AP dan Yang Berhormat Menteri sendiri hadir dan menjawab semua pertanyaan yang dikemukakannya.

Inilah sebab mengapa saya telah menawarkan kepada Yang Berhormat MITI supaya hadir hari ini dan saya akan memberi jalan kepadanya seberapa banyak kali yang perlu supaya beliau dapat menjelaskan sepenuhnya semua pertanyaan mengenai AP menerusi saluran Parlimen ini. Adalah sungguh menghampakan bahawa Yang Berhormat Menteri tidak menerima tawaran saya yang luar biasa ini dan ini hanya memberikan satu gambaran buruk mengenai peranan Yang Berhormat Menteri sendiri dalam skandal AP ini. Saya terperanjat membaca *column Brendan Pereira* yang bertajuk, dengan izin, *In The Name of Transparency*, Jumaat lepas di *News Straits Times* yang mendakwa bahawa wujudnya satu kempen untuk *public lynching*, dengan izin, *public lynching of* Yang Berhormat Menteri. Ini pertama kali saya dengar perkara ini, saya tidak tahu sama ada Ahli-ahli Parlimen *Backbenchers* adalah berniat untuk mengadakan satu *public lynching* Yang Berhormat MITI. Kita di pihak Pembangkang tidak ada usaha untuk *public linking*, *public hanging* Yang Berhormat MITI. Sungguhpun para Ahli Parlimen

Tuan Chow Kon Yeow : Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tanjong.

Tuan Lim Kit Siang: Ya.

Tuan Chow Kon Yeow: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ketua Pembangkang . Tadi Yang Berhormat ada menyentuh tentang isu AP yang hangat dibahaskan baru-baru ini. Mungkin Yang Berhormat tidak sedar bahawa[Disampuk] baru Yang Berhormat nampak satu penjelasan yang dikeluarkan oleh Ketua Setiausaha MITI berkenaan dengan mengapa senarai AP Ahli-ahli Parlimen dikeluarkan dan cuba melindungi Menteri MITI dari sebarang kesalahan dan menyatakan bahawa Menteri tidak tahu menahu langsung tentang perkara yang berbangkit, iaitu keluarnya senarai Ahli-ahli Parlimen dan menyalahkan seorang pegawai yang bernama Encik Salimi Sajari, Ketua Penolong Pengarah di Unit Perkhidmatan Perdagangan MITI.

Saya rasa ini tidak wajar dilakukan dan ini satu tindakan yang cuba mengelakkan menteri dari memikul tanggungjawab yang sepatutnya di dalam Dewan yang mulia ini. Apakah Yang Berhormat menanggap bahawa tindakan oleh Ketua Setiausaha MITI ini satu langkah yang cuba melindungi Menteri MITI yang sepatutnya memikul tanggungjawab. Sekian, terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang: Ya. Terima kasih Yang Berhormat bagi Tanjong. Saya pun baru, tidak buka, tidak baca. Ya, saya ada di sini. Saya rasa sangat hairanlah. Ia menimbulkan banyak masalah dan soalan. Nampaknya satu jawapan yang sudah diberi dalam Dewan yang mulia ini sudah dipinda, yang pertama. Adakah sesiapa dalam kerajaan, berhak untuk pinda satu jawapan yang sudah diberi dalam Dewan yang mulia ini tanpa keizinan diberi oleh Dewan yang mulia ini. Mana boleh? *How can you rewrite, revise, rewrite history?* Adakah ini satu usaha untuk *rewrite history*? Saya tengok itu jawapan berbeza daripada jawapan yang asal, yang saya dapat, semua surat khabar ada dan mana itu senarai-senarai, sudah hilang.

Adakah senarai-senarai yang pun tidak penuh, senarai-senarai Ahli-ahli Parlimen dan bekas Ahli-ahli Parlimen yang diberi, diperuntukkan AP itu, sekarang sudah menjadi *official secret*. Sekarang sudah menjadi rahsia rasmi. Adakah soalan itu, jawapan itu tidak sah? Saya rasa surat yang bersama-sama semua Ahli-ahli Parlimen ada, bahawa Mps ada bukan kepada saya sahaja. Saya ingat Tuan Yang di-Pertua pun baru baca. Kita semua bersama-sama baca. Oleh kerana ini adalah *directly* bersabit dengan isu yang saya bangkit, Tuan Lim Kit Siang, saya percaya semua ada namalah. Bukan semua surat dari Tuan Lim Kit Siang ya, Ahli Parlimen Ipoh Timur, "Senarai AP Individu Untuk Ahli Parlimen. Dengan segala hormat, saya merujuk kepada isu yang telah bangkit kesan daripada pengeluaran senarai Ahli Parlimen, yang telah menerima AP untuk membawa masuk kereta import untuk kegunaan sendiri. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menjelaskan keadaan sebenar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya yakin semua Ahli Yang Berhormat mempunyai surat ini.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, saya tahu. Saya rasa ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Perjanjian...

Tuan Lim Kit Siang: Ya. *For the right court* pun mustahak. *For the right court* pun *we think* tidak pernah berlaku. Ini *first time in the history of the Parliament*. Kita mahu tengok apa perkara ini, sama ada ini pun satu cabaran keistimewaan Parlimen.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak perlu susahkan Yang Berhormat bagi Ipoh Timur membacakannya.

Tuan Lim Kit Siang: Bukan, bukan. Kita mahu tahu. Kita semua mahu tahu. Saya percaya bukan Ahli-ahli Parlimen mahu tahu, rakyat pun mahu tahu. Negara pun mahu tahu. Saya buat satu perkhidmatan, negara sahaja, *national service* apabila saya bacakan surat ini. Saya fikir Yang Berhormat tidak perlulah. Ya, saya rasa...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ketua Pembangkang takkan perlu bacakan surat ini?

Tuan Lim Kit Siang: Oleh kerana ini kita perlu serta-merta bahaskan surat ini. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menjelaskan keadaan sebenar. Memang jelas bahawa semua Ahli Parlimen adalah layak untuk memohon satu AP untuk seseorang membawa masuk kereta guna sendiri. Ini adalah dasar yang telah diluluskan oleh Kabinet pada 26 Mac 1997.

Minggu lalu saya percaya Ahli-ahli Parlimen ada baca surat khabar. Bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir kata ini bukan satu keputusan Kabinet. Saya percaya Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua pun ada baca. Ini ada dinafikan oleh bekas Perdana Menteri masa itu. Sini dia kata memang jelas bahawa ini adalah satu dasar yang telah diluluskan oleh Kabinet pada 26 Mac 1997. Kenapa Perdana Menteri kata ini hendak menafikan? Adakah bekas Perdana Menteri cakap bohong atau adakah orang yang *sign* surat ini, Sidek Hassan. Siapa Sidek Hassan? Kenapa tidak ada Ketua Setiausaha?

Datuk Bung Moktar bin Radin: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kinabatangan.

Tuan Lim Kit Siang: Okey Ketua Setiausaha. KSUlah, KSU. Adakah KSU cakap tidak benar, bohong? Ini saya akan balik. Mengenai soalan...Parlimen yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Timur, tidak payah saya baca itu soalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau hendak baca pun boleh Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Mahu baca pun boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh.

Tuan Lim Kit Siang: Ohh okey saya baca. Mengenai soalan Parlimen yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timur, Yang Berhormat Tuan Lim Kiat Siang, soalan yang berbunyi, Yang Berhormat Tuan Lim Kiat Siang minta Menteri Perdagangan, *revise, refresh, refresh memory*. Minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan salah guna yang berlaku...

Datuk Bung Moktar bin Radin: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Kinabatangan bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Apa itu?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kinabatangan bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Nanti, nanti. Saya habiskan dulu. *We go on a fire rocket speedlah.*

- (i) menyatakan salah guna yang berlaku dalam pengeluaran AP kepada kereta-kereta import mengapa jumlah pengeluaran AP melonjak dalam tahun-tahun 2004 dan 2005;
- (ii) berikan senarai penuh AP sejak 1978 termasuk AP individu;
- (iii) sebagai menjawab soalan, jawapan telah dibincangkan bersama Timbalan Menteri, Ketua Setiausaha dan pegawai-pegawai kanan disediakan, diluluskan oleh Ketua Setiausaha. Jawapan tersebut dilampirkan;
- (iv) seperti yang dapat dilihat daripada jawapan tersebut, tidak ada apa-apa rujukan dibuat kepada mana-mana senarai. Pendek kata, tiada senarai disediakan. Kalau disediakan, mungkin kita boleh dapat. Itu ajaib, magic, David Copperfield;
- (v) walau bagaimanapun, soalan tersebut tidak dijawab sebagai soalan lisan dan terpaksa dijawab sebagai soalan bertulis;
- (vi) tetapi, semasa memberikan soalan tersebut kepada pihak Parlimen, seorang pegawai yang bernama Encik Salimi Sajari, Ketua Penolong Pengarah di Unit Perkhidmatan Perdagangan MITI telah tanpa pengetahuan sesiapa mengepulkan senarai penerima AP di kalangan Ahli-ahli Parlimen bermula daripada tahun 2000 sehingga sekarang. Saya agak baik di sini;
- (vii) saya ingin menegaskan bahawa senarai tersebut telah tidak ditunjukkan kepada Timbalan-timbalan Menteri serta saya sendiri atau dengan pegawai-pegawai kanan. Kami tidak pernah melihat senarai tersebut sebelum ini, tidak pernah lihat, tidak tahu sama sekali.
- (viii) pegawai berkenaan telah dipanggil dan disoal siat. *My goodness*. Apa ini? Itu *kangaroo court*, disoal siasat dan beliau menyatakan bahawa beliau tidak dapat memberi apa-apa penjelasan mengapa ianya berlaku;
- (ix) kementerian sangatlah kesal bahawa perkara ini telah pun berlaku dan pegawai tersebut akan diambil tindakan sewajarnya. Wah! Mahu dipecat. Mahu dipenjarakan. Perlu juga saya tegaskan bahawa semasa perkara ini berlaku, Yang Berhormat Menteri berada di Amerika Syarikat, menjalankan tugas mengetuai rombongan perdagangan dan pelaburan ke Los Angeles diatur dan hanya kembali di sebelah petang pada hari Jumaat 23 September 2005;

- (x) beliau sebenarnya tidak tahu menahu langsung mengenai perkara tersebut;
- (xi) saya berharap penerangan ini dapat memberi penjelasan tentang keadaan sebenar serta membetulkan apa juga kekeliruan yang telah timbul, sekian. Saya kemukakan untuk faktor Yang Berhormat. Berkhidmat untuk negara, "Cemerlang, Gemilang, Terbilang". Inilah satu sikap, satu perangai yang bertentangan dengan "Cemerlang, Gemilang, Terbilang". Akan membawa negara kepada "Tidak Cemerlang, Tidak Gemilang, Tidak Terbilang". Ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Tuan Lim Kit Siang: Sign? Ooh, Sidek Hassan. Sidek Hassan, ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ini baru ada penuhlah kata...

Tuan Lim Kit Siang: Ya, dengan penuh. Atas Ketua Setiausaha Kementerian, ya? Mahu minta penjelasan. Atas Ketua Setiausaha *for the record*, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia...

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kinabatangan.

Tuan Lim Kit Siang: Okey.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Yang Berhormat bagi Ipoh Timur. Surat ini saya bersetuju dengan Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Tetapi isu yang ingin kita ketahui bukan fasal kita dapat AP. Yang kita ingin tahu iaitu penyelewengan yang berlaku dalam kementerian, berhubung dengan pembelian AP dan juga keadaan-keadaan yang menjejaskan kereta nasional oleh kementerian. Ini yang kita mahu tahu. Kenapa ini dibagi kepada kita? Saya bersetuju dengan Ketua Pembangkang. Ini "lempar batu sembunyi tangan nama dia". Bagaimana seorang pegawai yang boleh bersuka-suka mengedar keputusan AP kepada media tanpa pengetahuan menteri. Ini bohong. Saya setuju. Minta pandangan.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, saya setuju. Saya 100% setuju dengan Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Tidak pernah begitu. *[Dewan gamat seketika]*. Kali yang pertama. *[Ketawa – mic tidak berfungsi]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Mic, mic.

Tuan Huan Cheng Guan: Tuan Yang di-Pertua, nasib baiklah. Hari ini rombongan dari Parlimen saya, Parlimen Batu Kawan di mana mereka dapat peluang inilah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini bukan penjelasan.

Tuan Huan Cheng Guan: Ya, saya tahu. Minta laluan, minta laluan. Cuma hendak maklum kepada Dewan bahawa kedatangan dari rombongan Parlimen Batu Kawan. Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Ipoh Timur, bagi laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, bukan ini langgar Peraturan Mesyuarat. Saya harap lain kali jangan.....

Tuan Lim Kit Siang: Kalau boleh bagi, bagi laluan oleh kerana dia setuju. So, tidak sokong usaha ini bersama-sama. Ini bukan untuk kawasan Ipoh Timur.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timur, saya hendak maklumkan sedikit kerana kita sentiasa ada tetamu datang. Sebahagian kita mengalu-alukan. Sebahagian besar tidak ada. Saya rasa tidak adil. Saya fikir tidak perlulah, tidak perlu. Di sini kita hanya mengalu-alukan kedatangan tetamu negara kita

ataupun tetamu untuk negara kita. Saya mintalah sebab macam Yang Berhormat kata Batu Kawan ada juga rakan-rakan kita dari...

Seorang Ahli: Kuala Krau, Kuala Krau pun datang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:jadi saya haraplah supaya kita tidak akan mengetepikan pihak yang lain. Yang Berhormat bagi Ipoh Timur, teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Saya rasa ini perkara sangat serius bersabit dengan keistimewaan Dewan yang mulia ini. Saya harap kita semua bersetuju, bahawa kita rujuk KSU kepada *Committee of Privileges* untuk satu siasatan kenapa dia tulis surat ini kepada Dewan yang mulia ini.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Bukan sahaja kira KSU, menteri dia pun mahu dirujuk.

Tuan Lim Kit Siang: Kita pun mahu dan saya pun bersetuju. Kita rujuk KSU kepada *Committee of Privileges*, kita pun rujuk menteri kepada *Committee of Privileges*. Oleh kerana ini berlaku serta-merta, 26 1(p), saya sekarang mencadangkan bahawa, oleh kerana ini prima facie, melanggar keistimewaan Ahli-ahli Parlimen bahawa Yang Berhormat Menteri, MITI dan pun KSU MITI kedua-duanya dirujuk kepada Jawatankuasa Hak Keistimewaan untuk satu siasatan latar belakang, niat dan sama ada sudah berlaku satu pelanggaran keistimewaan dan ...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ipoh Timur, saya minta laluanlah.

Tuan Lim Kit Siang: Nanti, nanti, saya habis dulu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya dibagi laluan, awak bukan saya jugalah.

Tuan Lim Kit Siang: Nanti saya akan ceritakan. Nanti, habis usul. Saya habis usul saya dahulu .

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya pun setuju. Awak tengok awak punya peraturan dia 26(1)(p)

Tuan Lim Kit Siang: Apa kacau-kacau? Sekarang kita ada betul-betul...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Setujulah.

Tuan Lim Kit Siang: Kali pertama kita habiskan...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kita setuju untuk 26 1(p).

Tuan Lim Kit Siang: Saya habiskan, saya habiskan usul sahaja.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Yalah, samalah. Saya pun sokong. Rujuk itu dua-dua, 26 (1)(p), rujuklah. [*Dewan gamat seketika*]

Tuan Lim Kit Siang: 26 (1)(p)?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ya, rujuklah. Apa? Bawa dalam itu...

Tuan Lim Kit Siang: *Refer Committee of Privileges.*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ya.

Tuan Lim Kit Siang: 26(1)(p) ya. Ada setuju?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Setuju, sokonglah.

Tuan Lim Kit Siang: Mahu sokong Sri Gading? Sri Gading sokong? [*Dewan gamat seketika*]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sokong.

Tuan Lim Kit Siang: Disokong. *Seconded by Yang Berhormat bagi Sri Gading, okey.. [Tepuk] [Dewan amat riuh dengan tepuk sorak].*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya tidak akan melayan usul ini kerana ini tidak melibatkan hak dan kebebasan. Yang Berhormat inilah keputusan saya. Saya tidak akan membuat apa-apa keputusan dan saya mencadangkan Yang Berhormat meneruskan ucapan.

Tuan Lim Kit Siang: Saya memberi sebab-sebab. Nanti haraplah Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua boleh tahu kenapa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya mahu Yang Berhormat bersetuju, tidak bersetuju bagi Yang Berhormat ...

Tuan Lim Kit Siang: Saya tahu, saya tahu ini. Ini melanggar hak keistimewaan kita oleh kerana yang pertama ada satu soalan, jawapan diberi. Kita tidak tahu apa latar belakang dan di mana surat ini ditulis? Saya percaya, saya percaya bahawa KSU *diuntwisted*, *diuntwisted* oleh Menteri untuk tulis surat ini.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat Menteri mahu datang untuk *untwist* Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional supaya *shut up*, jangan timbul perkara ini, tidak berjaya. Sekarang dia sudah *untwisted* KSU tulis surat ini. Saya rasa ini tidak bertanggung jawab. Ahli Yang Berhormat Menteri. [Menyampuk]...

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) *mempengerusikan mesyuarat*]

Tuan Lim Kit Siang: Saya tak salahkan KSU. Saya tahu dia dipaksa. Saya percaya KSU dipaksa.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Kenapa agaknya Yang Berhormat Menteri tidak tandatangan surat ini? Kenapa suruh orang dia jadi mangsa? Saya setuju dengan Yang Berhormat, perkara sebegini, pertama kali berlaku dalam sistem berparlimen kita. Dan saya setuju usul Ketua Pembangkang itu kita terima supaya perkara ini diselesaikan dengan segera. Kenapa Dewan ini tidak boleh mengusulkan mereka yang tidak bertanggungjawab?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya, ya. Ya..

Tuan Lim Kit Siang: Saya akan usul semula selepas saya memberi hujah-hujah. Yang Pertama, kalau ada apa-apa penjelasan akan diberi kepada Dewan yang mulia ini, saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Kinabatangan, orangnya ialah Menteri sendiri bukan KSU. Oleh kerana orang yang datang memberi jawapan ialah Menteri, Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen, bukan KSU. Ada apa hak KSU untuk tulis surat ini? Ini, dia sudah *contempt* kepada Dewan yang mulia ini.

Puan Chong Eng: Ya..

Tuan Lim Kit Siang: *Contempt* kepada Dewan yang mulia ini. Sebab itu dia patut dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Keistimewaan oleh kerana dia *contempt*, *he has no business to* menulis surat ini secara langsung kepada Ahli-ahli Parlimen. Dia *backroom boy* - *backroom boy* menasihatkan Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen, tidak boleh menggantikan Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen. *He is a usurping*, *usurping* kuasa Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen. Ini yang pertama.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua, usul 26(1)(p) ditolak oleh Tuan Yang di-Pertua yang baru lepas. Saya rasa tak tepat kerana usul ini berkenaan hak dan kebebasan semasa kejadian itu berlaku. Ini kejadian yang dibawa oleh Ipoh Timur soal AP yang sedang dibahaskan. Maknanya usul ini boleh

Seorang Ahli: [Menyampuk] .. Boleh

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: ...dibawa oleh Ketua Pembangkang, DAP, boleh! Kenapa ditolak?

Puan Chong Eng: Mana boleh ditolak oleh Dewan ini. Bolehlah, Tuan Yang di-Pertua.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]...*

Tuan Lim Kit Siang: Ya, Dewan mahu... Ini, ini *consensus*. Ini *consensus*.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Undilah, undi, undi

Tuan Lim Kit Siang: Undi, tak boleh tolak. Mana boleh tolak. Bolehkah satu keputusan dibuat?

Puan Chong Eng: Keputusan perlu dibuat, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Lim Kit Siang: Bahawa kita merujukkan ...

Datuk Bung Moktar bin Radin: Buat undilah, undi, undi...

Tuan Lim Kit Siang: Kita merujukkan KSU kepada *Committee of Privileges*. Beri satu keputusan yang dibuat.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Mahu menteri juga, menteri juga, menteri juga..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Tuan Lim Kit Siang: KSU dua orang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, ini bukan isu hak keistimewaan. Ini tak ada kena mengena..

Tuan Lim Kit Siang: Mana boleh kata ini bukan..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ini pegawai bagi jawapan bertulis. Ini tidak ada kena mengena, saya ingat isu ini tidak timbul.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Tuan Yang di-Pertua, kenapa tidak menteri yang tulis?

Tuan Lim Kit Siang: Ya, betul.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Kenapa KSU yang tulis? Apa dia punya masalah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Itu minta penjelasan daripada Menteri.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Macam mana minta penjelasan kalau dia tidak ada? Kalau kita ada usul, baru Menteri datang. Baru kita boleh tanya dia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kalau menteri datang nanti kita tanya.

Tuan Lim Kit Siang: KSU tidak ada hak untuk menulis surat, untuk meminda jawapan yang diberi oleh Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen. Barulah mereka boleh buat. Kalau ...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Yang di-Pertua, menteri yang bertanggungjawab kepada Parlimen. Sepatutnya dia yang tulis surat ini, dia yang *sign*.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, tak boleh tuan Yang di-Pertua ... *honour of the House*.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kenapa? Seolah-olah nak mempermainkan Parlimen, nak memperbodohkan Ahli-ahli Parlimen. Seolah-olah nak mengabui Ahli Parlimen. Hadapkan Menteri dengan Ketua Setiausaha sekali, kepada jawatankuasa berkenaan mengikut 26(1)(p).

Tuan Lim Kit Siang: Ya, ..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang: Bolehkah satu keputusan dibuat?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tak, saya kata, saya rasa isu ini tidak ada kena mengena dengan isu itu ..

Tuan Lim Kit Siang: Oohh..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Nanti kalau ada menteri, Yang Berhormat boleh tanya.

Tuan Lim Kit Siang: Kerusi tak patut untuk bertentangan dengan .. *you know*, the Dewan.

Puan Chong Eng: *The Dewan*..

Tuan Lim Kit Siang: Dewan mahu menjaga maruah dan kemuliaan Ahli-ahli Parlimen..

Datuk Bung Moktar bin Radin: Boleh minta penjelasan Ketua Pembangkang? Biasanya dalam Dewan, kalau ada satu-satu isu, ditanya setuju atau tidak setuju? Kita kemukakan dalam Dewanlah sama ada dipersetujui atau tidak setuju Yang di-Pertua? Tuan Yang di-Pertua tidak boleh buat sendiri.

Tuan Lim Kit Siang: Diputuskan oleh Dewan.

Puan Chong Eng: Diputuskan oleh Dewan, bukan Speaker. Bukan kita putuskan.

Tuan Lim Kit Siang: *The House decide, the House decide*.

Puan Chong Eng: Takkan Tuan Yang di-Pertua memandang ... kepada YB-YB.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Tuan Yang di-Pertua, minta Penjelasan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Sabak Bernam.

Puan Chong Eng: YB boleh membuat keputusan.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Tuan Yang di-Pertua, kita difahamkan bahawa Menteri besok akan datang untuk memberikan penjelasan. Perbahasan ini sebenarnya diberi masa beberapa hari. Oleh kerana itu, atas isu yang telah ditimbulkan ini, kita mencadangkan supaya bagi peluang kepada menteri yang akan datang esok untuk memberikan segala penjelasan, satu.

Yang keduanya, saya cadangkan kepada Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, supaya tajuk perbahasan ini diteruskan. Kita banyak lagi isu negara ini yang lebih penting. Jadi, isu AP ini begitu lama sekali. Apa pandangan daripada Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, supaya kita beri peluang kepada menteri esok untuk memberikan jawapan termasuklah isu yang dibangkitkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, itu kita akan beri peluang. Tentulah kita akan beri peluang kepada menteri esok untuk menjawab. Tetapi apabila hak kemuliaan dan maruah Ahli Parlimen dan Dewan ini dicabar dan dilanggari, kalau kita tak rela berdiri untuk mempertahankan kemuliaan Parlimen, siapa akan mempertahankan keunggulan Parlimen? Kita tanggungjawab. *Why do run away from responsibility*.

Oleh kerana apa hak KSU atau seorang pegawai kerajaan. Apakah haknya untuk campur tangan urusan Ahli Parlimen ini? Kalau surat mahu ditulis, dia perlu ditulis oleh Yang Berhormat Menteri sendiri, yang pertama. Yang kedua, saya kata dia tak boleh 100% menyalahkan KSU. Saya percaya dipaksa, *untwisted, untwisted* oleh Yang Berhormat Menteri. Semacam dia cuba *untwist* Ahli-ahli Parlimen minggu lalu apabila keluar jawapan itu.

Dan ketiga, soalan ini, apa yang ditulis dalam soalan ini adalah tidak benar. Saya tadi ada sebut bahawa ada dikatakan perkara ini ada berikutan dengan satu keputusan dasar yang dibuat oleh Kabinet pada 26 Mac 1997, tapi minggu lalu sahaja, Tun Dr. Mahathir, Perdana Menteri pada masa itu kata, tak benar! Perkara ini tak pernah diluluskan oleh Kabinet! Lebih serius, tengok soalan saya, baca soalan saya!

"Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Perdagangan, Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (i) salah guna yang berlaku dalam pengeluaran AP kepada kereta-kereta import;
- (ii) mengapa jumlah pengeluaran AP melonjak dalam tahun 2004 dan 2005; dan
- (iii) berikan senarai penuh AP sejak 1978, termasuk AP individu, termasuk AP Ahli Parlimen."

Mana boleh kata bahawa soalan ini tidak ditanya? Dan kalau KSU kata tidak ada hasrat untuk kemukakan usul itu, menunjukkan KSU cuai, tidak bertanggung jawab, lari daripada tanggung jawabnya. Oleh kerana soalan saya ialah saya minta senarai dan dia tak beri itu senarai, dia cuai, dia tak tanggung jawab. *Departmental action* patut diambil terhadap beliau. Tindakan tatatertib patut diambil kepada KSU. Turunkan dia sebagai KSU. Turunkan pangkat beliau. Dan orang... saya tak taulah siapa ini, Salimi Sajari, kalau dia bertanggung jawab untuk memberi senarai itu, dia betul. Dia baca soalan saya, dia faham. Kenapa seorang bawahan tahu apa dalam soalan ini, orang atasan tak tau? Selain daripada *untwisted by* Menteri supaya tak tahu apa yang sangat jelas.

Ini tak boleh terima. Ini mempermain-mainkan Ahli-ahli Parlimen. Sangat jelas kita minta, sebenarnya saya pun tak puas hati dengan senarai itu. Oleh kerana senarai itu ialah daripada tahun 2000 kepada September 2005. Walhal saya ada bertanya, senarai yang sepenuhnya - *way back*..

Datuk Bung Moktar bin Radin: Minta penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Ya.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Yang Berhormat Ketua Pembangkang, Apakah Yang Berhormat sekali lagi ingin mencadangkan kepada Dewan ini supaya perkara ini kita selesaikan *once in for all*, supaya kita tidak tertunggu-tunggu. Pertama, siapa meminta penjelasan daripada KSU? Surat ini terlalu memalukan. Kita tidak menyalahkan pula seorang pegawai kanan kerana tidak bertanggung jawab, sedangkan perkara ini rahsia. Kenapa boleh dibagi kepada *reporter* dan sebagainya?

Kedua, saya ingin maklumkan rakan-rakan semua, ini bukan soal Ipoh Timor, ini soal maruah Parlimen kita.

Tuan Lim Kit Siang: Betul, betul.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Kita kena pertahankan. Mereka yang tidak bertanggungjawab perlu diambil tindakan. Jadi, saya ingin mengusulkan sekali lagi. Kebiasaannya, apa-apa keputusan dalam Dewan ini kita ambil atas suara majoriti, setuju atau tidak setuju? Kita minta Tuan Yang di-Pertua, mengemukakan setuju atau tidak setuju, itu sahaja?

Tuan Chong Chieng Jen: Peraturan Mesyuarat, Peraturan Mesyuarat, Peraturan Mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen: Mengikut Peraturan Mesyuarat, Tuan Yang di-Pertua tidak ada kuasa untuk menolak usul ketika ia dibangkit di bawah 26(1). Dalam 26(1) tidak ada kuasa untuk Tuan Yang di-Pertua untuk menolak usul. Dalam 33 (1), saya akan memetik dari Peraturan Mesyuarat:

"33 (1) *When a motion has been moved and if necessary seconded, the Chair shall...*" The word use is shall "...propose the question thereon to the House or the Committee in the same terms as the motion..."

Oleh itu dalam Peraturan Mesyuarat ini tak ada apa-apa *provision* untuk Tuan Yang di-Pertua untuk menolak usul ini tanpa merujuk kepada Dewan ini. Apa yang harus dibuat mengikut peraturan ini adalah mengikut 33(1).

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, ya. Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat, sila duduk.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Yang di-Pertua, ini bukan masalah Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, bukan masalah pembangkang. Ini masalah maruah Parlimen.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, ya. Betul, betul.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Jadi ambil macam Yang Berhormat bagi Kinabatangan kata, kita ambil suaralah, siap setuju, siapa tolak. Tuan Yang di-Pertua, undilah, minta undi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat, saya dah katakan tadi, isu ini tidak kena mengena dengan isu hak kerana ...lagipun bukannya disegerakan. Kita ada Menteri nanti bagi penjelasan. Selepas Menteri bagi penjelasan Yang Berhormat bolehlah buat ...

Tuan Lim Kit Siang: Itu perkara yang lain, perkara lain

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ini pertimbangan saya. Yang Berhormat duduk. Yang Berhormat bagi Ipoh Timor teruskan ucapan.

Tuan Lim Kit Siang: Saya bertegas bahawa saya bersetuju oleh kerana tadi saya tidak ada masa untuk rujuk kepada Peraturan Mesyuarat 33, bahawa dalam keadaan semacam ini tidak ada kuasa untuk menolak. Baru kuasa untuk diputuskan oleh kerana 33 sangat jelas: "*When a motion has been moved, and if necessary seconded, the Chair shall propose....*" tidak kata bahawa *the Chair* ada kuasa untuk tolak, dan sebab itu saya dengan rasminya mencadangkan di bawah 26(1)(p) bahawa Dewan yang mulia ini untuk menjaga hak keistimewaan Dewan ini, merujuk Yang Berhormat Menteri MITI dan Yang Berbahagia Ketua Setiausaha - KSU MITI yang tulis surat ini kepada *Committee of Privileges* dan untuk sesuatu siasatan mengenai perkara surat ini. Sokong? Siapa sokong sekarang?

Beberapa Ahli: Sokong, sokong

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada pandangan?

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, Sabak Bernam pula ingin mencadangkan supaya satu hari dibenarkan untuk isu ini maknanya ditangguhkan sehingga menteri memberikan penjelasan besok. Lepas itu kalau usul 26(1)(p) ini nak diperkenalkan, saya ingat saya ... terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sabak Bernam, ini bukan soal isu ini, soal surat ini. Ini yang nak dikemukakan. Sabak Bernam harus faham juga apa yang kita bahaskan hari ini.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Tuan Yang di-Pertua, soal menjaga integriti Parlimen ini adalah kita harus jaga bersama. Saya hendak menyatakan bahawa tangguhkan, bukan saya tidak setuju sebab menteri pun telah berjanji akan datang ke mari besok, jadi isu-isu bagilah dia peluang untuk menjelaskannya. Terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Esok dia akan menjawab dalam soalan dalam masa terhad, kita tidak mahu. Kita mahu dia jawab satu hari.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor sila duduk, sila duduk Yang Berhormat bagi Ipoh Timor. Saya faham, saya sudah beritahu tadi bahawa pada 16, 17 ada masa menteri menggulung dan lepas itu di peringkat Jawatankuasa di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Yang Berhormat boleh usulkan itu dan masa itu bolehlah membuat keputusan.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kalau Yang Berhormat... Sila duduk Yang Berhormat. Pada hari ini saya katakan bahawa isu ini tiada kaitan lagi mengenai surat ini. Kita minta nanti menteri memberi penjelasan, lepas itu barulah kita membuat keputusan semasa menjawab.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Yang di-Pertua, surat ini diedarkan serta-merta di depan meja Ahli Parlimen.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yalah tetapi, faham saya faham Yang Berhormat tetapi...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Maknanya surat ini berbangkit pada perbahasan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yalah tetapi kita belum mendapat penjelasan daripada kementerian.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak, penjelasan soal lain. Ini soal tingkah laku yang dibuat oleh Ketua Setiausaha ini berlanggaran, kenapa dia yang *sign* surat, kenapa bukan menteri yang bertanggungjawab?.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sebab itulah kita hendak minta menteri dengar, menteri jawab sebab apa surat ini keluar. Jadi ada masa, semasa penggulungan menteri menjawab, lepas itu masa menteri khas di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, satu masa yang cukup untuk menyuarakan masalah ini. Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, sila teruskan.

Tuan Chow Kon Yeow: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Tanjong.

Tuan Chow Kon Yeow: Selalunya Ahli-ahli Dewan ini diminta untuk mematuhi interpretasi Tuan Yang di-Pertua berkenaan dengan apa-apa peraturan. Dan selalunya kita pun patuh interpretasi dan selalunya apabila dibangkitkan usul di bawah 26(1)(p), Tuan Yang di-Pertua akan berkata bahawa ia tidak akan ditimbang kerana ia tidak berlaku ataupun melewati masa dan harusnya dibangkitkan semasa kejadian itu berlaku. Itu selalunya interpretasi Tuan Yang di-Pertua berkenaan dengan 26(1)(p) ini. Dan tepatnya usul dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timor dan disokong oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading mematuhi segala syarat dan interpretasi Tuan Yang di-Pertua. Jadi kita sama-sama menjaga imej dan maruah Dewan ini termasuk Tuan Yang di-Pertua sendiri yang membuat keputusan-keputusan berhubung dengan perkara ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila duduk Yang Berhormat. Sebab itu saya katakan sekarang menteri belum ada memberi penjelasan. [Disampuk] Kita ada cukup masa pada masa penggulungan dan masa Jawatankuasa. Jadi masa itu Yang Berhormat boleh soal jawab, boleh tanya, boleh berhujah. Sekarang Yang Berhormat boleh teruskan hujah dan membangkitkan apa isunya.

Tuan Lim Kit Siang: [Bangun]

Tuan Chong Chieng Jen: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Yang Berhormat bagi Ipoh Timor sila.

Tuan Chong Chieng Jen: Ya saya ingin tahu atas peraturan apakah Tuan Yang di-Pertua menolak usul ini tanpa ia dikemukakan untuk *propose it to be determined*. Atas Peraturan Mesyuarat apa Tuan Yang di-Pertua menolak usul ini tanpa mengemukakan kepada Dewan yang mulia ini untuk satu *decision*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Tuan Chong Chieng Jen: Kerana di bawah Peraturan Mesyuarat 33, ia adalah jelas. Perkataan yang digunakan ada *the chair shall* dalam interpretasi *shall means must*,

'harus', harus mengemukakan perkara ini untuk *decision*. Ini adalah peraturan kita mengikuti Peraturan Mesyuarat, Tuan Yang di-Pertua juga mesti ikut, barulah dapat meyakinkan kita semua bahawa Peraturan ini harus diikuti dan dipatuhi.

Puan Chong Eng: Tuan Yang di-Pertua, dahulu kita hendak buat usul menggantung kedudukan Yang Berhormat bagi Batu Gajah dan juga Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor, Tuan Yang di-Pertua pun tidak mengatakan bahawa berilah mereka peluang untuk memberi penjelasan. Jadi saya rasa Tuan Yang di-Pertua mesti konsisten dalam perkara seperti ini supaya tidak dipandang bahawa Tuan Yang di-Pertua hanya hendak mempertahankan atau membela menteri sahaja dan bukan menjaga maruah dan keunggulan Dewan ini. Saya harap Tuan Yang di-Pertua akan menimbang semula. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat saya sudah beritahu tadi bahawa ada peluang, ada masa yang paling sesuai. Sebab itu pada hari ini saya tidak...

Datuk Bung Moktar bin Radin: Tuan Yang di-Pertua, ini bukan soal ada peluang. Persoalannya bagaimana kita hendak menjalankan sistem permesyuaratan kita. Adakah peraturan-peraturan Dewan ini boleh diperlekehkan, boleh diputar belit ataupun adakah kita mempertahankan sesuatu yang tidak boleh kita pertahankan? Bukan soal masa, Tuan Yang di-Pertua, kita kena ikutlah kehendak Ahli-ahli Dewan.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Tuan Lim Kit Siang: Oleh kerana ini sangat jelas, dalam Peraturan Mesyuarat sangat jelas, *they can be know two ways about it*, sangat jelas.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli Yang Berhormat saya sudah beritahu...

Tuan Lim Kit Siang: Ini mustahak, ini bukan peluang, ini bukan tunggu menteri untuk jawab, ini berlaku satu perkara dan perlu serta-merta tindakan diambil. Bolehkah kita tangguhkan atau *consult* dalam perkara ini oleh kerana ini akan jadi *laughing stock* kalau kita... Dewan mahu rujuk tetapi Pengerusi kata tidak boleh, mana boleh, mana boleh. Pengerusi *is a servant of the House. The House is not a servant of the Chair. The Chair is a servant of the House*. Saya cadangkan bahawa kita tangguhkan *consultation*, perbincangan dalam perkara ini. Sepuluh minit...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Yang di-Pertua, 26(1)(p) jelas sekali tidak bercanggah. Untuk apa Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua hendak mengalihkan keputusan yang telah pun ada ke dalam Peraturan Perlembagaan kita ini, kita gunakan sahaja. Tuan Yang di-Pertua panggil, setuju tidak setuju kita tengok keputusan. Kalau setuju, ia setuju, kalau tidak setuju, ia tidak setuju, habis kira, senang sahaja Tuan Yang di-Pertua. Dan kalau keputusan bersetuju kita rujukkan Tuan Yang di-Pertua pun tidak salah pasal Tuan Yang di-Pertua menghormati kehendak Ahli Parlimen. Tidak ada lebih, tidak ada kurang. Tuan Yang di-Pertua. Terimalah kami punya rayuan. Assalamualaikum Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Baiklah, baiklah Yang Berhormat. Saya sudah bagi penerangan dan nampaknya Yang Berhormat masih belum boleh memahami. Saya minta supaya perkara ini ditimbang. Saya minta Dewan ditangguhkan selama lebih kurang 15 minit.

Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 12.22 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 12.47 tengah hari.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

12.49 tgh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, bahawa surat yang diberikan tadi tidak ada niat untuk menghina Parlimen ini dan kita ada peluang untuk bertanya dengan Menteri semasa Menteri menggulung dan juga perbahasan semasa Kementerian Perindustrian Antarabangsa dibahaskan. Oleh itu, cadangan Yang Berhormat untuk membawa kementerian ataupun pegawai ini ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan, saya tidak benarkan dan saya memulakan Peraturan 99, bahawa inilah keputusan saya.

Yang Berhormat teruskan ucapan perkara lain.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya, saya rasa sangat malanglah ini berlaku. Oleh kerana ini perkara yang penting bukan satu perkara yang kecil, sekurang-kurangnya ada lima sebab kenapa ini penting untuk menjaga maruah Parlimen. Kalau kita mahu *first world* Parlimen, kita mesti bertindak sebagai *first world* Parlimen di mana kita tidak membenarkan sesiapa untuk mencabar, melanggar kemuliaan dan darjat Parlimen ini.

Yang pertama, kenapa ini mustahak, oleh kerana isi kandungan ini tidak benar. Isi kandungan ini tidak benar oleh kerana dalam soalan asal saya, ada tanya senarai sepenuh AP. Individu AP, *open* AP, *francais* AP dan individu AP, termasuk Ahli-ahli Parlimen, yang sebenarnya dalam senarai yang dibagi ialah lapan peratus sahaja daripada individu AP. Kita mahu semua dan Ahli Parlimen pun bukan dari semenjak 1997. Kenapa? Kita mahu tahu kita ada hak untuk tahu. Adakah ini bererti bahawa senarai ini ditarik balik? Tidak wujud, rakyat tidak tahu, bahawa tidak perlu jawab. Kita tahu dalam senarai yang dibagi ada Ahli Parlimen yang diberi dua, ada Ahli Parlimen yang diberi tiga. Kenapa? Apa sebab sampai sekarang tidak ada apa-apa penjelasan? Adakah ini satu kerajaan yang *accountable*? Adakah ini satu kerajaan yang benar-benar mengikut janji-janji Yang Amat Berhormat Perdana Menteri apabila beliau menjadi Perdana Menteri bahawa *accountable* dan *transparent* yang terbuka?

Kalau begitu surat ini bertentangan dengan semangat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan sebenarnya apabila Ahli-ahli Parlimen tadi mahu mengusulkan untuk merujukkan Yang Berhormat Menteri MITI, dan KSU MITI kepada Jawatankuasa Hak Keistimewaan ialah selaras dengan falsafah, dengan semangat jaminan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Oleh kerana kita percaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri serius dalam jaminan dia. Kenapa kita tidak boleh buat begitu? Itu satu, ini tidak benar. Oleh kerana saya ada tanya untuk meminta senarai yang penuh.

Yang kedua, oleh kerana saya ada sebut tidak benar, sebut yang kedua ialah Perdana Menteri masa itu Tun Dr. Mahathir ada buat kenyataan umum bahawa tidak benar keputusan dibuat oleh Kabinet mengenai peruntukan AP kepada Ahli-ahli Parlimen. Dia kata, ini tidak benar. Dua sebab kenapa tidak benar. Sebab ketiga ialah bahawa surat ini, KSU sudah *usurp* kuasa Menteri. *So usurp* kuasa Menteri oleh kerana kalau sesiapa yang patut jawab ialah Menteri dan bukan KSU. Dia menasihati Menteri, bila kita ada konvensyen Parlimen di mana dia depan Menteri.

Kita tahu mengenai *yes minister*, nampaknya sekarang ialah *yes* KSU. *Minister* kata *yes* KSU, bukan KSU kata *yes minister*. Adakah *we have gone* terbalik. Kita tahu KSU di Malaysia sangat, *very powerful*. Kita tahu ada *incense* lebih *powerful* daripada Menteri, Timbalan Menteri. Menteri, Timbalan Menteri pun takut kepada KSU, kita tahu. Itulah *open secret* tetapi bukan *so open, semacam ini*. saya

Keempat ialah bukan sahaja dia *usurps* kuasa KSU Menteri, dia *contempt* penghinaan kepada Parlimen ini. Apabila Yang di-Dipertua kata bahawa tidak ada niat untuk menghina Parlimen, bagaimana Tuan Yang di-Pertua boleh buat kenyataan seperti itu. Dia mana tahu? Dia mana tahu mungkin KSU kata, dia tiada niat. *Claim* beliau perlu satu siasatan sama ada benar atau tidak benar, tengok *circumstances*. Tidak boleh *take it as a matter of fact*. Itu satu *contempt* kepada Parlimen.

Kelima - Sebab lebih mustahak ialah surat semacam ini. *Go against* prinsip, *go against* janji Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mengadakan satu *open government*.

Keenam - janji Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa mengadakan satu *first world* Parlimen dan kalau satu KSU *can played the full with* Parlimen, apa *first world* Parlimen? Dalam 46 tahun tidak pernah berlaku. *No* KSU dare's do such a thing. Sekarang KSU *dare to do such a thing and* Ahli-ahli Parlimen diam sahaja. Mana boleh? Mana boleh? Maruah mana? Maruah Ahli Parlimen mana? Kita tengok di sini dan lebih serius ini menentu sikap apa? Menunjukkan sikap bahawa kerajaan not tulus, tidak tulus tetapi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mahu ketulusan. *Who is right?* YAB *right* atau KSU, *the* Menteri MITI *right?*

Apa dia kata, bahawa tidak pernah mahu bagi senarai. Dia kata apa di sini, pegawai berkenaan telah dipanggil dan disoal siasat. Saya mahu tahu, *first degree, second degree, third degree*, soal siasat, semacam Abu Gharib, Guantanamo atau tidak payahlah, *you can be set, you can be cor-storage, no promotion, send to conventory*. Soal siasat! Semacam satu jenayah sudah berlaku, walhal bukan jenayah, *public duty* dia buat. Tengok soalan saya yang meminta untuk berikan senarai penuh AP sejak 1978, termasuk AP individu, *public duty* dia sediakan itu senarai sungguhpun tidak penuh. Salahkan dia kenapa tidak penuh?

Sejak 2000 dan bukan sejak 1997. Kenapa? Tetapi sekurang-kurangnya dia cuba ada *public duty* tetapi KSU tidak ada *sense of public duty* dan *responsibility*. Dia tolak, tidak tersenarai sungguhpun soalan sangat jelas. Saya kata bahawa seorang KSU apabila baca soalan ini boleh sampai satu kesimpulan bahawa senarai tidak perlu menunjuk bahawa dia cuai, tidak bertanggungjawab dan tidak layak menjadi KSU. Lebih layak menjadi KSU ialah orang yang sekarang dianiayai, yang sudah menjadi mangsa, *Salimi Sajari*. [Tepuk] Dia patut jadi KSU. KSU sekarang, Sidek Hassan turunkan pangkat dia menjadi seorang pegawai sahaja, Ketua Penolong Pengarah. Oleh sebab dia tidak faham apa Yang Amat Perdana Menteri sudah cakap dua tahun, apa kita bahas dalam Dewan yang mulia ini. *Open, transparent, accountable government*.

Kalau seorang KSU tidak faham, apa guna KSU. Tetapi saya kata, saya tidak seratus peratus salahkan KSU. Dia mangsa Yang Berhormat Menteri MITI sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, hendak gulungkah?

Tuan Lim Kit Siang: Gulung?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak gulungkah? Atau hendak sambung? [Disampuk]

Tuan Lim Kit Siang: Belum mula, belum mula.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat boleh sambung.

Tuan Lim Kit Siang: Sambung, okey. Boleh panggil KSU datang, boleh panggil Menteri datang petang?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak apalah, Yang Berhormat. [Ketawa]

Tuan Lim Kit Siang: Hah! Boleh Yang Berhormat Menteri, panggil mereka datang?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kalau dia datang, datanglah, Yang Berhormat. Cukuplah.

Tuan Lim Kit Siang: Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, cukuplah. Sambung sebelah petang. Ahli-ahli Yang Berhormat waktu sekarang jam 1.00, Dewan yang mulia ini di tangguh sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan disambung semula, sila Yang Berhormat Ipoh Timor menyambung ucapan.

2.33 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Semasa diganggu saya ada sebut mengenai laporan *The New Straits Times* mengenai *public lynching*. Sungguhpun para Ahli Parlimen UMNO telah memberitahu saya mengenai perasaan marah dan *mock* mereka terhadap cara Yang Berhormat Menteri salah uruskan skandal AP ini. Saya tidak pernah rasa ada sebarang tindakan ataupun cadangan untuk *public lynching* Yang Berhormat Menteri. Bagaimanapun saya bersetuju sepenuhnya dengan Brendan Pereira, bahawa dengan izin, "*The Rafidah does not owe anyone an apology for letting the public know which MPs got APs*".

Tetapi nampaknya gambaran sudah berubah dan Yang Berhormat Menteri bukan begitu komited kepada satu dasar dan pendekatan terbuka dan apa yang ditulis di sini semua *completely out of place and over taken by events*, dengan izin. Sungguhpun begitu Yang Berhormat Menteri harus esok apabila datang meminta maaf atas senarai yang ada di dalam, oleh sebab senarai berkenaan hanya dipamerkan pada masa itu menunjukkan sikap yang buruk dan berniat jahat sebab ianya bersifat *selective* menyampaikan data dari tahun-tahun 1997 ke 2000 yang merupakan sebahagian pertanyaan asal yang dikemukakan oleh saya ialah juga gagal memberikan senarai penuh untuk semua AP individu, terbuka dan fafcas sejak tahun 1987.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengingatkan Yang Berhormat Menteri mengenai pelbagai pertanyaan tentang AP dan kontradiksi yang beliau akan hadapi dan sepatutnya diperjelaskan sepenuhnya dan antaranya adalah mengapakah Yang Berhormat Menteri menghasilkan 'AP King of Kings', Tan Sri Nasimuddin S.M Amin, Dato' Syed Azman Syed Ibrahim dan Dato' Mohd. Haniff Abdul Aziz. Ketiga-tiga mereka ini telah diberikan sejumlah 33,218 APs atau 50.1% AP yang diperuntukkan untuk tahun 2004 dan 28,283 APs atau 41% AP yang diperuntukkan untuk tahun 2005. Pada kadar purata nilai AP yang berjumlah RM30,000 satu, ketiga-tiga AP *king of kings* ini telah mendapat keuntungan sejumlah RM996 juta untuk tahun 2004 dan RM850 juta tahun ini atau pada jumlah besarnya RM1.8 million ringgit untuk dua tahun ini, apakah jumlah AP yang telah diberikan kepada ketiga-tiga AP *king of kings* ini sejak tahun 1988.

Yang kedua, pada 19 Julai 2005, setelah mempengerusikan mesyuarat EXCO Wanita UMNO pada pagi hari itu sebelum beliau sedar bahawa senarai AP yang pertama akan diedarkan oleh Pejabat Perdana Menteri pada petang hari yang sama, Yang Berhormat Menteri menafikan wujudnya sebarang salah laku dalam pendirian AP untuk mengimport kereta dan menafikan ura-ura bahawa beliau ada hubung-kait dengan mana-mana satu pemegang AP dan ini pun ada terbit dalam *The New Straits Times*, 20 Julai 2005, malah beliau telah berpegang Quran sambil berkata "*I have no connection with any of the AP holders in terms of being related or in other aspects.*"

Mengapakah Yang Berhormat Menteri merahsiakan hakikat bahawa anak saudaranya, Annie Tajul Arus merupakan salah seorang yang diberikan francais AP dalam tahun 2004 untuk mengimport 850 kereta Kleemann dan 199 dalam tahun 2005. Adakah Badan Pencegah Rasuah telah menyiasat sama ada timbulnya sebarang *conflict of interest* atau wujudnya perilaku rasuah dalam perkara ini.

Ketiga, anggota EXCO Pemuda UMNO Dato' Mukhriz Mahathir telah berkata bahawa Yang Berhormat Menteri tidak pernah mengemukakan kepada bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir senarai mengenai AP dalam penjelasan bertulis bertarikh 8 Julai

ini kepada bekas Perdana Menteri berkenaan sebagaimana yang diarahkan oleh kabinet. Sungguhpun beliau telah memberikan satu gambaran yang jelas kepada Parlimen serta rakyat jelata bahawa beliau telah melakukan begitu dalam surat yang agak panjangnya kepada Tun Dr. Mahathir yang mengandungi lebih kurang 10 lampiran yang berkaitan dengan setiap isu yang dibangkitkannya.

Yang keempat, mengapakah senarai AP sama ada untuk tahun 2004 atau tahun 2005 adalah tidak lengkap semasa diedarkan. Tun Dr. Mahathir telah membangkitkan isu bahawa senarai AP 2005 tidak lengkap, sementara bagi senarai AP 2004 pula, Yang Berhormat Menteri berkata di Afrika Selatan bahawa senarai tersebut telah dikemukakan, in it's entirety termasuk senarai showrooms setiap kepentingan AP tetapi semua ini tidak benar.

Yang kelima, Yang Berhormat Menteri berkata di perhimpunan tahunan UMNO bahawa semasa beliau dilantik sebagai Menteri MITI dalam tahun 1987, beliau telah menarik balik AP yang telah diberikan kepada 153 syarikat atas sebab syarikat-syarikat berkenaan tidak beroperasi, tidak ada *showroom*, akaun-akaun mereka tidak diurus secara baik dan AP telah dijual kepada bukan bumiputera, ini menjadikan hanya 76 syarikat pada masa kini yang masih menerima AP terbuka. Mengapakah Yang Berhormat Menteri enggan menyenaraikan angka mengenai jumlah *showroom* yang dimiliki oleh semua pemilik AP terbuka sejak 1988.

Keenam, mengapakah Yang Berhormat Menteri tidak pernah menarik balik mana-mana AP dalam tempoh 17 tahun ini setelah tindakan menarik balik di dalam tahun 1988. Sungguhpun berlaku begitu banyak salah guna AP termasuk *under decoration* nilai-nilai kereta yang diimport di bawah sistem AP ini menyebabkan negara kerugian lebih RM1 bilion setahun dalam segi pendapatan. Kemudian pendedahan memeranjatkan yang dibuat oleh Tun Dr. Mahathir bahawa tidak pernah dibuat sebarang pengumuman rasmi mengenai kategori AP yang baru iaitu *francis* AP sungguhpun Yang Berhormat Menteri telah memperkenalkan kategori ini dalam tahun 1997 dan Tun Dr. Mahathir sendiri tidak tahu menahu mengenainya, sungguhpun pada masa itu beliau masih Perdana Menteri. Dan keengganan Yang Berhormat Menteri untuk mengumumkan kesemua senarai AP untuk sepanjang tempoh 35 tahun sejak AP diperkenalkan dalam tahun 1970 termasuk semasa Tun Dr. Mahathir memegang jawatan Menteri Perdagangan dan Industri dari Januari 1978 ke Julai 1981 selaras dengan janji Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mewujudkan satu kerajaan yang *accountable*, telus, berintegriti dan berpentadbiran yang baik. Akhirnya, adakah Yang Berhormat Menteri sendiri merupakan penerima sistem AP ini dan jika jawapannya berikan butir-butir berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, mesyuarat kabinet pada 10 Ogos di mana Yang Berhormat Menteri hadir setelah menghilangkan diri dari empat mesyuarat kabinet secara berturut-turut, telah menimbulkan kekeliruan apabila ianya melarang Yang Berhormat Menteri dari menjawab pertanyaan pihak media yang berkenaan dengan skandal AP. Adakah larangan ini termasuk melarang beliau menjawab segala pertanyaan di luar dan di dalam Parlimen mengenai *accountability*, ketelusan dan integriti mengenai pengeluaran AP dalam tempoh 18 tahun yang lepas. Gambaran yang semua orang dapat selepas mesyuarat kabinet berkenaan adalah Yang Berhormat Menteri telah dilucutkan tanggungjawab APnya.

Pada masa itu saya pun ada membangkitkan isu bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kabinet memang berkuasa untuk melucutkan kuasa Yang Berhormat Menteri dari dua fungsi, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industrinya iaitu Perangkaan Dasar Automotif Negara serta kaji semula pengeluaran AP tetapi mereka tidak boleh mengeluarkan satu larangan menyeluruh ke atas segala perbincangan dan permintaan umum yang mahukan *accountability* terhadap salah urus isu AP oleh Yang Berhormat Menteri sepanjang 18 tahun ini dan larangan ini memang tidak adil bukan sahaja kepada rakyat jelata tetapi juga kepada Yang Berhormat Menteri sendiri.

Larangan yang sebegini bertentangan dengan janji Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk memimpin satu kerajaan yang berjiwa rakyat, bersih, berintegriti, *accountable* dan beramanah, dan sebaliknya telah memulakan amalan baru yang paling buruk sekali dengan memberikan perkembangan atau imuniti kepada Yang Berhormat Menteri dari menghadapi sebarang hukuman berikutan dengan sebarang salah guna kuasa serta salah

urusnya atas kuasa kementerian. Ramai yang bertanya sama ada ini merupakan kali keempat Yang Berhormat Menteri diselamatkan oleh seorang Perdana Menteri sungguhpun Perdana Menteri yang lain. Atau Yang Berhormat Menteri akan menghadirkan diri pada keesokan hari ini dan memberitahu Dewan ini, bahawa beliau telah dilarang oleh Kabinet dari menjawab sebarang pertanyaan mengenai AP, bahawa ini adalah arahan Kabinet, dia tidak boleh jawab.

Sekiranya Kabinet telah mengenakan larangan sebegitu, ia haruslah dihapuskan kerana Yang Berhormat Menteri tidak harus dinafikan haknya dan tanggungjawabnya untuk mempertahankan diri termasuk mengumumkan penjelasan setebal 29 muka suratnya, yang disediakan untuk Kabinet, dan beliau juga tidak harus menikmati kekebalan dan melarikan diri dari dikaji dari segi accountability dan ketelusan atas isu kebertanggungjawabannya selama 18 tahun dalam isu AP. Kekeliruan yang tersebar meluas mengenai soal sama ada Yang Berhormat Menteri telah diluputkan kuasa dan tanggungjawab APnya boleh dirasai dari kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Johor Bahru, yang merupakan Pengerusi BBC. Sejurus selepas mesyuarat Kabinet yang menyeru supaya Yang Berhormat Menteri meletakkan jawatannya sebagai Menteri MITI kerana masih membuat komen mengenai isu AP, sungguhpun Kabinet telah melarangnya berbuat demikian.

Pengerusi BBC berkata, bahawa Yang Berhormat Menteri harus meletakkan jawatan sekiranya beliau berasa sukar untuk menghormati keputusan Kabinet supaya tidak membuat komen atas isu AP ini, dan beliau dengan izin, *should stop making a fool of herself*, dengan bercakap mengenai perkara yang bukan lagi di bawah tanggungjawab kementeriannya. Adakah itu benar? Adakah ini bukan lagi di bawah tanggungjawabnya? Kalau begitu esok dia datang apa guna? Kalau AP dia tidak perlu untuk jawab lagi. Semua orang sangka bahawa Yang Berhormat Menteri telah dilucutkan tanggungjawab APnya sehinggakan beliau pergi ke Singapura pada akhir bulan Ogos, dan mengumumkan bahawa pemberian AP dan industri automatif masih lagi di bawah bidang kuasa kementeriannya.

Bahawa dengan izin, *no change at all from before*. Apa *all the.....* ada keluaran bidang kuasa di bawah beliau, dia tidak boleh cakap, jangan cakap, kalau cakap *resign make a fool of herself*. Sekarang dia kata, "*No change, I'm still in charge*". Apa yang berlaku dalam kerajaan ini? Nampaknya hilang *direction*. Apa yang berbeza sekarang adalah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang akan mempengerusikan mesyuarat apa Yang Berhormat Menteri kata, apa yang berbeza sekarang adalah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang akan mempengerusikan mesyuarat empat orang menteri yang terlibat ialah Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Pengangkutan, Menteri bertanggungjawab untuk Unit Perancangan Ekonomi dan Menteri Kewangan Kedua untuk mengkaji secara komprehensif industri automotif. Jadi, apakah sebenarnya keputusan Kabinet mengenai skandal AP pada 10hb Ogos, hanya untuk melindungi Yang Berhormat Menteri dari accountability umum, dengan menghentikan pihak media dari mengemukakan pertanyaan kepadanya?

Yang Berhormat Menteri tidak menjelaskan, mengapakah beliau terpaksa pergi ke luar negeri untuk membuat pengumuman bahawa kementeriannya masih memegang portfolio AP? Atau mengapa beliau memilih untuk mengakui buat pertama kalinya ketika masih di Singapura, bahawa memang wujud salah laku dalam pemberian AP? Mengapakah Yang Berhormat Menteri tidak dapat menahan dirinya pada hari Merdeka di mana beliau menangis semasa memeluk Tun Dr. Mahathir? Adakah ini ada kaitannya dengan pemulangan tujuh kereta oleh Tun Dr. Mahathir kepada Proton Berhad yang merupakan berita tajuk utama pada ambang Hari Merdeka?

Satu petanda kuat bahawa isu AP belum lenyap lagi sekurang-kurangnya bagi bekas Perdana Menteri ini yang hanya bermakna, bahawa Yang Berhormat Menteri tidak boleh berpura-pura bahawa isu AP telah selesai sama sekali berikutan dengan pengumuman Yang Berhormat Menteri bahawa kementeriannya masih bertanggungjawab terhadap portfolio AP. Maka adalah semua tidak bertanggungjawab baginya untuk cuba mengelakkan diri dari akauntabeliti sepenuhnya terhadap isu salah laku, dan salah guna dalam pemberian AP selama 18 tahun beliau memegang jawatan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Yang Berhormat Menteri telah disediakan satu penjelasan setebal 29 muka surat kepada Kabinet untuk mempertahankan kepimpinan dalam kelakuannya dalam isu AP untuk import kereta. Beliau seharusnya membentangkan penjelasan ini 29 *page document* ini sebagai kertas putih di Parlimen termasuk senarai penuh AP yang dikeluarkan setiap tahun, sama ada dalam kategori terbuka, francais atau individu sejak 1987 dan bersetuju dengan satu perbahasan Parlimen yang menyeluruh untuk membuktikan bahawa beliau tidak perlu melindungi apa-apa pun atas isu ini. Apabila Yang Berhormat Menteri datang ke Parlimen esok hari, beliau harus menjelaskan juga sebab mengapakah kehadiran di Parlimen adalah begitu jarang sekali. Beliau kata, "Terpaksa pergi luar negeri beberapa kali tahun ini", iaitu tujuh kali lawatan mengiringi Perdana Menteri dan 10 kali lawatan dagangan. Dua perkara patut dibangkitkan atas isu ini.

Pertama sekali tugas rasminya di luar negara harus dibandingkan dengan jadual Parlimen demi memastikan bahawa rekod ketidakhadirannya yang begitu serius itu dapat dipertahankan. Saya kemukakan di sini butir-butir selanjutnya mengenai ketidakhadiran di Parlimen yang sungguh dahsyat sekali.

Tahun	Jumlah Mesyuarat Parlimen	Kehadiran
2000	79 hari	2 hari
2001	71 hari	5 hari
2002	64 hari	2 hari
2003	67 hari	6 hari
2004	63 hari	2 hari
2005	46 hari	3 hari

Keduanya selain dari tugas-tugas rasmi di luar negara, yang berada di luar kawalan beliau, untuk keputusannya, mengapakah Yang Berhormat Menteri tidak dapat mengatur lawatan-lawatannya ke luar negara supaya tidak bertentangan atau kurang bertentangan dengan jadual mesyuarat Parlimen yang awal tahun lagi telah diedarkan pada semua menteri?

Tuan Yang di-Pertua, Dasar Automatif Nasional baru yang kerap ditundakan, sekali lagi ditundakan dari bulan lepas ke bulan ini harus memastikan ia merangkumi sekurang-kurangnya dua ciri, iaitu ketelusan dan melindungi kepentingan para pengguna Malaysia. Bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir berkata bahawa, adalah *interesting* untuk mengkaji senarai AP untuk kereta-kereta import bagi tahun 2002 dan 2003, kerana angka pada masa itu tidaklah sebesar angka tahun lepas dan tahun ini.

Pertanyaan telah dibangkitkan dan mengenai sebab bagi tiga kali ganda tambahan AP yang dikeluarkan dari 20,000 dalam tahun 2002 dan 2003, menjadi lebih dari 60,000 tahun 2004 dan 2005. Pertanyaan yang begitu mudah ini sepatutnya dapat diperjelaskan oleh kerajaan yang percaya dengan prinsip-prinsip akauntabiliti dan ketelusan. Malang sekali kita tidak mendapat sebarang jawapan yang memuaskan kerana Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri nampaknya telah hilang keupayaan untuk berkomunikasi dengan rakyat biasa, dan jangan sekali-kali berharap ianya akan berkomunikasi dengan Ahli-ahli Parlimen.

Dasar Automatif Nasional baru ini bukan sahaja perlulah telus, ianya juga harus merangkumi jangka masa untuk melupuskan AP secara berperingkat-peringkat demi menghapuskan sistem AP untuk kereta import supaya para pengguna Malaysia tidak perlu terus membayar harga yang lebih tinggi untuk kereta di Malaysia, berbanding negara-negara lain setelah lebih dua dekad perlindungan yang diberikan kepada Proton.

Harga-harga kereta di Malaysia merupakan antara yang paling tinggi di dunia dalam segi wang ringgit, dan lebih tinggi lagi jika diambil kira pendapatan perkapita kita yang agak sederhana, dan semua ini adalah hasil perlindungan yang diberikan kepada Proton. Sebagai contohnya sebuah Honda City berharga lebih dari RM80,000 di Malaysia, tetapi hanya bernilai setengah harganya di negeri Thai, atau lebih kurang RM80,000. Berikut merupakan contoh-contoh yang menggambarkan bagaimana para pembeli kereta di Malaysia telah dianiayai hasil dari perlindungan AP kepada Proton:

- (i) sebuah Toyota Camry berharga Dolar Australia 32,000 atau Dolar Australia 92,000, tetapi di Malaysia adalah berharga RM170,000;
- (ii) di Amerika Syarikat Mercedes tahap paling tinggi berharga USD50,000 atau RM190,000, sementara di Malaysia harganya lebih RM450,000; dan
- (iii) dalam tahun 70-an, *multiple* harga kereta berbanding gaji bulanan untuk seorang graduan baru adalah rendah lebih kurang 10, iaitu gaji 10 bulan. Ia telah menjangkau kadar 15 dalam tahun-tahun 80-an dan kini telah mendekati 40 iaitu gaji 40 bulan untuk kereta pertama seorang graduan.

Saya mengulangi saranan saya supaya suatu Jawatankuasa Pilihan mengenai Perdagangan Antarabangsa dan Industri ditubuhkan. Demi memberikan input serta menyelia Dasar Automotif Nasional khasnya berkenaan dengan dua ciri-ciri, iaitu ketelusan dan jangka masa bagi penghapusan AP untuk kereta-kereta import, supaya membolehkan para pengguna di Malaysia membeli kereta dengan harga yang setanding dan berkualiti seperti mana yang berlaku di lain-lain negara. Dua berita dari dunia automotif kebelakangan ini harus menjadi peningkatan kepada para Menteri Kabinet supaya mempertimbangkan pelbagai opsyen bagi satu Dasar Automotif Nasional yang baru dan mereka ialah:

- (i) General Motors Corporation merancang untuk membeli bahagian kereta bernilai sejumlah USD1 bilion dari India setiap tahun bermula tahun 2008. Sebagai sebahagian dari usaha untuk mengurangkan kosnya sebagai pengeluar kereta terbesar di dunia;
- (ii) GM merupakan antara beberapa pembuat kereta dan termasuklah Ford Motor, Daimler Chrysler, Volkswagen A.G. yang mendapatkan bekalan bahagian-bahagian kereta mereka dari negara-negara berkost rendah disebabkan oleh persaingan yang hebat dan kos bahan mentah yang semakin meningkat. Adalah dilaporkan bahawa kos bahagian-bahagian kereta buatan India adalah 25%-30% lebih rendah berbanding kos di Korea Selatan dan Mexico dengan kualiti produk yang sama rata. Malaysia tidak wujud di mana-mana radar pencarian pembuat bahagian-bahagian kereta oleh global automobil *giant* ini; dan
- (iii) dalam enam bulan pertama tahun ini, lebih kurang 1/3 jumlah pengeluaran kenderaan negeri Thai sebanyak 517,829 dan termasuk 350,000 trak adalah untuk dieksport dari Thailand. Dalam tahun 2004, lebih dari 332,000 kenderaan 1/3 dari jumlah pengeluaran kenderaan negeri Thai untuk tahun berkenaan yang berjumlah 927,981 kenderaan dan termasuk adalah 597,914 trak telah dieksport ke destinasi-destinasi sejauh ke Argentina dan Afrika Selatan.

Sebaliknya Proton mengeksport 17,243 unit untuk tahun kewangan berakhir Mac 2005 berbanding dengan 7,338 unit setahun sebelumnya. Tidak ada apa yang lebih dahsyat, baru-baru ini ada laporan bahawa Proton perlulah *cancel* 3,000 unit kereta yang dianggap sebagai eksport oleh kerana sebab-sebab yang tidak diberitahu kepada orang ramai.

Dua perkara ini merupakan peringatan baru kepada kita bagaimana setelah pemberian perlindungan selama dua dekad memaksa satu generasi rakyat Malaysia membeli kereta yang lebih mahal dan berkualiti lebih rendah berbanding yang ada di lain-lain negara, Proton kini masih tidak berdaya saingan dan masih lagi wujud saranan supaya perlindungan satu lagi generasi selama 20 tahun dilanjutkan kepada Proton, suara yang didengar baru-baru ini. Satu suara penting yang mesti diputuskan oleh dasar automotif nasional baru ini adalah mengenai masa depan Proton. Sekiranya Kabinet tidak dapat membuat keputusan atas isu Proton melepaskan pegangan majoritinya dan mengadakan usaha sama strategik dengan rakan kongsi asing supaya Proton menjadi benar-benar berdaya saingan dan menghadapi cabaran globalisasi, maka Yang Amat Berhormat Perdana Menteri harus membiarkan Parlimen membuat keputusan ini.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Bajet 2006 dapat mengatasi sesetengah pengabaian yang dialami oleh lebih satu juta kakitangan kerajaan selama ini, namun ini masih mengecewakan majoriti besar rakyat Malaysia yang tidak berkhidmat dengan kerajaan. Tidak perlu dipersoalkan lagi bahawa ekonomi negara kita sedang mengalami kesusahan di mana kadar pertumbuhan ekonomi negara untuk tahun ini telah dikurangkan daripada 6% kepada 5%.

Sebelum saya teruskan, satu perkara saya harap pihak kerajaan boleh ambil perhatian ialah bahawa mengenai cadangan dalam Bajet pembayaran COLA, COLA satu golongan ada kuota kerajaan sendiri tidak akan mendapat COLA ini. Saya rasa ini tidak adil oleh sebab mereka yang mendiami di kuarters-kuarters kerajaan sudah hilang hak untuk dapat *housing allowance* dan sekarang dengan COLA kalau mereka pun tidak ada hak untuk dapat *double jeopardy and double injustice*, saya harap bahawa perkara ini boleh dibetulkan supaya semua kakitangan kerajaan yang ada tinggal di *kuarters* kerajaan pun boleh menikmati COLA yang ada diputuskan atau diumumkan dalam Bajet hari Jumaat yang lalu. Bukan kesemua sektor ekonomi yang sedang tumbuh atau memanfaatkan rakyat Malaysia daripada Bajet. Contohnya walaupun keuntungan bentuk eksport hasil pengeluaran petroleum telah meningkat dengan dua digit dalam tempoh 8 daripada 12 suku tahun yang lepas, sektor ekonomi ini hanya dapat membekalkan peluang pekerjaan yang terhad kepada rakyat Malaysia atas sebab sektor pemilikan industri petroleum amat tertumpu pada sekelompok orang sahaja.

Kadar inflasi yang berada pada paras 3.7% untuk bulan Ogos 2005 adalah tertinggi dalam rekod untuk tempoh 6 bulan dan setengah tahun yang lepas yang bermula daripada Februari 1999. Kadar pertumbuhan yang rendah dan inflasi yang tinggi telah menyusahkan banyak rakyat Malaysia khususnya golongan yang sederhana dan rendah pendapatan mereka. Bajet 2006 yang tidak dapat menghadapi cabaran ekonomi yang di bawa oleh arus globalisasi bahkan tidak mampu membina ketahanan rakyat Malaysia yang bukannya kakitangan kerajaan tetapi ahli-ahli perniagaan atau mereka yang sedang bekerja di sektor swasta. Untuk mengatasi masalah inflasi dan kadar pertumbuhan ekonomi yang sedang merosot bolehlah disifatkan sebagai bajet yang tidak bererti.

Bajet 2006 tidak dapat membina ketahanan atau *resilient* menghadapi cabaran-cabaran ekonomi, asalkan kerajaan terus bergantung pada *clutches* ekonomi dan menafikan keperluan untuk mewujudkan persekitaran ekonomi yang penuh dengan persaingan dan merit kepada eksport negara yang bakal berfungsi sebagai penjana kepada pertumbuhan ekonomi kita. Kerajaan harus belajar daripada negara-negara maju yang baru muncul khususnya Korea Selatan, Taiwan, Hong Kong, dan Singapura yang dikenali sebagai negara-negara pengeksport yang berjaya. Untuk satu jangka masa panjang kedudukan ekonomi Malaysia akan berada di antara dua kelompok negara, di mana satu pihak sedang mengusahakan perniagaan berasaskan pengetahuan yang memerlukan modal yang banyak, manakala satu pihak lagi akan terus bergantung pada industri-industri yang memerlukan tenaga buruh yang murah sahaja.

Dengan mengekalkan sekatan-sekatan jenis tertentu seperti kuota, kapitalisme, kroni, sama ada AP dan kegagalan untuk membanteras rasuah yang menghalang mewujudkan budaya persaingan, malang Malaysia pastinya tidak dapat menghadapi cabaran-cabaran globalisasi. Malaysia berisiko tinggi untuk kalah kepada negara-negara lain yang baru muncul seperti negeri Thai, China dan India, melainkan Malaysia dapat

memenuhi permintaan globalisasi dengan mewujudkan pasaran yang penuh dengan daya saing kadar pengeluaran yang tinggi, peluang yang saksama, kecekapan dan ketulusan serta mengekalkan kecemerlangan dalam sistem-sistem pendidikan dan pekerjaan.

DAP dengan khususnya telah membuat satu cadangan untuk Bajet 2006, antaranya satu, meningkatkan perbelanjaan kajian dan pembangunan R&D kepada 25% daripada KDNK. Malaysia perlu membangun sebagai sebuah ekonomi yang berasaskan pengetahuan dan berkisar kepada teknologi maklumat serta teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) didapati kekurangan insentif-insentif yang diberikan kepada pengeluar-pengeluar di Malaysia untuk menceburkan diri dan menggalakkan eksport negara. Sebagai contoh jumlah perbelanjaan yang diperuntukkan untuk R&D hanya RM868 juta atau bersamaan dengan 0.6% daripada Bajet 2006 yang berjumlah RM137 bilion.

Peruntukan untuk RND yang rendah turut menyebabkan hanya 0.7% daripada perbelanjaan RND dihabiskan seperti rekod yang dicatatkan antara tahun 1997 dan 2002 dalam laporan Program Pembangunan Insan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu atau UNHDP tahun 2005. Jika Malaysia bersikap serius untuk mengekalkan kadar pertumbuhan eksport, peruntukan untuk RND mestilah mencapai tanda aras negara-negara maju yang mencapai 2.5% daripada GDP seperti yang disebut dalam laporan UNHDP tahun 2005, kerajaan perlu mengambil inisiatif untuk memperuntukkan 2.5%.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang: Biarlah, habiskan ini, ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya nak tanya Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, panjang lagi ke nak bercakap?

Tuan Lim Kit Siang: Ya, ya, tadi pagi beritahulah ada hal patut keputusan sewajarnya dibuat tidak dibuat jadi berlaku lah...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: 15 minit lagi, tak boleh?

Tuan Lim Kit Siang: Tak boleh, tak boleh. Mana boleh. Boleh lihat, boleh lihat, kalau mahu balik boleh balik.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Eh, janganlah saya pun mahu bahas juga.

Tuan Lim Kit Siang: *[Ketawa]* Kalau mahu balik boleh baliklah. Saya ingat selamat, sangat *safe* lah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Mana?

Tuan Lim Kit Siang: Kalau mahu balik boleh baliklah, sangat *safe*.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sampai petang ke?

Tuan Lim Kit Siang: Saya ingat selamat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sampai petang 5.30 ke?

Tuan Lim Kit Siang: Ya, sebab itu sangat selamat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya ingat buat Dewan sendirilah bagus, Ipoh Timor.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masalah AP dia sudah ambil 2 jam, ada lagi yang belum...

Tuan Lim Kit Siang: Nanti ada PA.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat agak berapa lama diperlukan lagi?

Tuan Lim Kit Siang: Baru mulalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baru mula?

Tuan Lim Kit Siang: Pagi... pagi ada satu perkara yang besar yang Tuan Yang di-Pertua putus begitu baik itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tuan Yang di-Pertua menjalankan tugas mengikut Peraturan Aturan Mesyuarat.

Tuan Lim Kit Siang: Itu bertentangan dengan hasrat Dewan yang mulia ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat cuba ...

Tuan Lim Kit Siang: ..dan Ahli-ahli Parlimen yang berani berdiri tetapi pun ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Tuan Lim Kit Siang: Tak berani masuk itu ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Ipoh Timor cuba fikirkan ini kehendak Ahli-ahli Yang Berhormat yang lainlah...

Tuan Lim Kit Siang: Ya lah, kira bersimpatilah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: ... akan berucap juga.

Tuan Lim Kit Siang: Kira bersimpati. *[Ketawa]* Kerajaan perlulah mengambil inisiatif untuk memperuntukkan 2.5% daripada perbelanjaan Bajet kepada R&D iaitu bersamaan dengan RM3,420 juta mengikut Bajet 2006.

Kedua, menawarkan separuh daripada projek-projek kerajaan kepada kontraktor-kontraktor bukan Bumiputera untuk menghidupkan semula sektor pembinaan. Kerajaan terus bergantung pada dasar-dasar yang ketinggalan zaman dan tidak dipandang mulia seperti kuota dan tawaran projek yang tidak terbuka, akan lebih memudahkan kedatangan rasuah.

Ini merasa hampa sekali di mana kontrak-kontrak pembinaan dan lingkaran yang bernilai berjuta-juta ringgit seperti kontrak lingkaran kemudahan awam yang berjumlah RM4.3 bilion dan peruntukan khas RM1 bilion, peruntukan perumahan untuk kakitangan awam yang bernilai RM36 bilion dan skim perumahan kos rendah itu sejumlah RM2.1 bilion, kontraktor-kontraktor bukan bumiputera langsung tidak diluluskan sebarang kontrak kerajaan. Jadi apa gunanya kerajaan meluluskan lesen kepada kontraktor-kontraktor bukan bumiputera sedangkan mereka tidak berpeluang untuk memperolehi projek-projek kerajaan.

Kerajaan mesti membuat sesuatu iltizam untuk mengekalkan sektor pembinaan yang membangun semula dengan sihat. Dengan sektor pembinaan yang hanya dapat membekalkan 1.1% kontrak dalam tahun ini, banyak kontraktor bukan bumiputera yang bersaiz kecil kemungkinan akan gulung tikar melainkan kerajaan membuka sebahagian peluang kepada mereka. Sebagai langkah pertama untuk menggalakkan persaingan yang penuh khidmat kerajaan boleh mengizinkan separuh daripada projek kerajaan dibuka tawaran kepada bukan bumiputera manakala yang separuh lain dihadkan kepada bumiputera.

Penubuhan Yayasan Amanah Hartanah Bumiputera yang bernilai RM2 bilion untuk membeli hartanah komersial bagi bumiputera di kawasan bandar raya dan bandar adalah satu langkah yang dialu-alukan untuk membangun semula sektor ekonomi jikalau cadangan ini turut melibatkan pemansuhan kuota perumahan untuk bumiputera. Kuota perumahan untuk bumiputera secara palsu telah menyekat pembangunan pasaran perumahan serta mengetatkan kecairan dan aliran kos kepada pihak pemaju dan juga pengguna bukan bumiputera.

Ketiga, 25 juta rakyat Malaysia berkongsi sama keuntungan Petronas. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mendakwa bahawa subsidi minyak mencapai RM25 bilion setahun sebanyak antaranya RM16 bilion ditanggung oleh kerajaan manakala RM9 bilion diberi oleh Petronas semasa menjual gas yang murah kepada Tenaga Nasional supaya pengguna-pengguna dapat menikmati tarif elektrik yang lebih murah. Jika tidak harga petrol akan meningkat daripada RM1.62 *rate* kepada RM2.80 setiap liter, harga diesel

meningkat daripada RM1.28 kepada RM2.15 setiap liter dan RM2.50 setiap kilogram bagi gas memasak.

Selain daripada memberi subsidi sebanyak RM1,000 bagi setiap rakyat Malaysia, DAP bercadang bahawa jikalau keuntungan lumayan sebanyak RM25.5 bilion yang diperolehi oleh Petronas pada tahun lepas, tambahan pula sebahagian besar daripada keuntungan sebanyak RM200 bilion yang terkumpul sejak penubuhannya pada tahun 1974 diagihkan kepada rakyat Malaysia, maka subsidi kerajaan untuk bahan bakar dapat dimansuhkan dan harga bahan bakar pada akhirnya dapat meningkat mengikut perubahan kekuatan pasaran. Inilah keadaan *win win* menang atau *win win* yang pastinya akan wujud satu untuk rakyat Malaysia yang dapat menikmati hasil daripada sumber Malaysia yang semula jadi adalah berupaya untuk membeli bahan bakar dengan harga yang lebih tinggi.

Kedua, meningkatkan kecekapan ekonomi di mana harga pasaran untuk bahan bakar tidak akan diputar belitkan, tiada berlakunya penyeludupan dan pencatutan dalam pasaran haram.

Ketiga, mengelakkan penyalahgunaan dana Petronas untuk menaja projek-projek kerajaan yang sangsi.

Dan keempat selain daripada keuntungan terkumpul Petronas masih dapat menampung aktiviti-aktiviti pembangunan dengan menggunakan RM31.2 bilion royalti, dividen dan cukai yang diberikan kepada kerajaan pada tahun 2004.

Subsidi bukannya cara penyelesaian jangka panjang untuk meningkatkan kecekapan ekonomi. Jadi, pengurangan subsidi akan membolehkan kekuatan pasaran beroperasi dengan mengagihkan sumber-sumber yang jarang kepada sektor-sektor yang lebih memerlukan serta menjamin peruntukan sumber berada dalam keadaan yang optimum. Namun demikian kerajaan perlu mengambil kira bahawa keuntungan Petronas dapat dikongsi bersama oleh semua lapisan rakyat.

Keempat, peningkatan bantuan berseorangan sebanyak RM3,000 dari RM8,000 kepada RM11,000. DAP menggesa supaya meningkatkan bantuan perseorangan sebanyak RM3,000 iaitu daripada RM8,000 kepada RM11,000 supaya membantu mereka yang berpendapatan rendah dan sederhana untuk mengatasi impak yang dibawa oleh kenaikan harga bahan bakar dan inflasi. Seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebelum ini, rakyat kita hanya dapat menjimatkan RM563.5 juta daripada pakej bantuan ekonomi, pengurangan cukai jalan dan pembekuan kenaikan tol lebuh raya selama 2 tahun sehingga tahun 2007.

Penjimatan sebanyak RM563.5 juta ini hanya merangkumi 25% daripada lebihan pembayaran. Yang lebih daripada RM2.3 bilion yang dilakukan oleh rakyat ekoran daripada kenaikan harga petrol sebanyak tiga kali dalam tahun ini. Penjimatan sebanyak RM563.5 juta termasuklah RM544 juta daripada pengurangan cukai jalan dan RM19.5 juta pampasan yang dibayar oleh kerajaan kepada UEM Builders Berhad, syarikat pengusaha jambatan Pulau Pinang untuk menanggungkan kenaikan kadar tol daripada RM7 kepada RM8.50 sen selama 2 tahun. Syarikat pengusaha tol yang lain tidak terpengaruh dengan tindakan kerajaan untuk menyekat kenaikan harga kadar tol tahun ini dan tahun depan.

Tol Lebuhraya Utara-Selatan untuk PLUS Expressway Berhad (North South Expressway) telah meningkat pada Januari tahun ini. Manakala bayaran untuk dua lebuhraya lain yang berkaitan, New Klang Valley Expressway (NKVE) dan Federal Highway Road 2, Subang ke Klang hanya akan disemak semula pada Januari 2008. Pengusaha tol yang lain termasuklah MTD, Infra Perdana Berhad, Gamuda Berhad, Lingkaran Trans Kota Holdings Berhad, LITRAK, Road Builder Holdings Berhad dan Sunway Infrastructure Berhad tidak terpengaruh dengan pengumuman kerajaan yang terkini atas sebab kadar tol mereka hanya akan disemak semula mulai tahun 2007.

Yang jelas kerajaan tidak terkorban atau kehilangan pendapatannya lebih daripada RM563.5 juta yang terdiri dari kekurangan cukai jalan dan pembekuan kenaikan tol untuk dua tahun. Berbanding dengan RM2.3 bilion lebihan pembayaran yang dilakukan oleh pihak pengguna ekoran dari kenaikan harga petrol sebanyak tiga kali tahun ini, adakah kerajaan kita boleh dikatakan banyak membantu rakyatnya sedangkan pihak kerajaan

hanya mengembalikan RM1 daripada setiap RM4 lebih pembayaran yang dilakukan terhadap kenaikan harga petrol.

Kerajaan dan Petronas tidak harus lupa bahawa adalah sumber semula jadi yang tidak dimiliki oleh mana-mana orang sebab minyak adalah sumber semula jadi yang tidak dimiliki oleh mana-mana orang tetapi dimiliki oleh kesemua 26 juta rakyat Malaysia. Memanglah tidak adil untuk rakyat kita mengalami kesusahan daripada harga petrol yang meningkat dan pada masa yang sama pula Petronas mendapat keuntungan yang berlebihan.

Kerajaan tidak mempunyai perancangan yang padat supaya membantu golongan miskin untuk menghadapi kenaikan harga petrol dan inflasi di mana kadar inflasi telah mencecah paras 3.7% pada Ogos 2005 iaitu paras yang tertinggi untuk tempoh 6 tahun yang lepas. Kerajaan harus berhenti daripada melindungi pengusaha-pengusaha industri yang besar demi fokus terhadap cara-cara untuk mengekalkan kekuatan ekonomi pihak pengguna.

Kelima, mengurangkan kadar cukai jalan untuk pemilik kenderaan diesel. Bajet 2006 bercadang untuk mengurangkan cukai jalan sebanyak 40% terhadap kenderaan diesel swasta yang berkapasiti lebih daripada 1600 cc yang berkuat kuasa mulai 5 Ogos 2005. Kenderaan diesel yang kapasiti enjinnya kurang daripada 1600 cc bersama dengan jenis kenderaan yang lain telah diberi pengurangan cukai jalan pada bulan yang lepas. Pada masa ini pemilik kenderaan diesel persendirian membayar cukai jalan yang 4 kali lebih mahal daripada kenderaan petrol.

Cukai jalan yang mahal dikenakan atas sebab harga diesel adalah murah di mana harganya adalah amat stabil pada kadar 65 sen setiap liter sehingga tahun 2000. Selepas itu harga diesel telah meningkat kepada 70 sen setiap liter. Apabila diesel berharga 65 sen setiap liter, harga petrol adalah RM1.10 sen seliter. Dengan kata lain pengguna diesel hanya membayar 59% daripada harga petrol. Dengan ini pengguna diesel terpaksa membayar cukai jalan pada kadar 400%. Namun demikian harga diesel telah meningkat sebanyak 7 kali dalam tempoh 6 bulan antara tahun 2000 ke tahun 2005 yang lepas di mana harganya sekarang ialah pada RM1.28 sen bersamaan dengan 79% daripada harga petrol yang baru.

Walaupun kerajaan mengurangkan kadar cukai jalan semenjak 40% terhadap kenderaan-kenderaan diesel, DAP mendesak kerajaan supaya menghapuskan sistem kadar cukai jalan yang berjenis dua yang memperkenalkan harga cukai jalan yang seragam untuk semua kenderaan yang berkapasiti sama.

Keenam, meningkatkan cukai petroleum kepada 5% untuk menaja sumber tenaga alternatif. Cukai pendapatan untuk petroleum telah menurun daripada 45% kepada 40% pada tahun 1994 dan sekali lagi berkurangan kepada 38% pada tahun 1998. Dengan peningkatan keuntungan secara mendedak ekoran daripada harga petrol yang meningkat, sekarang adalah masa yang sesuai untuk mendesak syarikat minyak menimbang keuntungan mereka dan pada masa yang sama kerajaan harus meningkatkan cukai jenis ini kepada 50%. Dana-dana yang dikutip daripada cukai petroleum bolehlah digunakan untuk menaja projek penyelidikan terhadap sumber-sumber tenaga alternatif seperti *biofuel* dan tenaga lain yang boleh diperbaharui seperti air dan tenaga solar.

Ketujuh, sumber manusia. Meningkatkan umur persaraan daripada 56 tahun kepada 60 tahun. Semasa RM1.1 bilion diperuntukkan untuk tujuan latihan sumber manusia, kerajaan tidak harus lupa bahawa kini terdapat banyak sumber manusia terlatih yang telah mencecah umur 56 tahun untuk bersara. Di Malaysia jangka hayat telah meningkat daripada umur 55 tahun kepada 72 tahun pada tahun 1957 di mana lelaki biasanya hidup sehingga umur 70 tahun dan wanita umur 75 tahun. Apabila jangka hayat rakyat kita telah meningkat sebanyak 31% maka segala usaha untuk mengekalkan umur persaraan pada tahun 56 akan membazirkan pengalaman hidup mereka dan potensi manusia yang amat bernilai.

Atas sebab itu DAP mencadangkan bahawa untuk umur persaraan harus ditingkatkan daripada 56 tahun kepada 60 tahun. Selepas itu umur persaraan untuk hakim boleh ditingkatkan kepada 66 tahun. Kita tidak nampak terdapat apa-apa sebab yang

menghalangi kakitangan kerajaan daripada berkhidmat sehingga umur 60 tahun. DAP berasa kesal sekali dengan kerajaan yang menggunakan kaedah perkauman untuk mengendalikan dana yang digunakan untuk tujuan latihan pendidikan. Kerajaan telah memperuntukkan RM1 bilion untuk latihan perdagangan dan perindustrian di institusi-institusi yang kebanyakan pelajar Melayu dan bumiputera yang berdaftar seperti MARA, Institusi Belia dan Latihan Industri. Kerajaan harus membekalkan peluang latihan pendidikan dan sumber manusia yang sama kepada semua rakyat Malaysia.

Kelapan, melabur dalam pengangkutan awam. Tidak dapat dipertikaikan bahawa cabaran ekonomi Malaysia yang terbesar pada tahun-tahun yang akan datang adalah kenaikan harga petrol namun kaedah-kaedah yang bertujuan untuk menggalakkan penggunaan tenaga secara berkesan seperti yang diumumkan dalam Bajet 2006 gagal untuk menangani satu aspek yang amat penting iaitu penggunaan tenaga dalam pengangkutan. Permintaan Malaysia terhadap hasil pengeluaran petroleum dalam sektor pengangkutan pada tahun 2000 adalah sekitar 36.2% daripada keseluruhan permintaan tenaga di negara kita. Angka ini dijangka akan meningkat semenjak 8.7% setiap tahun, sumber ialah Rancangan Malaysia Ke-8.

Sebarang langkah-langkah untuk menjimatkan tenaga bolehlah dikatakan gagal jikalau permintaan sektor pengangkutan terhadap tenaga tidak dapat dikurangkan. Pada masa kadar penggunaan pengangkutan awam telah jatuh daripada 34% pada tahun 1985 kepada 6% kebelakangan ini, kenderaan berdaftar di Malaysia telah mencapai 14 juta unit pada tahun ini. Untuk sebuah negara yang operasinya terdiri daripada 26 juta orang, kadar pengguna kenderaan yang begitu tinggi adalah sesuatu yang luar biasa. Pengangkutan awam di kebanyakan negara adalah diberikan subsidi oleh kerajaan tetapi keadaan ini tidak wujud di Malaysia. Pihak kerajaan telah banyak memberi subsidi kepada pengeluar kereta nasional untuk dua dekad yang lalu demi melahirkan sebuah masyarakat yang menggunakan kereta. Kerajaan juga banyak membina jalan awam untuk kegunaan kenderaan kereta namun pihak berkenaan tidak pernah serius untuk memberi subsidi kepada pengangkutan awam. Di bawah Rancangan Malaysia Ke-6 kerajaan telah meluluskan peruntukan yang hampir 20 kali ganda untuk jalan raya ialah RM14 bilion daripada pengangkutan bandar ialah RM706 juta.

Dengan harga petrol antarabangsa yang semakin meningkat, sekarang memanglah masa yang sangat sesuai untuk kita melahirkan satu anjakan paradigma iaitu bukan sahaja bergantung kepada kenderaan-kenderaan persendirian sahaja. Kerajaan haruslah dipuji atas cadangan untuk menambahkan 600 buah bas yang baru di sekitar Lembah Klang dan membaik pulih 120 buah bas yang sedia ada. Ini menunjukkan bahawa akhirnya kerajaan bersetuju untuk melaksanakan tanggungjawab kewangannya untuk menyokong sistem pengangkutan awam. Namun demikian, kaedah-kaedah yang dicadangkan ini adalah tidak berharga jikalau krisis pengangkutan masih berlanjutan. Lebih-lebih lagi kerajaan tidak membuat sebarang percubaan untuk meningkatkan kualiti pengangkutan awam di negeri-negeri lain yang menjangkau Lembah Klang.

DAP menggesa kerajaan supaya:

- (i) Menggunakan penjimatan RM2.3 bilion daripada subsidi petrol untuk memperbaiki sistem pengangkutan awam dengan tujuan akhir untuk mengurangkan kebergantungan terhadap kenderaan-kenderaan persendirian yang banyak menggunakan hasil pengeluaran petrol;
- (ii) Membatalkan Lebuhraya KL-Putrajaya yang panjang 26 kilometer yang bernilai RM13 bilion; dan
- (iii) Membatalkan projek monorel Putrajaya yang panjangnya 18 kilometer yang bernilai RM368 juta.

DAP berpendapat bahawa jalan raya ke Putrajaya yang sedia ada, tambahan pula sistem pengangkutan bas yang berkesan sudah cukup untuk menyambung keperluan Putrajaya yang hanya terdiri daripada 70,000 orang penduduk dan orang yang berulang alik.

Penjimatan daripada tiga sumber yang disebutkan tadi harus disalurkan:

- (i) untuk membina rel lanjutan yang sepanjang 10km bagi landasan Kelana Jaya yang sebelum ini dikenali sebagai PUTRA LRT dari depohnya di Subang Jaya ke Sunway, Subang Jaya dan USJ demi menampung keperluan populasi sebanyak 300,000 orang kos RM600 juta;
- (ii) untuk memanjangkan landasan Sri Petaling, sebelum ini dikenali sebagai STAR LRT iaitu dari Sri Petaling ke Puchong untuk memenuhi lagi keperluan 200,000 orang, kos RM6,000 juta;
- (iii) untuk melanjutkan bagi landasan Ampang sebelum ini dikenali sebagai STAR LRT ke kawasan-kawasan Cheras yang lebih besar termasuk kawasan-kawasan di Selangor untuk memenuhi keperluan 500,000 orang, kos RM600,000 juta;
- (iv) untuk menambah gerabak-gerabak LRT, *desk* dan tempat pengantara dan ruang letak kereta di sekitar stesen LRT sebanyak empat kali ganda, kos RM600 juta. Kos yang asal bagi PUTRA LRT dan STAR LRT adalah RM2 billion dan RM2.5 billion masing-masing.
- (v) untuk menambahkan 3,000 buah bas di mana kos setiap satu adalah berharga RM200,000; untuk mewujudkan bas Rapid Transit Sistem di Lembah Klang dengan merujuk kepada model Curitiba di Brazil yang berjaya, kos RM600 juta ringgit; dan
- (vi) melabur baki RM968 juta untuk menguruskan sistem pengangkutan awam bersekutu yang bertaraf kelas antarabangsa di Kuala Lumpur dan bandar-bandar utama di Malaysia.

Untuk menyalurkan sebahagian cukai eksais yang dikutip daripada rokok dan arak ke dalam dana kesihatan untuk penyakit-penyakit yang berkaitan dengan paru-paru dan hati. DAP mendesak supaya cukai eksais dan peningkatan cukai yang dikutip daripada rokok dan arak disalurkan ke dalam satu dana kesihatan untuk penyakit-penyakit yang berkaitan dengan paru-paru dan hati.

Walaupun telah dijangka bahawa terdapat peningkatan tahun demi tahun untuk cukai jenis ini yang dikenali sebagai cukai dosa (*sin tax*), namun kerajaan tidak membuat apa-apa penekanan atau pelaburan terhadap mereka yang mengalami kesusahan daripada tabiat merokok dan meminum arak yang berlebihan. Jikalau perokok dan peminum arak dikehendaki membayar cukai yang lebih, maka sebahagian daripada lebihan cukai yang dikutip haruslah disalurkan kepada dana kesihatan yang disebutkan tadi untuk mengurangkan beban kesihatan mereka yang akan datang. Kerajaan dijangka akan mengutip RM3,267 juta di mana RM306 juta adalah terdiri dari cukai import dan RM2,961 juta merupakan pendapatan yang dijangkakan untuk tahun 2006 sebelum peningkatan cukai diumumkan.

Tiada sebabnya mengapa kerajaan tidak boleh memperuntukkan 20%-30% daripada jumlah kutipan cukai, RM420 juta kepada dana kesihatan untuk penyakit-penyakit yang berkaitan dengan paru-paru dan hati demi mengurangkan beban keluarga apabila mereka didapati menghadapi penyakit-penyakit jenis tersebut.

Memperkukuhkan prestasi syarikat berkaitan kerajaan GLCs dengan berlandaskan budaya korporat yang cemerlang. DAP mendesak kerajaan supaya melaksanakan budaya korporat yang cemerlang sebagai satu langkah untuk memperbaiki prestasi syarikat. Berkaitan kerajaan GLC yang berasaskan kepada empat aspek prestasi yang utama, iaitu menekankan hasil kerja berasaskan teknologi dan pengetahuan. Mengetengahkan etika dengan tanggungjawab sosial korporat.

GLC menyumbang kepada RM260 billion atau USD69 billion atau 36% daripada permodalan pasaran di Malaysia dan tenaga kerja mereka merangkumi 5% daripada jumlah keseluruhannya. Di antara GLC yang utama termasuklah Malayan Banking, Telekom Malaysia, Malaysia Airline, Tenaga Nasional dan Sime Darby. Disebabkan GLCs adalah memainkan peranan penting dalam ekonomi negara dan merangkumi satu pertiga daripada jumlah permodalan asal di Bursa Malaysia, maka prestasi GLC dijangka bukan sahaja untuk memperbaiki keberkesanan dan keuntungan mereka supaya dapat bersaing persekitaran global, namun boleh juga dijadikan tanda aras supaya dicontohi oleh syarikat-syarikat yang lain.

Untuk tempoh yang panjang disebabkan kekurangan kaedah yang menekankan hasil kerja telah menyebabkan keuntungan syarikat itu tidak dapat dipertingkatkan. Pengurus-pengurus di peringkat atasan haruslah mengikuti dan tertakluk kepada suatu piawaian penilaian di mana mereka akan dipecat kalau pulangan syarikat tidak mencapai tahap yang tertentu, katakan 8%. Kegagalan untuk meningkatkan keuntungan dan mengurangkan kos adalah di antara sebab mengapa kadar pulangan dana untuk tenaga hanya mencapai 5.2% iaitu prestasi yang terendah di rantau ini.

Prestasi GLC berikut adalah tidak memuaskan, antaranya terdapat syarikat yang mengalami kerugian atau keuntungannya berkurangan untuk suku tahun ini jika dibandingkan dengan suku tahun yang lepas:

- Untuk suku tahun kedua yang berakhir pada 30 Jun, 2005 keuntungan bersih kumpulan Commerce Asset-Holding Bhd. (CAHB) telah jatuh kepada RM152.9 juta daripada RM269.7 juta setahun dari awal. Ekoran daripada jumlah pendapatan rendah iaitu RM76.6 juta dan pembayaran elaun yang lebih tinggi untuk kerugian di atas pinjaman yang sebanyak RM250.4 juta dan juga bayaran ke atas kepala yang rendah iaitu RM34.7 juta.
- Pendapatan untuk suku tahun kedua bagi CAHB yang mengawal ke atas Bumiputra-Commerce Banking group telah merosot kepada RM1.07 bilion daripada RM1.09 bilion setahun lebih awal.
- Keuntungan bersih MIDF untuk setengah tahun yang berakhir pada Jun 2005 telah berkurangan lebih daripada separuh dan mencatatkan RM52.9 juta.
- Keuntungan bersih Proton Holding Berhad jatuh sebanyak 107% menyebabkan Proton terpaksa mengalami kerugian RM12.35 juta pada suku tahun pertama yang berakhir pada 30 Jun 2005 jika berbanding dengan keuntungan bersih sebanyak RM166.47 juta yang direkodkan pada suku tahun sebelumnya. Walaupun pendapatan Proton telah meningkat sebanyak 6.8% iaitu daripada RM192 bilion, RM1.92 bilion ringgit setahun lebih awal kepada RM2.05 bilion Proton tetap mengalami kerugian disebabkan kos operasi yang melompat tinggi sebanyak 20% sehingga RM2.12 bilion. Kemudian walaupun pendapatan rakyat meningkat sebanyak 25% sehingga ke RM18.65 bilion.
- Sime Darby Bhd. merekodkan kemerosotan 13% dalam keuntungan bersih iaitu daripada RM918.7 juta jatuh kepada RM801.21 juta untuk tahun kewangannya yang berakhir pada 30 Jun, 2005. Kebanyakan keuntungan seperti penggal Telekom Malaysia Berhad pada tahun 2005 telah jatuh daripada RM1,459 juta pada tahun 2004 kepada RM801 juta ringgit.
- Malaysia Airlines mengalami kerugian RM281 juta untuk suku tahun pertama yang berakhir pada 30 Jun 2005.

Adalah diperlukan bahawa GLC's harus mengambil inisiatif dalam perkembangan teknologi dan melabur dalam R&D. Terdapat beberapa laporan yang menjangka bahawa kurangnya peratus daripada keuntungan syarikat dilabur semula ke dalam R&D. Namun begitu, R&D dan teknologi dapat menjamin kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara yang dapat bersaing di rantau antarabangsa.

Pada masa yang sama, GLC's perlu mengetengahkan etika seperti menegakkan integriti, mengelakkan rasuah daripada berlaku dan membendung skandal-skandal yang akan menghilangkan kepercayaan awam terhadap syarikatnya. Sebagai contoh, kerajaan tidak mengambil sebarang tindakan terhadap skandal MAS walaupun beberapa laporan polis telah dibuat oleh pengarah-pengarah MAS ke atas beberapa ratus juta ringgit yang berkaitan dengan pengurusan syarikat yang lepas.

GLC's perlu melaksanakan tanggungjawab sosial korporat mereka. Dengan memberi ganjaran balik kepada masyarakat yang mengizinkan GLC's itu mendapat keuntungan. Pampasan yang secukupnya perlu dibayar kepada mereka yang terpengaruh dengan operasi syarikat itu. Manakala mereka yang menafikan diri untuk berkongsi keuntungan dengan orang lain, bukan sahaja tidak beretika, tetapi juga tidak bertanggung jawab.

DAP berpendapat bahawa peruntukan tambahan RM10 juta di bawah Rancangan Malaysia Ke-8, 2001 – 2005, untuk memperbaiki SJKC dan SJKT, dan sekolah Mission yang usang seperti yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran sebagai tidak cukup dan tidak akan menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh sekolah-sekolah bantuan separuh daripada kerajaan. Peruntukan khas sebanyak RM10 juta untuk sekolah bantuan separuh, amat jelas merupakan satu respons kepada penolakan usul tergepar yang dibentangkan oleh Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam di Parlimen berkenaan dengan kejadian tragik kematian seorang guru bernama Chan Boon Heng di Kedah.

Adalah amat mengecewakan bahawa Yang Berhormat Menteri gagal untuk mengisytiharkan satu bayaran khas kepada keluarga Chan Boon Heng sebagai ganti rugi kehilangan nyawanya dalam menjalani tugasnya sebagai seorang guru. Kematian Chan Boon Heng merupakan satu peringatan yang ngeri kepada kita, bagaimana kelalaian kerajaan dapat mengorbankan nyawa seseorang dan RM10 juta ini paling baik pun hanya merupakan satu peruntukan sagu hati, dan paling buruk hanya merupakan *responce dismissive* terhadap kelalaian berdekad-dekad lamanya terhadap SJKC dan SJKT.

Walaupun Yang Berhormat Menteri menyatakan bahawa beliau akan meletakkan jawatan sekiranya RM10 juta tidak mencukupi, adalah jelas bahawa jumlah ini adalah tidak mencukupi daripada senarai separuh 66 sekolah sebegini, di seluruh negara yang memerlukan kerja-kerja pembaikan. Pada 13 September, Kementerian Pelajaran telah menunjukkan bahawa sehingga ke bulan Jun terdapat 48 sekolah rendah, ialah 39 sekolah kebangsaan, 7 SJKC dan 2 SJKT, dan 18 buah sekolah menengah perlu diperbaiki segera.

Berdasarkan RM10 juta yang dibahagikan secara purata kepada 66 sekolah ini sahaja, setiap sekolah hanya akan menerima RM152,000 sahaja. Berapa banyak kerja-kerja pembaikan yang dapat dijalankan dengan RM152,000 ini apabila kerja-kerja baikpulih sesetengah sekolah boleh menjangkau ke RM500,000 setiap sekolah. Terdapat 1,573 sekolah rendah separuh bantuan yang terdiri daripada 884 SJKC, 380 SJKT dan 309 sekolah kebangsaan. Kebanyakannya adalah sekolah *Missionary*. Sedangkan 66 sekolah ini merupakan senarai separuh sahaja. Maka satu senarai penuh, 1,573 sekolah separuh bantuan kerajaan mungkin akan menunjukkan bahawa terdapat lebih banyak lagi sekolah yang perlu dibaiki pulih.

Dengan itu, Yang Berhormat Menteri mungkin perlu meletak jawatan demi mengotakan janjinya. Masyarakat Cina dan India tidak mahu Yang Berhormat Menteri letak jawatan, tetapi mahu beliau memulihkan RM895.4 juta dan RM91 juta *respectively* sebagai peruntukan pembangunan kepada SJKC dan SJKT di bawah perancangan Malaysia Ke-8.

Di bawah Rancangan Malaysia Ke-8, RM4.9 bilion diperuntukkan untuk pembangunan sekolah-sekolah rendah dengan pembahagiannya, peruntukan ini tidak selari dengan pengambilan murid-muridnya. Sekolah rendah kebangsaan menerima RM4,709

juta atau 96.1% daripada jumlah peruntukan walaupun bilangan muridnya hanya 78% daripada jumlah keseluruhannya.

SJKC hanya menerima RM133.6 juta atau 2.7% daripada jumlah keseluruhannya. Walaupun bilangan muridnya merupakan 21% daripada jumlah keseluruhannya. SJKT hanya menerima RM57.6 juta, atau 1.2% daripada jumlah keseluruhan, walaupun bilangan muridnya merupakan 3% daripada jumlah keseluruhannya. Untuk sekolah rendah kebangsaan, mendapat hampir kesemua peruntukan dan bilangan muridnya hanya merupakan 76% daripada keseluruhannya. Adalah tidak adil untuk SJKC dan SJKT.

Berdasarkan 20% kemasukan murid SJKC sepatutnya mendapat RM1,029 juta, manakala SJKT berhak mendapat RM147 juta dalam 3% jumlah muridnya. Untuk SJKC diperuntukkan RM133.6 juta sedangkan mereka berhak mendapat RM1,029 juta, manakala SJKT diperuntukkan RM57.6 juta, sedangkan mereka berhak mendapat RM147 juta, menunjukkan setakat mana kelalaian kerajaan Barisan Nasional di bawah Rancangan Malaysia Ke-8, dari 2001 ke 2005. RM10 juta, peruntukan ini merupakan jumlah yang begitu kecil dibandingkan dengan kekurangan RM895.4 juta dan RM91 juta untuk SJKC dan SJKT.

Masa sudah sampai, masa sudah tiba, untuk memperbetulkan ketidakadilan lampau dan kepincangan yang dihadapi oleh sekolah-sekolah separuh subsidi ini yang telah menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara yang telah melahirkan doktor, jurutera, akauntan, saintis dan peguam. Hanya dengan memulihkan kesuntukan RM895.4 juta dan RM91 juta untuk SJKC dan SJKT, dapatlah kita memastikan bahawa pengorbanan Chan Boon Heng tidak disia-siakan begitu sahaja.

Yang Berhormat Perdana Menteri seharusnya menerima dan menggunakan konsep *prior* berdasarkan pencapaian di kalangan pengarah tertinggi syarikat yang bukan sahaja dapat memastikan memaksimumkan keuntungan dan pulangan terhadap modal, tetapi juga akan menjadikan syarikat GLC's dan Malaysia sebagai jaguh dunia. Sekiranya eksekutif tertinggi di syarikat berangkai kerajaan, yang mencatatkan kerugian masih dibayar gaji yang tinggi, ini akan memberikan satu mesej yang tidak betul mengenai komitmen kerajaan dan keseriusannya dalam menjadikan GLC's kita berupaya mengaut keuntungan dan berkesan.

Dalam laporan *Malaysia Business* pada Ogos 16 ke 31 Ogos 2005, ia membongkarkan bahawa pada tahun 2004, eksekutif tertinggi di GLC's dibayar di antara RM500 ribu, ke RM2.65 juta tanpa mengambil kira sama ada mereka berjaya mencatatkan keuntungan atau mempunyai pulangan yang berpatutan dalam modal yang dilaburkan. Sebuah GLC iaitu *Sime Engineering Services* membayar pengarah-pengarah syarikatnya sejumlah RM1.129 juta dan eksekutif tertingginya, Mohd. Jaafar Abdul Karim, dibayar sehingga RM550,000 walaupun syarikat tersebut mencatatkan kerugian RM71.2 juta.

Rakyat Malaysia tidak akan rasa tertarik bahawa Pengarah Syarikat GLC dibayar gaji yang begitu lumayan walaupun mencatat kerugian. Mereka juga tidak akan merasa tertarik bahawa pada tahun 2004, Pengarah Tenaga Nasional Berhad dibayar RM1.685 juta, walaupun TNB mencatatkan pulangan terhadap modal yang dilaporkan yang terendah di kalangan syarikat tenaga di rantau ini, iaitu hanya 5.2% ataupun eksekutif tertinggi MAS Dato' Ahmad Fuad Mohd. Dahalan yang meletakkan jawatan baru-baru ini yang dibayar RM898 ribu dan pengarah syarikat dibayar RM1.463 juta, walaupun MAS mencatatkan kerugian RM281 juta dalam suku tahun pertama berakhir 20 hari bulan Jun 2005.

GLC menyumbangkan RM260 bilion atau USD69 bilion atau 36% daripada modal pasaran, *market capitalization*. Malaysia mengajikan 5% daripada jumlah pekerja Malaysia.

Sebahagian daripada GLC yang pertama termasuklah *Malayan Banking*, Telekom Malaysia, *Malaysian Airlines*, Tenaga Nasional dan Sime Darby. Oleh kerana GLC merupakan pemain utama dalam ekonomi negara, menyebabkan kira-kira satu pertiga daripada modal pasaran bursa Malaysia, pencapaian GLC adalah diharapkan bukan sahaja meningkatkan keberkesanan atau *efficiency* dan tahap keuntungan untuk bersaing di peringkat global, tetapi juga menetapkan *benchmark* untuk diikuti oleh syarikat yang lain.

Kecenderungan yang tidak bertanggungjawab ini, yang terus memberi ganjaran kepada eksekutif yang tidak menunjukkan pencapaian yang baik, nampaknya telah menjangkiti sesetengah syarikat awam yang disenaraikan seperti Rashid Hussain yang membayar eksekutif tertingginya Dato' Seri Sulaiman Abdul Rahman Taib lebih daripada RM13.5 juta, walaupun syarikat tersebut mencatatkan kerugian sebanyak RM21.5 juta pada tahun 2004. Dato' Seri Sulaiman ialah anak kepada Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Taib Mahmud. Gaji Dato' Seri Sulaiman melonjak sebanyak 214% daripada RM4.3 juta pada tahun 2003 sehingga RM13.5 juta pada tahun 2004, walaupun Syarikat Rashid Hussain mengalami kerugian RM21.5 juta.

Para pelabur dan pemegang saham sepatutnya mempersoalkan mengapa bayaran gaji yang begitu tinggi dibayar, walaupun syarikat mengalami kerugian tidak seperti mana syarikat-syarikat yang mencatatkan keuntungan semacam Genting dan *Resort World* yang membayar RM63.9 juta dan RM32.2 juta masing-masing kepada eksekutif tertingginya Tan Sri Lim Kok Thay. Pemegang saham tidak pun akan berasa marah dengan bayaran RM7.8 juta yang dibayar kepada Datuk Steven Tan atau RM9.142 juta yang dibayar kepada semua pengarah ataupun bonus tambahan kepada para wartawan untuk pencapaian yang baik oleh surat khabar *The Star* yang mencatatkan keuntungan bersih RM141.3 juta pada tahun 2004.

Walau bagaimanapun, untuk eksekutif tertinggi yang mendapat kenaikan gaji sebanyak 214% sehingga RM13.5 juta apabila syarikat mengalami kerugian, ini memerlukan satu penjelasan penuh demi kepentingan *accountability* dan ketelusan atau *transparency*. Masa sudah sampai untuk syarikat GLCs menetapkan satu contoh yang baik untuk memberi ganjaran kepada eksekutif tertinggi yang dapat memberikan pencapaian yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan teknologi maklumat dan komunikasi ialah ICT di Malaysia adalah penuh dengan kontradiksi dan kegagalan. Malaysia merupakan antara negara-negara membangun yang paling awal menunjukkan rancangan pembangunan ICT yang ditaja oleh kerajaan, iaitu projek Koridor Lebuhraya Multimedia (MSC) bernilai RM5 bilion. Tetapi MSC telah gagal mencapai matlamatnya untuk muncul sebagai pusat IT serantau dalam pendidikan dan pembangunan atau R&D serta lain-lain aktiviti tambah nilai bertaraf tinggi.

Hari ini MSC Cyberjaya telah diturun tahap menjadi rangkaian nilai IT global yang rendah mutunya, iaitu aktiviti-aktiviti *shared services and outsourcing* (SSO). Janganlah kita menipu diri sendiri lagi sungguhpun pelaburan dan kerja-kerja baru telah menemani perubahan MSC menjadi satu pusat antarabangsa. Senario ini sebenarnya berbeza besar dari pengalaman MSC yang asal, iaitu sebagai enjin pemandu Malaysia ke dunia IT bertaraf tinggi.

Dasar IT kerajaan, sejak pertengahan 1990 adalah penuh dengan kelemahan kerana ianya hanya menumpu ke satu kawasan dan bukannya ke seluruh negara. Ianya hanya bertujuan berkhidmat untuk korporat-korporat multinasional dan bukannya untuk rakyat biasa Malaysia. Kerajaan hanya berminat dalam pembangunan hartanah di Cyberjaya dan menarik pelaburan dari MNC, tetapi gagal untuk menyedari, hakikat bahawa yang paling penting dan berharga sekali adalah kumpulan-kumpulan bakat setempat. Satu contoh yang paling ketara ialah kejayaan Bangalore di India yang berlandaskan institusi-institusi teknologinya yang berkualiti, yang melatih begitu ramai jurutera *software* yang berupaya berkomunikasi dalam bahasa Inggeris. Kurang sekali korporat penting dalam industri IT yang memindahkan ibu pejabat serantau mereka ke MSC sungguhpun pelbagai insentif telah ditawarkan.

Kini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hendak mengkaji semula pakej insentif yang kita tawarkan untuk menjadikan MSC lebih menarik kepada para pelabur. Melainkan dari menawarkan para pelabur dengan pakej-pakej lumayan tetapi tidak realistik. Bukankah lebih baik sekiranya kita melihat lebih mendalam lagi sebab mengapa MSC gagal dalam misi asalnya. Pengajaran dari kegagalan MSC ini akan berguna untuk usaha seterusnya. Misalnya dalam sektor bio-tech, yang menjadi tumpuan baru kerajaan. Dalam tahun 1997, saya telah memberitahu Dewan yang mulia ini...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Dia bacakah, cakap? [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, hendak minta penjelasan?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Tuan Lim Kit Siang: Mahu cakap pun boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Atas Peraturan Mesyuarat.

Tuan Lim Kit Siang: Mahu cakap pun boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia berucap, dia berucap.

Tuan Lim Kit Siang: Mahu baca pun boleh. Dua-dua pun boleh. Baru balik? Baru masuk? Tak kata boleh keluar, selamat. Jangan bimbang, selamat. Dalam tahun 1997, saya telah memberitahu Dewan yang mulia ini, bahawa MSC mungkin merupakan *crown jewel* infrastruktur maklumat nasional yang kita mesti bina, sekiranya kita ingin melonjak menjadi masyarakat maklumat. Tetapi MSC bukanlah infrastruktur berkenaan. Saya berkata, saya *quote*, "*Dalam analisa yang akhir, revolusi IT mestilah berkaitan dengan manusia. Inilah sebab mengapa sebarang dasar IT nasional, strategi dan rancangan mestilah menumpu kepada manusia dan bukan menumpu kepada projek atau menumpukan kepada MSC*". Itulah ucapan saya semasa menyertai perbahasan Menjunjung Kasih Titah Ucapan Diraja 25 Mac 1997.

DAP masa itu telah menggunakan cogan kata "*IT For All*". Pada tahun itu, 1997 tidak tahu di mana Yang Berhormat bagi Sri Gading. Masa itu "*IT For All*" Sri Gading tidak ada ITlah. DAP telah menggunakan cogan kata "*IT For All*" pada tahun itu dan menyarankan supaya pembangunan IT adalah adil untuk setiap rakyat tanpa mencipta satu jurang antara mereka yang kaya maklumat, dan miskin maklumat termasuk Yang Berhormat bagi Sri Gadinglah. Malang sekali MSC tidak berjaya mencapai matlamat asalnya dan pada keseluruhannya, pembangunan ICT di Malaysia merupakan satu kegagalan yang menghampakan. Lapan tahun setelah MSC dilancarkan, kerajaan telah melancarkan MSC kedua di Bayan Lepas Pulau Pinang dan Kulim Kedah. Mengapakah kita perlukan MSC-MSC peringkat kedua ini? Bukankah seluruh negara sepatutnya mendapat akses kemudahan-kemudahan yang sedia ada di MSC selepas begitu lama kerajaan memulakan inisiatif dalam sektor IT ini.

Satu *indicator* benteng mengenai pembangunan ICT di sesebuah negara adalah penembusan kadar jalur lebarnya. Berbanding dengan jalur sempit, jalur lebar memberikan kadar *download* yang lebih pantas dan transmisi yang lebih berkualiti yang membolehkan lebih aktiviti dilakukan menerusi internet pada kadar yang pantas. Malang sekali lebih dari lima tahun setelah pengkomersialan jalur lebar wujud kadar penembusan jalur lebar masih berada pada tahap kurang dari 1% populasi Malaysia. Sementara negara-negara lain telah memperlihatkan kadar meningkat yang berkali-kali ganda.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Yang Berhormat Menteri Tenaga Air dan Komunikasi mendakwa bahawa kerajaan sedia melayan cadangan untuk menggalakkan kadar penembusan dalam bidang perkhidmatan jalur lebar menjadi 30% ke 40% pada tahun 2008. Sungguhpun Rancangan Jalur Lebar atau *Broadband The National* kini hanya mempunyai sasaran yang sederhana iaitu 10% populasi negara. Kata beliau sungguhpun kita tidak dapat mencapai kadar penembusan jalur lebar Korea Selatan yang setinggi lebih dari 60% tetapi keadaan yang kita ada sekarang iaitu 1% populasi adalah tidak boleh diterima sama ada dari segi politik atau sosial sama sekali.

Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Menteri bahawa Malaysia kini adalah 10 tahun di belakang negara-negara lain seperti Korea Selatan. Walhal apabila Malaysia mengumumkan MSC, kedua-dua negara di peringkat yang sama Malaysia atau ke peringkat lebih kurang sama dengan Korea Selatan. Mungkin lebih awal, lebih awal untuk

ada satu MSC dan IT Plan, South Korea lebih lambat tetapi sekarang Malaysia 10 tahun di belakang Korea Selatan. Sama ada Malaysia, dan kalau kita tidak berjaga-jaga kita pun akan lebih belakang daripada Thailand. Lebih pun lambat lebih lambat sama ada Malaysia mencapai 10% atau 4% *broadband penetration* negara-negara lain tidak akan menunggu kita. Korea Selatan akan benar-benar mencapai matlamat *IT For All* dan *broadband For All*. Apabila *broadband* disambungkan ke hampir setiap rumah tangga dalam dua atau tiga tahun kemudian dan kita bukan sahaja perlu *IT For All* di Malaysia kita perlu *broadband for all*. Tetapi bagaimanakah kadar penembusan *broadband* di bawah 1% ini boleh berlaku. Sekatan paling utama yang menghalang kenaikan kadar penggunaan jalur lebar di Malaysia adalah kelambatan Telekom untuk membuka *the last mile*nya atau *access local loop*nya ke para pengguna Telekom memiliki lebih dari 90% *access the last mile* ini.

Malaysian Communications Multimedia Commission atau MCMC akhirnya memberikan mandat kepada Telekom untuk membuka *local loop*, ini dalam Jun 2005. Dalam bulan Ogos, JARING menandatangani satu perjanjian dengan Telekom menandakan pembukaan *access last mile* ini bagaimanapun Telekom jelas sekali masih mengambil masa yang panjang untuk mematuhi senarai *access* MCMC kerana ianya tidak berminat untuk membuka *access* ini kepada para pesaingnya. Semua pemegang monopoli tentu akan berusaha sehingga ke saat terakhir untuk merapatkan proses penyerahan monopoli. Maka adalah tanggungjawab kerajaan dan agensi penguat kuasa untuk memastikan persaingan bermula. Tidak ada gunanya untuk berharap bahawa *wire file* atau *wire max* atau lain-lain alat *wireless* akan memilih kuasa ajaib. Dan menambahkan kadar penembusan *broadband* Malaysia secara mendadak.

Cara paling realistik dan murah untuk memperbaiki prestasi pembangunan *broadband* yang lemah ini adalah dengan menggalakkan persaingan di kalangan pembekal perkhidmatan internet atau IXP dan memaksa harga supaya menjadi lebih rendah. DAP mencadangkan supaya satu dasar *Broadband For All* jalur lebar *broadband* untuk semua mencontohi kejayaan Korea Selatan dimasukkan ke dalam Rancangan Malaysia ke-9.

Yang Berhormat Menteri Tenaga Air dan Komunikasi serta MCMC harus memastikan bahawa Telekom tidak lagi menjadi penghalang dalam pembangunan kecekapan IT berpandukan jalur lebar. Satu lagi contoh yang menunjukkan bahawa kerajaan lebih mengutamakan kepentingan korporat besar berbanding dengan matlamat negara mencapai kecekapan IT. Berdasarkan *Broadband* adalah penundaan rancangan untuk bereksperimen dengan *open source operating system*.

Dalam bulan April 2004 Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi mengumumkan bahawa MIMOS Berhad telah dipertanggungjawabkan untuk mencipta satu sistem operasi komputer yang menggunakan *open source software*. Menurut laporan NST ia merupakan satu langkah yang bila disiapkan kelak akan menjadikan teknologi komunikasi maklumat lebih murah dan lebih *accessible* oleh semua orang. *Microsoft* memainkan monopoli dalam sistem operasi untuk komputer peribadi dan mengenakan royalti dan bayaran yang mahal untuk sebarang penggunaan dan *up grade*. *Open Source* merupakan *software* di mana kod sumber atau arahan untuk *software* adalah terbuka untuk diedarkan dan dimodifikasikan. *Modifier* memiliki hak milik cipta untuk usahanya tetapi kod sumber adalah percuma dan berada domain umum.

Brazil, China, France, Gemini, Japan, South Korea dan baru-baru ini Peru antara lain telah secara aktifnya bertukar menggunakan sistem operasi *Linux* dan lain-lain alternatif open source kerana penjimatan berjuta-juta dolar. *Institute of Information Technology* sebuah Agensi Kerajaan Brazil yang berfungsi untuk memupuk digital inclusion menganggarkan bahawa Brazil membelanjakan USD1.1 bilion atas royalti dan kadar bayaran lesen untuk mengimport *software* program dalam tahun 2002.

Menurut sumber yang sama, agen-agen Kerajaan Brazil yang menggunakan *software* percuma ini telah berjaya mengurangkan kos mereka ke 3% dari jumlah yang perlu dibayar kepada program yang berbayar. Yang Berhormat Menteri berkata bahawa kerajaan ingin mengkaji cara memupuk kecekapan komputer di kalangan rakyat Malaysia tanpa beban kadar bayaran yang tinggi. Malaysia membelanjakan lebih kurang RM7.86 bilion di atas IT dalam tahun 2003, antaranya RM1.8 bilion ringgit adalah ke atas *software*. Sekiranya kos menggunakan *open source software* adalah 10% berbanding produk *microsoft* RM1.6 bilion

yang diijamatkan itu dapat digunakan untuk mengurangkan jurang di antara *information hands* dan *information have* ...

Kurang dari dua bulan setelah pengumuman Yang Berhormat Menteri mengenai hasrat kerajaan untuk menggunakan *software open source*, bos microsoft Bill Gates melawat Malaysia berjumpa dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan lain-lain Menteri dan menderma sebanyak RM10 juta kepada sekolah-sekolah tempatan. Sejak itu perbincangan mengenai sistem operasi *open source* lenyap dari perbincangan umum. Kini telah tiba masanya bagi kerajaan untuk mengkaji semula potensi *open source* dan berhenti dari harus tahu kepada *microsoft* itu. Maka dasar IT Malaysia mestilah satu dasar yang mengutamakan *IT For All* dan bukannya hanya menjadikan kepentingan korporat-korporat besar. Saya pun ada menanya meminta pandangan seorang pakar IT tempatan mengenai masalah dan cabaran IT yang negara kita hadapi.

Antara beberapa pandangan ialah satu, peruntukan RM29 bilion untuk pendidikan diharap wang in akan dibelanjakan secara berhati-hati ke atas latihan ICT di sekolah, universiti dan kolej. Mengikut pengalaman yang lalu, latihan di sekolah-sekolah tidak berjaya menyediakan para pelajar dengan kecerdikan ICT yang sepatutnya tetapi hanya fasih dalam menggunakan produk dari satu syarikat iaitu *Microsoft*. Akhirnya kita menggunakan dana kerajaan dan wang rakyat untuk membekalkan perkhidmatan latihan kepada sebuah *multinational corporation* asing. Paling baik sekali segala latihan ICT harus ditumpukan ke atas cara penggunaan peralatan *software* dan ditumpukan sekitar mencipta surat, dokumen, *presentation* dan *spreadsheet calculation* yang betul. Dengan ini, para pelajar akan dapat mempelajari cara menggunakan *software* secara produktif dan bukannya hanya tahu menggunakan produk yang spesifik sahaja.

Nombor dua, perkembangan dalam kapasiti *Malaysian Intellectual Property Office*, ini merupakan badan yang mengawal selia kelulusan *pattern* di negara ini dan berhubung dengan isu *Pattern Software*. Paten *Software* atau *Software Pattern* merupakan *instrument* yang merangkumi idea abstrak dan hasilnya. Banyak konsep yang sedia diguna telah dipatenkan oleh korporat-korporat besar dan syarikat-syarikat paten demi melindungi dan menghalang orang lain dari melakukan sebarang kerja inovasi dalam bidang berkenaan. Contoh yang baik adalah *One Click Pattern* dari *Amazon Com* di mana syarikat berkenaan telah mempatenkan konsep *Single Web Click* dan dengan itu menghalang lain-lain pihak dari menggunakan idea yang sama.

Sungguhpun mereka mungkin juga menghasilkan idea yang sama menerusi proses mereka sendiri dan menulis *software* mereka sendiri untuk melaksanakan kemudahan berkenaan, Paten *Software* tidak harus dikelirukan dengan hak milik cipta *software (copyright)* yang wujud kini, hak cipta milik *software (software copyright)* telah digunakan oleh semua pihak sebagai perlindungan yang cukup dan berkuasa bagi program-program *software* mereka di bawah melalui IPO dan undang-undang *Intellectual Property*. Hak milik cipta *software* melindungi kod sumber iaitu *blue print* sesuatu program komputer dan merupakan *main stay* pembangunan *software*.

Paten *Software* lebih sempit lagi dari hak milik cipta *software* kerana mereka mengehadkan idea-idea generik dan abstrak, risiko dalam perkara ini adalah disebabkan *previllous nature* Paten *Software* ini. *Multinational Coperation* yang memiliki portfolio Paten *Software* dapat melemahkan dan mencacatkan industri *software* Malaysia. Mereka yang dapat hidup dalam suasana sebegini hanyalah *Multinational Corperation* sendiri dan menyebabkan penutupan syarikat-syarikat *software* tempatan dan akhirnya matlamat MSC.

Hanya negara-negara seperti Amerika Syarikat atau Britain yang mempunyai portfolio paten yang besar sahaja yang akan mendapat untung dari semua ini. Baru-baru ini Parlimen Eropah telah mengundi menolak Paten *Software* atas sebab-sebab di atas dan inilah patut menjadi satu iktibar kepada kita. Nombor tiga, perlanjutan tempoh untuk membawa ke depan, kerugian atau elaun modal untuk tempoh *pioneer*, tempoh bebas cukai syarikat-syarikat MSC patut dipuji dan akan membantu menambahkan keuntungan syarikat-syarikat dalam MSC. Bagaimanapun, inisiatif ini perlu dihadkan kepada syarikat-syarikat tempatan kerana merekalah yang telah dipinggirkan dalam usaha MSC kini, MSC termasuk subsidiari mereka yang dimiliki oleh rakyat Malaysia sepenuhnya tidak harus dibenarkan menikmati

kemudahan ini kerana ia akan bertentangan dengan tujuan kerajaan untuk membina industri berpusatkan teknologi tempatan.

Empat, *Malaysian Bio-technology Corporation*, adakah ini akan sama seperti MDC? Apakah ADK itu? Prestasi utamanya dan apakah sistem *check and balance* dalam sistem berkenaan. Adakah kita akan melihat satu lagi MDC yang terus memberikan alasan-alasan lemah 10 tahun selepas konsep MSC dimulakan.

Kelima, pembaikan kemudahan-kemudahan asas termasuk perumahan dan pengangkutan di Cyberjaya merupakan satu perkara yang baik. Satu cadangan adalah supaya kekerapan dan *reliability* perkhidmatan bas di dalam Cyberjaya ke stesen ERL di Putrajaya ditambahkan demi memudahkan para pengguna ini harus diusahakan secara pantas.

Keenam, apakah yang akan dilakukan oleh *ICT Development Institute* yang berbeza dari apa yang sedang dilakukan oleh universiti-universiti awam dan swasta kita. Bukankah lebih baik jika kita menumpukan perhatian untuk melahirkan lebih ramai graduan yang berkualiti dan terlatih dan bukannya menggunakan satu lagi institut. Dana yang digunakan untuk menubuhkan institut ini adalah lebih produktif jika digunakan untuk menilai dan mengkaji semula kurikulum dan metodologi pengajaran di sekolah-sekolah menengah dan universiti-universiti tempatan.

Dalam rancangan untuk menjadi satu *quantum leap* dalam IT kita harus sedar bahawa ia akan menentukan kejayaan negara kita sama ada kita akan boleh bersaing dengan dunia dan kejayaan kita dalam IT ialah *definitive* dan *categorical*. Sebab itu baru-baru ini saya ada menanya seorang lagi IT *specialist* di Australia mengenai pandangan beliau bagaimana apa isu-isu, abaran-cabaran IT yang kita tidak menghadapi. Bagaimana kita boleh menjadi sebenarnya sebuah negara masyarakat maklumat bahawa ekonomi yang berasaskan pengetahuan dan satu IT *super power*. Dan respons beliau sangat menarik, saya rasa ini perlu perhatian bukan sahaja Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini tetapi mungkin negara juga, dan dia ada memberi satu pendekatan bahawa untuk MSC tidak boleh dinafikan. MSC ialah sudah gagal, semua *practitioner* IT tahu bahawa MSC satu *failure* tetapi bagaimana? Apa masa depan? Bagaimana kita pergi ke depan supaya menjayakan rancangan IT kita untuk masa depan.

Inilah pandangan beliau bahawa kita perlu satu pendekatan yang luar biasa, apa yang disebut sebagai *equation*, masalah-masalah, *problems equals opportunity*, *no problems equals no opportunity* satu sikap yang perlu perhatian yang mendalam. Oleh kerana dia kata bahawa dengan lebih lanjut, lebih susahnya masalah tersebut, lebih besar ganjarannya, lagi kurang persaingan dan pencarian sumber pula tidak menentu. Kesimpulannya ialah lebih senang satu masalah lebih sedikit ganjarannya, lebih besar persaingannya dan lebih tentu pencarian sumbernya atau apa yang boleh disifatkan sebagai *low hanging fruits* tidak perlu usaha, senang tetapi akhirnya tidak boleh dapat apa-apa keunggulan.

Buah-buah rendah terletak di dalam tempat yang manis di antara masalah yang tidak begitu senang dalam erti kata persaingan-persaingan membuatkan ganjarannya semua tidak berbaloi. Pendekatan ini perlu di bawa kepada ICT, hari ini kita menghadapi masalah, cabaran ICT di negara kita. Pertama sekali dia kata "Mari kita mengingatkan diri, kita sendiri mengenali gambaran yang lebih besar mengenai hal ini.

Kepulauan Melayu adalah salah satu daripada pengeluar penciptaan *Quantum Invention*, sehingga kira-kira seribu tahun yang lepas, sehingga pada masa tersebut Asia Tenggara bersama negara China dan India mengeluarkan hampir kesemua ciptaan *Quantum*, *Quantum Invention* di dalam dunia. Dengan ciptaan *Quantum* apa dia maksud ialah, sebuah lompatan ketara dalam bidang penyelesaian masalah dari masa zaman purba sehinggalah pada masa kini, contohnya penjinakan api, pengubahsuaian beras dan lada hitam, terciptanya kertas, roda, ubat bedil, seni bina minangkabau, sistem sosial bandar, kapal-kapal laut ke Madagascar, percetakan surat khabar, kuasa elektrik, TV, kad kredit, internet. Itulah satu gambaran, apa yang terjadi kenapa kita hentikan pengeluaran penciptaan-penciptaan *Quantum* tersebut masa kini? Dan apa kerajaan harus buat ialah melantik pemikir-pemikir yang mendalam dan luas yang boleh didapati untuk menumpukan

punca-punca dan berkemungkinan untuk kejadian ini seperti seribu anak sungai mengalir ke kuala yang pula mengalir ke beberapa sungai ke laut.

Kita perlu bergabung kepada beberapa kumpulan pemikiran yang jelas mengenai sebab-sebab kita berhenti mengeluarkan cipta *Quantum Invention*. Pendapat beliau adalah ia disebabkan oleh satu pertukaran dari persepsi yang objektif kepada persepsi subjektif. Satu pertukaran dari mengharapkan dunia kita ini penuh dengan suka, duri dan mana-mana di pertengahan dan mendapati dari pengharapan ini dunia kita akan menjadi suka dan oleh yang demikian kita telah dilatih untuk mencari duri.

Bila kita semua menjadi penampak duri, dalam masa ia akan terasa tidak selesa untuk mencari duri kita sendiri. Ini akan membiakkan perselisihan-perselisihan yang lebih besar. Perselisihan-perselisihan tersebut dengan secara drastik mengurangkan modal sosial dan kepercayaan yang diperlukan untuk mencipta, dan jika kita mahu sebuah penyelesaian yang sesuai daripada satu yang hanya untuk sementara, kita mesti mengalamatkan isu dasar mental tanah ini secara purata, benih-benih yang ditanam di tanah yang subur akan tumbuh, tetapi benih-benih yang subur ditanam di dalam batu tidak akan tumbuh.

Kita mesti mencari kekuatan batin untuk menanyakan soalan-soalan yang sukar sedangkan kita sudah tahu dengan penuhnya dan menyakitnya, bukan menanyakan soalan-soalan yang akan menimbulkan akibat-akibat yang lebih menyakitnya, dan untuk menentukan buah-buah rendah kita akan lihat kepada kekuatan kita. Benarkan saya menunjuk ke arah beberapa aspek yang kurang ditekankan

Di sekitar 1004 tahun Masihi Malaysia atau Melaka adalah satu destinasi yang penting di dunia. Kebanyakan orang yang suka menempuh bahaya dan cabaran, orang Arab, India, Cina ingin berada di sini dalam istilah para penempuh bahaya dan cabaran. Perdagangan rempah dan Melaka pada zaman itu adalah apa *silicon valley* dan ICT kepada kita pada zaman sekarang. Christopher Columbus, jika dia tidak hilang jalan dalam pengejaran rempah ini mungkin akan sampai ke sini. Soalan, kita tidak memberi sebarang cukai kredit, tetapi mereka datang juga seperti lebah ke madu, kenapa?

Saya tidak akan menjawab soalan ini, saya ingin anda memikir mengenainya. Saya inginkan anda untuk memikirkan mengenai tenaga yang membuatkan kita sebuah tempat yang menakjubkan, dan mana boleh menarik orang yang boleh bermula sendiri yang terbaik di sini, dan dari luar negara dengan api yang membara di perut mereka untuk menjadikan dunia ini dan semacam ketiga negara-negara besar, India dan Cina membangun hari ini, kita diberikan dengan satu lagi peluang seperti sebutir pasir di dalam sebuah tiram, tanpa dia sebutir mutiara tidak akan dibentuk.

Kita boleh menjadikan pemangkin-pemangkin untuk India dan Cina untuk membangun di atas atau lebih cepat di dalam matlamat Sosial Keusahawanan ICT mereka, dan beberapa kawasan di mana kita boleh mempertimbangkan tumpuan kita adalah semacam *micro-entrepreneur ecosystem* dan Cina serta India mempunyai ramai penduduk yang ingin menjadi majikan mereka sendiri.

Ini ia seperti paras peribadi. Ramai ingin kembali kepada situasi 100 tahun yang lepas bila hampir kesemua kita bekerja sendiri. Mari kita mengutamakan pertimbangan ini untuk diri kita sendiri. Negara China dan negara India contohnya menguruskan rangka-rangka dan struktur-struktur francais teleusahawan untuk menduduki, membesar dan berkembang.

India sungguh terkenal untuk industri perfileman dan industri perfileman Tamil dan Hindi adalah magnet perhatian di antara rakyat kita. Ramai semua sukakan peluang untuk menjadi model, pelakon, penulis skrip atau penerbit. Kelemahan industri tersebut adalah dari menaikkan modal, menyatukan pelaburan dan bahagian pengagihan. Amerika Syarikat telah dapat dalam masa yang lama dalam menguruskan hal ini.

Mari kita mengikuti kepakaran IH Amerika Syarikat dengan keghairahan, pengusahaan kita untuk mengurus aspek-aspek industri tersebut melalui proses pendalaman ekosistem ini, ia juga boleh membawa faedah tersebut kepada industri

perfileman Melayu dan ini semua satu *approach*, di mana kalau kita mahu buat satu *quantum leap*, *other quantum invention*, kita perlulah untuk kaji dan kira.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan apabila membentangkan belanjawan, saya rasa ada satu peninggalan yang serius. Peninggalan yang serius ialah tidak ada sebut mengenai korupsi. Tidak ada sebut mengenai usaha untuk membanteras korupsi. Kita tahu bahawa baru-baru ini dalam satu seminar kontraktor Melayu, Persatuan Kontraktor Melayu ada mendedahkan betapa serius masalah korupsi di negara kita, sehingga berakar umbi.

Sehingga *The President Malay Contractor Association* berkata, "Bahawa kita tidak boleh biarkan keadaan semacam ini diteruskan kalau kita tidak mahu menjahanamkan generasi-generasi yang akan datang, tetapi ada orang yang kata sebenarnya masalah yang dihadapi oleh sektor pembinaan tidak begitu serius. Lebih dahsyat ialah di bidang kerajaan tempatan". Siapa kata? Bukan saya kata. Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan semalam dia ada kata, bahawa dalam kerajaan tempatan, *local government* bahawa, "*they are being run like a secret society*".

Ya, dengan izin, MalaysiaKini - "*People's Progressive Party President M. Kayveas today hit out at local governments nationwide for lacking in both transparency and accountability*". Dan dia kata bahawa, "*The councilors in local governments function as a rubber stamp. He said that "these unelected councilors approved projects behind close doors. Without consultation from representatives of citizen groups, one cannot continue to see local government being run like a secret society. It is time we see actual transparency debates, arguments, exchanges of ideas and intellectual planning at all local governments."* To be honest he said, "*There are 146 local governments in Malaysia. No one is up to any standard*". *They may be good in different things but not good in everything. Of the top 10 local governments in the world, three were in Australia, but we are nowhere near there.* Ini kita mahu menjadi *first world infrastructure, first world mentality*, tetapi *local government* yang *corrupt, one of the most corrupt sectors*.

Yang diumumkan bukan oleh sesiapa tetapi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam Jabatan Perdana Menteri, bekas Timbalan Menteri dalam Kementerian Kerajaan Tempatan, dia patut tahu. Kenapa kita biar perkara semacam ini berlaku, apa guna kita setahun bajet RM130 bilion kalau 10 peratus hilang oleh kerana korupsi, kalau 10 peratus mungkin sudah sangat konservatif, RM13 bilion! Berapa jutawan wujud oleh kerana korupsi yang bermaharajalela di negara kita. Tetapi saya sangat *disappointed* bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan bajetnya ini tidak ada sebut masalah *leakage*, ini *leakage* yang serius, *leakage* daripada *good governance* *leakage* daripada *budgeting* yang baik dan saya percaya pada pakar ini kita perlu ada satu pendekatan yang baru.

Sudah dua tahun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada buat janji, satu kerajaan yang baru, yang bersih - *incorruptible*. Itulah perkataan yang beliau gunakan, *clean and incorruptible government*. Bolehkah kita kata dalam dua tahun ini ada satu *clean and incorruptible government*? Mana itu 18 ikan yu? Sampai sekarang belum tangkap ikan yu? Ada orang kata, satu daripada 18 sudah kena, kalau satu daripada 18 ikan yu sudah kena, kalau begitu kenapa dia masih menjadi Menteri? Kalau begitu kenapa dia masih menjadi Menteri? Kenapa dia masih dapat gaji Menteri? Dia ada digantung dalam UMNO, adakah dia satu antara 18 ikan yu? Di luar saya beritahu, dia adalah *one of them*, kenapa dia terus dan kita harap kita dapat satu penjelasan, satu pendekatan yang serius mengenai *a war against corruption*,

Kita tahu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dia ikhlas dan jujur. Dia mahu negara kita bersih, tanpa korupsi tetapi *good intention is not good enough*. Ada orang kata bahawa *the way to hell is paved by the good intentions*. Tidak cukup! Kita perlu *strategy action* plan. Kita perlu *concrete action*.

Sudah dua tahun, mana itu big fishes? Ada betul apabila dalam permulaan pemerintahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada dua orang lebih *middling fish* kena - *middling fish*. Tetapi itu pun daripada zaman dahulu pada permulaan kempen jaminan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mahu satu kerajaan yang baru, tidak mahu

benarkan korupsi adalah kesan, oleh sebab nampaknya ada sedikit kesan. Oleh sebab *feed back* saya ialah bahawa semua lebih berjaga-jaga bukan tidak semacam dahulu begitu *open* dan militan. Tetapi bukan sekarang, sekarang selepas dua tahun bukan sahaja perkara sudah *gone back but it is going to be worse* dan apa yang kita perlu ialah tindakan yang serius di mana kita boleh lihat bukan sahaja dengar ucapan dan dengar janji dan lihat *result*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Panjang lagikah Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang: Ya, ya masih ada lagi 10 *items*. [*Dewan menjadi riuh seketika*] Itu mustahak, satu tahun satu kali 10 *items* ini. Ada MP bahas tiga hari atas *item* apa pun saya pun tidak tahu....

Seorang ahli: [*Menyampuk*]

Tuan Lim Kit Siang: [*Ketawa*] Ya, minggu lalu bekas *Inspector General Police*, dia dalam *column*nya pun ada menulis mengenai *corruption*, saya rasa ini sangat menarik. Kenapa? Ada orang - ada reaksi berkata, *point of view*, Tun Hanif Omar; A need for eternaland strong commitment. Kita mahu *frank*. Ada reaksi, ya, Tun Hanif Omar dia sekarang tulis mengenai rasuah, apakah kelayakan dia menulis mengenai rasuah? Apabila dia jadi IGP apa dia buat untuk memastikan bahawa tidak ada rasuah? Ada reaksi itu.

Tetapi saya lihat daripada sudut yang lain bahawa apabila seorang *ex-IGP* pun menulis mengenai masalah korupsi, ini menunjukkan *corruption* mempunyai satu masalah yang sangat serius. Sangat-sangat serius.

Dia buat satu *SMS poll*, 35 *SMS* dia keluar dan apa dia dapat? Dapat itu pandangan daripada 35 kawan beliau semua untuk *grading* 1 sampai 10. 10 ialah bersih, tidak *corrupt* dan lebih kurang, lebih *corrupt* dan apa *result* - Siapa yang responden? Empat orang *retired police officers*, *PTD officers*, *one local authority officer*, 3 *bankers*, *one developer*, 3 *lawyers*, 4 *businessman*, 10 *corporate executives*, *one lecturer*, *one engineer*, *one accountant*, *one artis*.

Then 0 sampai 10. 10 clean - zero, 9 zero, 8 zero dan zero, dua orang kata zero dialah 100% *corrupt* Malaysia. 100% *corrupt*! Ini kategori bukan di pilih oleh saya dan *one was caught zero said, you virtually have to all every turn you make* iaitu *all every turn you make there is no strategic plan*. *The one who was caught one*, dia kata *one*, *second* ...berkata, *those who already know have all participated and won't talk*. *BPR keeps on asking for prove, they don't investigate*. *One was 3 scorer - 3 kata, they are pots calling the kettle black, no strong political will shown*. *Another said, floor floating rampant no action*, *another 3 scorer said, they are still asking for kickbacks*, *BPR success rate too low*, *I gave a 3 and that is too generous already*. *And the 4 scorer commented the looter of the nation were I enjoying the ...*

Ini semua, saya pun ada *poll* di blog saya. Di blog saya, sungguhpun ada orang yang kata, mana boleh, *not scientific* dan ada kelemahan-kelemahan tetapi okey, boleh dikatakan *not scientific* barulah orang yang melawat blog saya bukan *random* dan *representative survey* tetapi 83% kata Malaysia *corrupt*, sangat *corrupt*. *Why?* Blog saya tidak *representative critical anti* Barisan Nasional. Tetapi ada lagi satu *opinion pool* di mana *my government website* ialah portal rasmi Kerajaan Malaysia. Inilah *official website of the Malaysia Government*, *my government* pun ada satu *pool* mengenai *voice your opinion*. *Do you feel that corruption in the public sector has been reduced?* 85% *says corrupt*. *Mine only 83%*. *My blog only says 83% very corrupt no hope where else government website 85%*.

So, kita boleh kata bahawa itulah satu gambaran mengenai keadaan korupsi di negara kita. *What is the ACA doing?* Apa BRP buat dalam dua tahun ini? Kalau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri serius, saya harap dia boleh buat satu keputusan yang berani untuk menjadikan ACA, BPR sebagai satu badan yang bebas, yang ada kuasa untuk bukan sahaja siasat tetapi ambil tindakan terhadap mereka yang *corrupt*. Barulah kita boleh *make a turn*. Kalau tidak, tidak ada harapan. Tengok itu *pool*, *Tun Hanif pool*, *my Blog Pool*, *Governments web Pool*, *all the same*.

Kenapa sampai sekarang tidak rela buat satu pendirian yang tegas? Oleh kerana *no* contoh melalui teladan, tidak ada pimpinan melalui teladan. Kabinet ada seorang Menteri gantung dalam parti oleh kerana *money politics* tetapi terus menjadi Menteri, apa impak? *Government is corrupt*. Parti UMNO *trying to be clean, but government is corrupt* oleh kerana orang yang didapati *corrupt* digantung boleh terus berkhidmat dalam kerajaan.

Kerajaan *is now more corrupt than the Parti*. Itulah *impression*. Saya harap bahawa dalam perkara ini saya mengalu-alukan keputusan yang dibuat oleh Kabinet bahawa bersetuju mengadakan satu Jawatankuasa Pilihan mengenai keutuhan Negara Nasional Integriti. Apabila saya jumpa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri tahun lau dan tahun ini setiap kali saya *mendecidekan* perlulah *Parliamentary Select Committee on the Nasional Integriti*, bukan sahaja *on the National Integrity*, bidang-bidang yang lain pun mengenai IT, mengenai *higher education*, mengenai *defense* dan lain-lain tetapi *national integrity*.

Tetapi saya harap Yang Berhormat Menteri boleh ambil tindakan yang segera supaya *Parliamentary Select Committee on National Integrity* ini boleh ditubuhkan dalam masa yang singkat untuk menunjuk bahawa kita serius, sudah dua tahun. Kita perlu satu mekanisme yang baru untuk memberi satu *push*, satu *momentum* kepada kempen memerangi rasuah. Kalau Parlimen tidak ada peranan dalam usaha ini, Ahli-ahli Parlimen dan Parlimen sudah gagal dalam tanggungjawab, dalam peranan kita. Dengan itu, saya ingat lagi mengenai *Parliamentary Select Committee*, apa yang berlaku sebenarnya pagi ini pun *reflect* mengenai Parlimen, mengenai maklumat, *information*. Bukan saya mahu *reopen the subject*. [Telefon bimbit berbunyi] Surat ini apa ertinya? Mengenai maklumat pelbagai maklumat. *Right to information*. 28 September ialah *right to information international day*.

Tetapi hari ini kita tengok satu *letter*, surat ini senarai mengenai MP AP ditarik balik kata tidak patut dibagi. Saya tidak mahu *reopen the subject* bahawa usaha tidak bagi kita mahu merujuk Yang Berhormat Menteri dan KSU kepada *Committee of Privileges*. Tetapi *right to information*. Adakah Ahli-ahli Parlimen tidak ada hak kepada maklumat mengenai AP-AP MP yang ada atau individu-individu yang ada atau semua *open franchise and open AP and francais MP*. Kenapa? Saya harap Yang Berhormat Menteri MITI datang esok akan bagi jawapan kenapa keputusan untuk tarik balik MP apakah. Kenapa? Apa keputusan, apa justifikasi? Saya harap bahawa perkara ini dibangkitkan di Kabinet hari Rabu bahawa ini dikondem oleh Kabinet. Kabinet patut mengambil satu keputusan ini tidak betul. Ini tidak boleh dibiarkan, ini sepatutlah dikondem. Bukan sahaja esok kita mahu Menteri datang untuk jawab mengenai perkara ini, Kabinet perlu buat satu keputusan. *Free term of information*. Kita sekarang bukan terlalu banyak *information*, terlalu kecil sekarang pun mahu tarik balik.

Saya harap bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh beri perhatian sendiri dalam perkara ini, bagaimana kerajaan perlukan satu dasar maklumat yang baru. A *new information policy*. Kita mahu satu *information society*. ICT kita di negara yang lain-lain ada *the new information* polisi yang selaras, sesuai dengan revolusi IT. Apa itu *information* polisi yang baru yang perlu kita adakan sampai ICT *regulation* semua negara menganggap maklumat sebagai harta benda kerajaan. *Property of the government*. Kalau kita mahu bagi keputusan kerajaan, itu bukan harta benda rakyat. Tetapi dengan IT *revolution* dan *democratization* sudah tukar. *Information* di tangan kerajaan ialah harta benda rakyat. *Its a property of the people* dan patut diberikan. Rakyat ada hak untuk *excess information* itu selain daripada kategori-kategori tertentu semacam keselamatan, semacam *core personal, confident charity* dan lain-lain.

Adakah kita rela? Adakah kiat rela mengadakan perubahan? Adakah kita mulakan dengan Parlimen? *The list*, senarai Ahli-ahli Parlimen yang ada AP. Adakah akan memudaratkan ketenteraman dan keselamatan negara kalau ia dalam tangan Ahli Parlimen?

Tidak, ini satu contoh saja dan saya harap ini pun akan menjadi satu polisi *direction* yang penting akan ditimbang oleh kabinet. Kita ada banyak laporan, kajian yang dibuat oleh kerajaan, semua disembunyikan. Murad *Report*, Murad *Report* yang kata sangat penting akan *reclusionise* sistem pelajaran, bila di *commission* pada Disember 2002.

Dihabiskan, disiapkan Ogos 2003, disampaikan kepada Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri, sudah berapa lama? Sampai sekarang *under lock and key*, apa itu *open government*? Mana itu *transparent government*? *Sharing of information*, mana itu *Zahid Report*? *Zahid Report* ialah mengenai *higher education*, ada satu *undertaking* di bulan Julai bahawa ia akan diumumkan, sekarang sudah Oktober, mana itu *Zahid Report*?

Di negara lain bukan sahaja semua laporan ini diumumkan, proses bermula daripada awal ialah terbuka. Proses siapkan satu kajian, *an open process on the internet*, siapa boleh beri memorandum dan apabila ada *preliminary findings* atau satu suruhanjaya atau satu jawatankuasa ada *commission* punya kajian, semua kajian *up on the net*, orang ramai boleh baca, boleh bincang dan input itu antara input dalam proses *the commission*.

Di Malaysia semuanya disembunyikan, *what are the findings, what are the papers, what are the reports*, semua tak tau, bukan sahaja Murad Report, bukan sahaja Zahid Report, tengok itu *National Financing System*, bukan 10 tahun, 20 tahun, saya percaya sekurang-kurangnya ada 10, 20 kajian dibuat. Kenapa semua disembunyikan? Kenapa semua *official secret*? Atau semua ini kita perlu satu pendekatan yang baru, kita tak mahu semacam kes ini. Kalau kita ada fahaman memang mengenai *open government, this scandal will never had been created. So insulting, so contemptuous of* Parlimen. Saya harap bahawa KSU MITI Sidek Hassan akan tulis satu surat kepada semua Ahli Parlimen minta maaf, setuju? Minta maaf dan tarik balik surat ini, tarik balik surat ini dan minta maaf.

Tetapi itu *freedom of information, whereby* kalau kita mahu satu demokrasi berparlimen yang lebih matang, yang lebih *mature*. Oleh kerana tanpa maklumat, apa guna perbahasan? Saya tak tahu bahawa kita ada satu Parlimen yang sangat cantik, baru-baru ini baru belanja RM100 juta tetapi *library* kita, *research service* kita *far from suggestion* kita. Kalau pergi Australia Parlimen, British Parlimen, New Zealand Parlimen, atau Indian Lok Sabha atau pergi US Kongres, *I think we have a long way to go*. Saya tahu bahawa ada satu keputusan untuk mengadakan 10 orang *researchers*, saya tak tahu sama ada sudah datang atau belum datang? Saya tak tahu, *so datang baru saya tahu, ha, [Disampuk] on the way, on the way. The trouble in Malaysia on the way it can take two years* lah [Ketawa] *The researchers are on the way, but in a while we need research support and assistance*.

Dalam perkara ini mengenai Parlimen, kita perlu satu *a sense of Parliament* yang berbeza daripada *a sense of executive* atau berbeza daripada *a sense of* parti politik. Apa yang berlaku pagi ini adalah satu contoh yang baik, semua kita semestinya, Ahli-ahli Parlimen bersetuju mahu rujuk Yang Berhormat Menteri dan Yang Berbahagia KSU kepada *Committee of Privileges*, semua tunjuk kalau ada undi *unanimous*, barulah Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua ganggu, potong jalan, tak mahu bagi, langgar Peraturan Mesyuarat lah, tak apalah okey lah, tapi itu langgar peraturan mesyuarat itu salah guna kuasa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, benda itu sudah selesai.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, selesai okey, tetapi tengok masa itu, kita tangguhkan, itu kita pun cadang tangguhkan. Bila balik itu *spirit gone*, semangat Barisan Nasional, Ahli-ahli Parlimen BN hilang, kenapa hilang? Keputusan ini patut dibuat oleh Ahli-ahli Parlimen, tak patut ada campur tangan eksekutif, saya tahu Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri campur tangan, campur tangan. Saya tengok dia campur tangan, mana boleh, kalau kita ikut tradisi Parlimen ini *power of Parliament, we are* Ahli-ahli Parlimen buat keputusan. Mana boleh Menteri datang untuk campur tangan kata "janganlah", *under consideration* lah, "jangan *push the point*", ini *not proper*.

Dalam Malaysia mungkin biasa, 48 tahun ini biasa tetapi kita mahu satu kalau kita mahu Malaysia *first world* Parlimen, kita mahu bukan sahaja kita di pihak sini pembangkang, tetapi di pihak Barisan Nasional pun anggap ini tidak boleh, barulah kita *graduate* Parlimen sebagai benar-benar *first world* Parlimen. Yang Berhormat Sri Gading setuju sama saya? Dia garang tadi, mahu *refer*, dia sokong pun usul saya. Terima kasih Yang Berhormat Sri Gading, dia sokong usul saya pun tetapi dia lari.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Ipoh Timor balik-balik cakap itu saja daripada tadi. Kalau boleh gulunglah, Yang Berhormat gulung.

Tuan Lim Kit Siang: Okey, saya *give it as a* contoh sajalah. Saya rasa mustahak kita *development a Parliamentary tradition*. *Parliamentary tradition* ialah asing daripada eksekutif, eksekutif tetap eksekutif tapi ada perkara di mana Ahli Parlimen ambil pendirian atas as MP's. Kita perlu kalau tidak apa ertinya Parlimen, *doctrine of separation of powers* sebagaimana betul, semua Parlimen adalah parti.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Yang di-Pertua, Ipoh Timor, saya berbangga juga Ipoh Timor ini orang Batu Pahat, sudah lama tak balik ke awak? Kita sama satu kampung.

Tuan Lim Kit Siang: Okey.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ini soalan nombor tiga esok ada.

Tuan Lim Kit Siang: Ha?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ini esok nombor tiga punya ada, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Jadi kalau boleh ubah lain tajuk nanti kita boleh lekas tamat. Jadi esok boleh sambung lagi ini.

Tuan Lim Kit Siang: Saya percaya semua Ahli Parlimen, semua kumpul lebih kurang 100 soalan, ada 100 soalan bolehkah esok 15 minit cukup? Dah lebih, sekurang-kurangnya 5 soalan tambahan lebih lah, nanti fasal kita kata "Jangan minta semacam pagi ni," Semua pun lari. [Ketawa] Saya bukan bincang mengenai perkara ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat minta gulung Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, mana boleh – ini banyak lagi. Bagaimana kita mahu menjadikan Parlimen unggul dan boleh ada reputasi yang tersendiri. Kalau mahu begitu, boleh menunjuk bahawa adalah satu *present* yang asing daripada eksekutif. Sungguhpun kita terima bahawa dalam sistem kita, bahawa parti memerintah adalah *whip* mengenai rang undang-undang, usul-usul yang penting, tetapi ada isu-isu dan perkara-perkara yang tidak ada bersabit dengan parti politik, tetapi mengenai *honour, dignity of the house*. Ini patutlah dilihat daripada segi Ahli Parlimen dan di sini saya mahu menegaskan - Parlimen Malaysia kita perlu berubah, 46 tahun. Tengoklah negara-negara yang lain. Parlimen-Parlimen yang lain mereka sudah melalui beberapa generasi reformasi Parlimen. Lebih cekap, lebih prihatin, lebih intim mengenai masalah-masalah rakyat, tetapi Parlimen Malaysia mana ada *history* ini.

Dan saya harap bahawa Yang Berhormat Menteri di Jabatan Menteri boleh bawa ke Kabinet, bahawa kita mengadakan satu *Parliamentary Reform and Modernization Committee*. Ini mustahak, ini *above party - Reform and Modernization Committee*. Sudah 2 tahun atau dekat 2 tahun *General Election* ialah Mac dekat 2 tahun, tetapi kita tahu bahawa Peraturan Mesyuarat banyak segi kita perlu pinda – *modernize* - tetapi tidak apa-apa.

Saya tidak tahu Tuan Yang di-Pertua dalam Jawatankuasa atau tidak – mungkin ada – mana kita? Kita perlu dalam bidang-bidang tertentu mahu menjadi lebih profesional. Kita mahu jadi lebih komited, dan saya harap bahawa antara cadangan untuk *modernization and reform Parliament* ialah mengadakan Jawatankuasa-jawatankuasa Pilihan semacam di negara-negara yang lain, setiap Menteri sekurang-kurangnya adalah *dischedule* atau dipantau oleh sebuah Jawatankuasa Pilihan Parlimen. Ini mustahak supaya Ahli-ahli Parlimen boleh memainkan peranan dalam semua aspek *decision making* supaya Parlimen boleh lebih efektif, dan bukan sahaja datang untuk mesyuarat habisnya oleh *legislative work* bukan sahaja perbahasan, tetapi *pre-legislation* dan *post execution*.

Saya rasa inilah perlu dapat keutamaan. Sebenarnya saya tidak patut cadangkan perkara ini dibawa ke Kabinet, kerana kita patut boleh putuskan perkara ini dalam Parlimen.

Tetapi inilah antara kelemahan-kelemahan yang kita hadapi *as of now*. Harap perkara ini boleh dibetulkan.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini minggu lalu kita ada satu mesyuarat di Bangkok, di mana *Parliamentary Caucus* mengenai Myanmar. Saya rasa ini sekurang-kurangnya di Parlimen Malaysia ada sebab, ada rasa bangga bahawa inisiatif kita mengadakan satu *Parliamentary Caucus on Democracy in Myanmar* pada November 2004, dan kita ada satu mesyuarat, ada satu persidangan, lepas itu kita ada tubuh satu AIPMC (*Asean Inter-Parliamentary Myanmar Caucus*) mengenai Myanmar dan dalam masa yang singkat kita berjaya mencapai matlamat yang pertama ialah tidak mahu Myanmar menjadi pengerusi Asean 2006.

Selain ada lihat kemajuan dalam proses *democratization* dan *national reconciliation* di masa Aung San Suu Kyi dibebaskan, dan semua orang-orang tahanan lebih daripada 1,000 orang tahanan politik dibebaskan. Dan kita sudah berjaya, tetapi kita ada mesyuarat di Bangkok minggu lalu, di mana kita ada membuat keputusan AIPMC, yang ada dihadiri dengan Ahli-ahli Parlimen daripada Thailand, Malaysia, Singapura, Filipina dan Indonesia. Di mana kita membuat keputusan untuk matlamat yang kedua, ialah bahawa dalam satu tahun kalau kita tidak boleh lihat *tangible progress* mengenai *democratization* dan *national reconciliation*, di mana ada *“tripartite party talk”* bukan sahaja *military junta*, tetapi NLD (*National League for Democracy*) dan *ethnic nationality* tidak mahu mendesak kerajaan-kerajaan Asean, negara-negara Asean untuk menggantung Myanmar sebagai anggota Asean. Saya sebut ini ada dua sebab.

Yang pertama, *Malaysian Parliamentary Caucus on Myanmar*, ada *leading initiative interest* dan kita harap bahawa kita boleh - sungguhpun *Malaysian Parliamentary Caucus on Myanmar* semacam *caucus on human rights*, bukan sebuah badan Parlimen, oleh kerana bukan akibat daripada satu usul diluluskan dalam Parlimen tetapi satu *ad hoc committee*. Saya harap bahawa kita boleh bersetuju bahawa ia dapat *consultative status*, sungguhpun ia bukan satu *Parliamentary Committee*, tetapi kita perlu ada dalam Parlimen proses, *Consultative Status* semacam *United Nations*, di mana ada badan-badan mengadakan *Consultative Status*, di mana boleh dapat sokongan, bantuan kewangan daripada Parlimen atau lain-lain.

Yang kedua, ialah saya harap bahawa bukan sahaja kita boleh mengadakan lebih *Parliamentary Committee*, lebih *Parliamentary Caucus*, dengan isu-isu yang ada, Ahli-ahli Parlimen yang berprihatin supaya kita lebih *vibrant*, Parlimen Malaysia menjadi satu Parlimen yang lebih *vibrant*, lebih aktif, yang *“spearhead concern”* mengenai isu-isu tertentu. Dan dalam perkara ini saya berharap bahawa kerajaan boleh memberi sokongan yang kuat kepada keputusan AIPMC (*Asean Inter-Parliamentary Caucus on Myanmar*), bahawa kalau dalam satu tahun tidak ada *tangible progress* mengenai pendemokrasian dan *national reconciliation* di Myanmar, bahawa Malaysia akan ambil pendirian mahu Myanmar digantung daripada Asean.

Sebenarnya bekas Perdana Menteri, Tun Dr.Mahathir pun pernah melahirkan kemungkinan senario ini, kalau tak silap di tahun 2003, dia kata bahawa kalau *military junta* di Myanmar terus berdegil tidak mahu hirau *international opinion* bahawa adalah dalam pendemokrasian akan datang satu hari di mana Myanmar dipaksa untuk dihalau daripada ASEAN, itulah lebih kurang Ogos 2003 dan saya harap dalam perkara ini Kerajaan Malaysia akan memainkan satu peranan yang *leading* untuk ubah *political opinion*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat cukup, Yang Berhormat dah berucap empat jam, orang lain hendak berucap juga.

Tuan Lim Kiat Siang: Saya tahu, yang ini mustahak. Dalam sidang ini kita kira bermula kita ada Ahli Parlimen cakap 2 hari 7 jam, saya pun tak sampai 7 jam. Tapi ini bukan, ada beberapa perkara.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Seputeh bangun

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin Tanya Yang Berhormat Ketua Pembangkang, kita sudah banyak kali sama ada Ahli Yang Berhormat dari Pembangkang ataupun Barisan Nasional yang telah pun mencadangkan

supaya masa ucapan dan juga hari bermesyuarat dipanjangkan memandangkan nombor Ahli Parlimen telah pun bertambah dan saya telah difahamkan juga bahawa Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat juga pernah berunding ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, itu tak ada kena mengena dengan ucapan Yang Berhormat

Puan Teresa Kok Suh Sim: ...tetapi kenapakah sampai hari ini di sidang Budget yang begitu penting ini ia masih belum dilaksanakan. Saya juga dengar...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat

Puan Teresa Kok Suh Sim: ...saya juga difahamkan bahawa Peraturan Mesyuarat kita haruslah diteliti oleh AG, Peguam Negara kita. Bukankah ini menunjukkan yang Parlimen kita ini tidak ada kebebasan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kita ada kebebasan.

Puan Teresa Koh Suh Sim: Kita telah banyak kali berjuang dan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri juga telah bersetuju bahawa kita perlu ada satu Parlimen yang mempunyai kebebasan dan juga *independent* sendiri, tetapi nampaknya Peraturan Mesyuarat pun harus diluluskan oleh AG. Jadi apa pandangan Yang Berhormat Ketua Pembangkang?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kalau seorang bercakap satu topik sampai lima jam, kita bagi berapa hari pun tak cukup. Jadi kita kena bagi had masa juga.

Tuan Lim Kit Siang: Saya sini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ipoh Timor kalau boleh kita gulung, minta gulung.

Tuan Lim Kit Siang: Saya sini mustahak.

Beberapa Ahli: Gulung

Tuan Lim Kit Siang: Gulung, you cakap berapa lama? Tujuh jam bukan, lapan jam dan semua *utterly irrelevant*, saya semua *relevant*, *you utterly irrelevant*, apa ini! [Tepuk] I tak ganggu *you*, kenapa *you* ganggu *me*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ipoh Timor sila gulung

Tuan Lim Kit Siang: Ya... Parlimen perlu mengadakan satu pegawai yang baru, *our own legal officer*. Kenapa kita perlu bergantung dengan Peguam Negara, Peguam Negara Advise Esekutif, kita perlu *a fine respect distention*, apa Parlimen mahu buat mengenai perkara yang ada *legal implication*, kita perlu *legal officer of our own*. Dan saya harap bahawa Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri bolehlah ambil perhatian dan harap bawa perkara ini kepada Kabinet. Ini *to protect, I mean* kita perlulah *personality* yang sendiri termasuk kaji daripada segi undang-undang. Saya tau mengenai beberapa cadangan, mengenai pindaan kepada Peraturan Mesyuarat dibawa ke kamar Peguam Negara, dengan izin, what do the AG Chamber know about Palimentary procedures and practices, they know nothing, nothing, apa mereka tahu, *Parliament procedures and practises this is our own law*. Apa yang mahu ialah satu unit *legal adviceer* dan mereka yang ada Parliament experience, itu berlainan daripada legalistik *interpretation*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: [Bangun]

Tuan Lim Kit Siang: Ya Jasin bolehlah, Jasin boleh, Jasin boleh menjadi timbalan. Sebab itu saya ada cadangan, perlu kita ada satu Jawatankuasa untuk kaji Parliament Reform and Modernization, dan inilah antara satu perkara, *we must have our own legal officer* dan kedudukan Parlimen sebenarnya tiga cabang kerajaan - Parlimen, judiciary, eksekutif, *equally* penting, patut lah adalah *institutional independent* di mana kita boleh lihat di mana pegawai yang tertinggi Parlimen, pegawai tertinggi *judiciary* dan pegawai tertinggi eksekutif patut sama taraf, barulah kita boleh lihat *co-equal position*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ipoh Timor habis, cukup.

Tuan Lim Kit Siang: Saya baru mengenai Parlimen oi, baru mula Parlimen, lagi 10 items di sini, mungkin 20 items, saya boleh kurang sikitlah tapi tarik harga sikit boleh.

Beberapa Ahli: Seratus, seratus

Tuan Lim Kit Siang: Seratus, mahu seratus, boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila gulung Yang Berhormat

Tuan Lim Kit Siang: Boleh... dalam proses gulungan dan oleh kerana Yang Berhormat Menteri ada di sini, saya harap dia boleh kaji dengan mendalam, satu ialah mengadakan *Parliamentary Select Committee*, supaya Ahli-ahli Parlimen boleh *specialize*, yang kedua, boleh ambil dalam *policy formulation law making* bukan sahaja *law making* tetapi menggubal dasar, *brainstorming about issues* dan ini perlu supaya semua boleh lebih *conversion* mengenai berbagai *subject* yang semua menjadi cabaran kepada kita dan kedua bahawa ..

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya Ketua Pembangkang tentang Jawatankuasa Pilihan Parlimen, *Parliamentary Select Committee*, dengan izin. Amalan di Parlimen kita walau pun ada *Select Committee* yang diwujudkan khususnya tentang undang-undang jenayah dan keduanya tentang perpaduan nasional. Sepatutnya amalan-amalan parlimen-parlimen Commonwealth dan negara-negara lain, jawatankuasa-jawatankuasa pilihan seperti itu dipengerusikan oleh *back bencher*, ahli-ahli biasa dan bukannya dari kerajaan. Amalan ini nampaknya untuk PAC dilakukan dan oleh sebab kita mempunyai Yang Berhormat Johor Bahru yang agak bebas dan berani dan mungkin tidak ada kepentingan nampaknya PAC memainkan peranan yang berkesan dalam membetulkan apa-apa yang tidak betul dalam kerajaan hari ini. Oleh itu, untuk Jawatankuasa-jawatankuasa Pilihan seperti yang kita ada sekarang ini, dua yang saya sebutkan itu yang dipengerusikan oleh menteri-menterinya dan bukan ahli-ahli biasa, adakah pandangan Yang Berhormat ianya pun perlu ditukar supaya jawatankuasa tersebut boleh benar-benar menegur menteri dan kerajaan dalam bidang-bidang yang dikhususkan itu.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, saya setuju seratus peratus, *Parliamentary Committee* tak patut, tak elok - di lain negara tidak ada dipengerusikan oleh menteri, ini menjadi *ministerial committee*. Apabila satu jawatankuasa diketuai oleh seorang menteri, *ministerial committee*, apabila kita ada *Parliamentary committee* ada perbezaan antara eksekutif dan *legislature* dan apa yang kita buat ialah mungkin kali yang pertama ini, *in world Parliament*, tapi bila banding dengan dahulu tiada dengan sekarang ada, *half a step probably you are moving*, kerajaan sekarang belum *ready* ada *parliamentary committee* di mana ada dipengerusikan oleh *non-minister*.

Tetapi apa yang sihat, yang biasa ialah *Parliament Committee*, di mana bukan diketuai oleh menteri dan saya harap bahawa tidak lamalah di mana amalan semacam itu boleh diikuti, tetapi lebih mustahak sekarang ialah kita biasakan ada lebih jawatankuasa di mana Parlimen Malaysia lebih *vibrant*, lebih aktif kalau mahu menjadi *first world Parliament*. Dan sebab itu apa yang sangat mustahak ialah, ada satu *Parliamentary reform and modernization committee*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ipoh Timor cukuplah.

Tuan Lim Kit Siang: Oleh kerana Yang Berhormat Menteri tadi dia tiada di sini dan dua hari dahulu kita ada pergi menerima satu taklimat UNHP mengenai *development* yang dianjurkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Dan Kita tidak mahu sahaja satu taklimat, satu serius *work*, bolehkah kita ada satu *Parliamentary Committee on Development* diadakan supaya semua isu yang ada di UNHP *report* boleh menjadi agenda *Parliamentary Committee* itu? Dan fikir mengenai mungkin mencadangkan bahawa Perlembagaan boleh dipinda, di mana kita boleh mengadakan satu fasal yang baru *the right to development*. Hak untuk pembangunan, South Africa ada. *Right to development* inilah kita kata sekarang, inilah hak yang pokok, yang asasi, *right to*

development. Kita *lead the world*, adakah kita sekarang Pengerusi OIC, Pengerusi NAM mahu *lead the world*! Inilah antara bidang-bidang di mana kita boleh *lead the world, right to development.* Dan dalam perkara ini saya berharap bahawa kita pun boleh membiasakan mengenai *Parliamentary business.* *Parliamentary business* bukan sahaja *government business*, *Parliamentary business* termasuk semua urusan Ahli-ahli Parlimen, termasuk parti pembangkang. Dan sebab itu di negara-negara yang lain di Parlimen-Parlimen yang lain ada *Opposition Day*, *Opposition Business Day* dan saya harap perkara semacam ini boleh ditimbang dan boleh diperkenalkan supaya kita menjadi satu Parlimen yang lebih matang, sebab pagi saya sangat suka hati tengok semua Ahli Parlimen boleh bersatu padu.

Perpaduan yang kuat Ahli Parlimen pagi ini, perpaduan yang kuat tunjuk, *solidarity*, ada *solidarity*lah. Betul, baik kita mahu boleh mengekalkan *sustain that solidarity.*

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Tuan Lim Kit Siang: Esok.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat. Yang Berhormat ...

Puan Teresa Kok Suh Sim: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat dia tak bagi?

Tuan Lim Kit Siang: Okey bagi, saya bagi, saya bagi.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Kita tahu yang Parlimen ini memang menghadapi masalah kekurangan kakitangan. Dan kita juga tahu kakitangan di Parlimen kita ini juga diambil daripada JPA. Jadi kalau kita lihat dalam sistem demokrasi bercabang, yang mempunyai tiga cabang, yang Parlimen harus menjalankan urusannya secara sendiri dan ia harus diberi kewangan secara sendiri dan juga diberi hak untuk *recruit* kakitangannya secara sendiri. Tetapi setujuakah Yang Berhormat bahawa kita perlulah memulihkan *Parliamentary Services Act*, yang telah pun dibubarkan dalam tahun 1992, yang mana sebenarnya dalam akta itu telah pun jelas menunjukkan kebebasan Parlimen kita, yang mana Setiausaha Dewan Negara dan juga Dewan Rakyat mereka dianggap tarafnya adalah setanding dengan hakim di negara kita, Hakim Mahkamah Tinggi. Jadi bukannya kalau kita dalam proses untuk memulihkan kebebasan Parlimen yang *Parliamentary Services Act* ini haruslah juga dipulihkan.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, saya setuju kita perlu kembalikan *Parliamentary Services Act* supaya Parlimen sendiri boleh menjalankan urusan secara sendiri yang menunjukkan kita satu badan yang bebas, yang asing daripada eksekutif sungguhpun adalah saluran-saluran di mana kita perlu *contact*. Tetapi sebelum saya alih daripada bidang Parlimen satu perkara lagi yang terakhir mengenai Parlimen ialah dalam seksyen ini, kita ada laporan SUHAKAM.

Kenapa kita tidak boleh adakan satu peruntukan, di mana laporan yang mustahak semacam ini kita anggap mustahak adalah peluang, ada ruang untuk dibahaskan dalam Parlimen. Sekurang-kurangnya dua jam tidak perlu satu hari, dua jam okey, *set aside* kita boleh bincang, kita boleh bersetuju pihak memerintah dan pihak pembangkang bersetuju. Ada laporan-laporan yang mustahak, bukan sahaja untuk Ahli Parlimen, tetapi untuk kita mahu menunjuk bahawa kita prihatin dalam perkara ini, bukan semacam laporan SUHAKAM apabila dibentang di sini dibuang sahaja - tidak dihiraukan. Saya rasa perkara semacam ini serius, Laporan SUHAKAM, Laporan Ketua Audit Negara adalah PAC untuk siasat, tetapi Laporan PAC tidak pernah dibahas?

Kalau saya tidak silap sejarah Parlimen Malaysia baru sekali sahaja Laporan PAC dibahas ini ialah usul saya, di bawah usul saya. Laporan PAC semua Ahli Parlimen pun tidak hirau! Dan saya rasa ini banyak perkara yang kita perlu, kita perlu untuk kemas kini supaya kita adakan satu Parlimen yang lebih efektif, yang boleh jadi satu teladan kepada negara-negara yang lain. Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tutup, tutup Yang Berhormat habislah.

Tuan Lim Kit Siang: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Habiskanlah ucapan.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, sudah lima bulan Laporan Polis Diraja di umumkan. Tetapi sampai sekarang apa sudah berlaku? Dalam laporan itu ada 125 perakuan, bagaimana boleh *reform* polis. Menjadi polis lebih cekap, *a world class police*, menjadi sebuah pasukan polis dengan taraf dunia, *125 recommendation*. Apa sudah berlaku? Kenapa Ahli-ahli Parlimen tidak diberi laporan mengenai perkara ini dan kenapa tidak ada satu *committee* diadakan? Oleh kerana satu pasukan polis yang cekap dan mesra, bersih bukan sahaja tanggungjawab kerajaan, tetapi ialah hasrat dan harapan rakyat. Dan inilah antara bidang-bidang di mana Ahli Parlimen perlu memainkan peranan. Dan di mana perlulah satu pendekatan yang baru dalam isu yang semacam ini. Saya tahu bahawa Polis Diraja khasnya mengenai polis.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat saya minta habiskan ucapan. Saya gunakan Bahasa Malaysia yang paling mudah difahami.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, saya masih ada isu, saya masih ada isu yang mustahak. Sekurang-kurangnya bagi sedikit masa supaya esok saya boleh habiskan itu. *Independent police misconduct* dan *misconduct complaint and misconduct commission*. *Independent Police IPCMC*, apa kedudukan sekarang? Oleh kerana boleh kata dalam Laporan Polis Diraja inilah *recommendation* yang *most important*. Yang terpenting sekali ialah, *Independent Commission on Police Complaint and Mismanagement*, apa keadaan? Dalam Ogos 2004 satu interim *report* ada dikemukakan kepada kerajaan dan kalau masa itu *The Independent Police Commission and Complaint Report* sudah dibuat, ini bererti bahawa kita sudah ada lebih satu tahun.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, saya beritahu Yang Berhormat suruh gulung, minta gulung habiskan Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, boleh saya teruskan *tomorrow*, esok.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Habiskan lagi ada ramai orang lagi Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak boleh, tidak boleh habis esok sedikit masa / *wind up the things* tidak boleh soal begitu, esoklah esok.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Minta gulung Yang Berhormat, minta gulung.

Tuan Lim Kit Siang: Ya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat saya faham Yang Berhormat, tetapi ada orang lain pun hendak berucap juga.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tahu, saya tahu, esoklah, esoklah habis. Esoklah esok.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya benarkan Yang Berhormat habiskan hari ini.

Tuan Lim Kit Siang: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya benarkan Yang Berhormat habiskan hari ini.

Tuan Lim Kit Siang: Bukan, bukan tidak boleh habis, tidak boleh habis, tidak boleh habis. Esoklah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya ada kuasa 15 minit sambung.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak, bukan untuk itu esoklah, esok, *tomorrow* *tomorrow*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya suruh habiskan, saya boleh bagi kuasa 15 minit untuk habiskan.

Tuan Lim Kit Siang: Esoklah tidak boleh habis, masih ada tidak boleh, tidak boleh. Esoklah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Berapa minit lagi Yang Berhormat hendak habiskan?

Tuan Lim Kit Siang: Setengah jamlah, setengah jam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya minta bagi 15 minit esok, bagi 15 minitlah Yang Berhormat, 15 minit. Ya, Yang Berhormat Dewan yang mulia ini kita tangguhkan sehingga jam 10.00 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.